

BAB IV

ANALISIS KUALITI HADITH DALAM TAFSIR *MARĀḤ LABĪD*:

TUMPUAN SURAH AL-BAQARAH

4.1 PENDAHULUAN

Bab yang keempat ini adalah kemuncak perbincangan kajian iaitu satu usaha secara praktikal yang dilakukan untuk menyenaraikan dan mentakhrij hadith-hadith yang dikutip oleh Syeikh Nawawi al-Bantānī dalam karyanya tafsir *Marāḥ Labīd* dengan tumpuan kajian kepada surah al-Baqarah. Sebelum itu dinyatakan dahulu gambaran umum secara ringkas perbincangan yang diperbincangkan di dalam bab ini.

Pertama sekali perbincangan didahului dengan keterangan berkaitan bentuk-bentuk penukilan hadith dalam tafsir *Marāḥ Labīd*. Kemudian menjelaskan kaedah dan langkah-langkah yang akan dijalankan penulis dalam meneliti, mentakhrij dan menganalisis, serta menentukan kualiti suatu hadith. Selanjutnya penulis menyenaraikan keseluruhan hadith yang terdapat dalam tafsir surah al-Baqarah dari kitab *Marāḥ Labīd* dan disusun berdasarkan susunan hadith terawal yang dinyatakan dalam kitab tersebut sehingga hadith terakhir dengan menjelaskan ayat yang ditafsirkan oleh hadith tersebut. Penyusunan ini sangat penting agar memudahkan penganalisan dijalankan.

Perkara utama yang disentuh dalam ini adalah usaha untuk menjalankan proses pentakhrijan hadith dengan mengaplikasikan beberapa kaedah atau metode yang telah digariskan oleh para ulama hadith. Proses pentakhrijan ini dilakukan untuk mencari sumber asal suatu hadith daripada kitab-kitab hadith induk dan untuk menentukan kualiti suatu hadith, sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *da'if* mahupun *mawḍū'*. Akhirnya

perbahasan bab ini ditutup dengan pengkategorian hadith-hadith yang telah dikaji berdasarkan beberapa aspek yang telah ditentukan.

4.2 BENTUK PENGUTIPAN HADITH DALAM TAFSIR *MARĀḤ LABĪD*

Seperti yang penulis kemukakan pada batasan kajian dalam bab pendahuluan bahawa hadith-hadith yang akan dikaji dalam penelitian ialah hadith-hadith yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w., maka *athar* tidak termasuk dalam cakupan penelitian ini.

Berdasarkan hasil penelaahan penulis terhadap tafsir surah al-Baqarah daripada kitab *Marāḥ Labīd* mendapati beberapa bentuk pengutipan hadith sebagai berikut:

1. Hadith-hadith yang disebutkan perawi pertamanya (sahabat Nabi) dan sumber atau *mukharrij*-nya, seperti hadith,

أَنَا دَعَوُهُ أَبِي إِبْرَاهِيمَ.¹

Menurut Syekh Nawawi, hadith ini diriwayatkan oleh imam Ahmad daripada al-‘Irbād bin Sariyyah. Namun, hadith yang masuk dalam kategori ini hanya dijumpai sebuah hadith sahaja, iaitu hadith no. 7 daripada hadith-hadith yang disenaraikan dalam bab ini. Hadith ini dikutip dalam rangka menjelaskan ayat ke-129 dari surah al-Baqarah tentang doa Nabi Ibrahim a.s. agar diutus seorang Rasul daripada keturunan beliau yang akan mengajarkan kitab Allah kepada umat manusia.

¹ Muhammad b. ‘Umar Nawawī al-Jāwī al-Bantānī selepas ini al-Bantānī (1997), *Marāḥ Labīd li Kashf Ma’nā al-Qur’ān al-Majīd*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 45.

2. Hadith yang hanya disebut perawi pertamanya, tanpa menyebutkan sumber yang meriwayatkannya. Dalam kategori ini, dijumpai hanya 9 hadith daripada hadith-hadith yang disenaraikan, misalnya dalam mentafsirkan potongan ayat:

{ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِخْفَاءً }.

Syekh Nawawi mengutip riwayat daripada Ibn Mas'ūd r.a. tanpa menyebutkan sumbernya, lafaz matannya sebagaimana berikut:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْعَفِيفَ الْمَتَعَفِّفَ وَيَبْغِضُ الْفَاحِشَ الْبَدِيَّ السَّالِّ الْمَلْحِفَ الَّذِي إِذَا أُعْطِيَ كَثِيرًا أَفْرَطَ فِي الْمَدْحِ، وَإِنْ أُعْطِيَ قَلِيلًا أَفْرَطَ فِي الدَّمِّ.²

3. Ada juga bentuk pengutipan hadith yang hanya mengambil matan tanpa menyebut perawi pertama dan sumbernya. Bentuk seperti ini paling banyak ditemui dalam tafsir Marah Labib, antaranya hadith:

مَنْ أَسْلَفَ فَلْيُسَلِّفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَى أَجْلِ مَعْلُومٍ.³

Dalam bentuk yang ketiga ini, Syekh Nawawi mengutip hadith-hadith dengan berbagai redaksi, iaitu memulakan dengan perkataan (رُوِيَ عَنْ), (قوله ﷺ), (قال ﷺ) , (روي) atau isyarat makna yang menunjukkan bahawa ia adalah hadith seperti perkataan (كان ﷺ).

Tidak terdapat pengutipan hadith yang lengkap rangkaian sanadnya seperti yang terdapat di dalam kitab-kitab hadith para mukharrij.

Ketiga bentuk pengutipan hadith ini akan di-takhrij. Untuk bentuk pengutipan yang pertama, takhrij sifatnya meneguhkan dan menemukan tempatnya dalam kitab

² Ibid., h. 101.

³ Ibid., h. 104.

mukharrij yang disebutkan. Manakala bentuk kedua dan ketiga, *takhrij* dilakukan untuk menemukan sumber-sumber dan *mukharrij* yang kemungkinan memuat hadith-hadith tersebut.

4.3 KAEDAH YANG DIGUNAKAN UNTUK MENTAKHRIJ HADITH

Dalam usaha mentakhrij dan mencari sumber terhadap sesebuah hadith, terdapat beberapa kaedah yang ditetapkan oleh para ulama. Daripada penelaahan penulis, terdapat enam kaedah atau metode yang boleh digunakan untuk melakukan proses mentakhrij hadith. Enam metode tersebut adalah termasuk satu metode yang berunsurkan semasa iaitu mentakhrij hadith melalui penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan perisian dan Internet. Lima metode tidak termasuk penggunaan teknologi semasa dalam mentakhrij hadith berdasarkan saranan para ulama adalah: [1] Takhrij hadith melalui nama Sahabat, [2] Takhrij hadith melalui perkataan awal pada matan hadith, [3] Takhrij melalui perkataan yang jarang ditemui dalam matan (*kalimah gharībah*), [4] Takhrij mengikut tajuk hadith, [5] Takhrij dengan cara melihat keadaan matan dan sanad hadith.

Namun demikian penulis tidak akan menjelaskan setiap metode tersebut secara terperinci, apa yang hendak ditekankan di sini adalah bagaimana penulis selaku pengkaji mengaplikasikan metode-metode tersebut walaupun bukan secara keseluruhan. Oleh hal yang demikian, beberapa pendekatan dan langkah akan dijalankan oleh penulis untuk mencari, meneliti dan menganalisis kualiti hadith sebagaimana berikut:

1. Mengutip teks-teks hadith berserta perawinya yang terdapat dalam tafsir surah al-Baqarah daripada kitab *Marāh Labīd*.

2. Mencari sumber hadith tersebut di dalam kitab-kitab sumber induk, seperti *al-Kutub al-Tis'ah*, *Mustadrak al-Hākim*, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, *Sunan al-Bayhaqī*, *Tafsir al-Ṭabarī*, dan sebagainya. Penulis akan mengumpulkan penjelasan suatu hadith yang diteliti dengan mencatat nama buku, pengarang, kitab, bab, jilid, halaman, nombor hadith, perawi, dan kualiti sanad hadith jika ada.
3. Dalam mencari hadith, penulis menggunakan perisian hadith seperti *al-Maktabah al-Syāmilah*, *Jawāmi' al-Kalim* dan *al-Maktabah al-Alfiah li al-Sunnah al-Nabawiyah*. Begitu juga menggunakan Internet melalui laman-laman web seperti www.hadith.net, www.al-islam.com, www.dorar.com dan sebagainya. Perisian dan laman web ini hanya digunakan untuk membantu penulis dalam menemukan keberadaan suatu hadith dengan mudah di dalam mana-mana kitab sumber. Hal ini disebabkan kerana rujukan yang lebih sah adalah kitab, bukan perisian atau laman web yang tidak terlepas dari pelbagai kelemahan dan kekurangan.
4. Berkenaan dengan hadith-hadith yang ditakhrij oleh al-Bukhārī dan Muslim, masing-masing dalam kitab *Ṣaḥīḥ*-nya, tidak dianalisis lagi, sebab riwayat masing-masing keduanya tidak diragukan lagi kualiti kesahihannya. Penulis hanya akan meneliti kesesuaian teks yang digunakan Syekh Nawawi, apabila terjadi perbezaan, maka akan dikutip teks yang paling dekat kesesuaiannya.
5. Hadith-hadith yang diriwayatkan oleh selain al-Bukhārī dan Muslim, penulis akan berusaha mencari pendapat-pendapat ulama hadith mengenai nilai hadith itu, sama ada ulama terdahulu (*mutaqaddimīn*) seperti al-Tirmidhī, Ibn Ḥibbān, al-Hākim, al-Bayhaqī, mahupun ulama yang datang setelahnya (*muta'akhkhirīn*) seperti al-Dhahabī, al-Zayla'ī, al-'Irāqī, Ibn Ḥajar, al-Suyūṭī dan al-Munawī, serta pendapat ulama kontemporari (*mu'aṣirīn*) seperti Ahmad Shākir, al-Albānī dan lain-lain, tanpa meninggalkan upaya penulis mengkritik sanad dan matan

- hadith sesuai dengan kaedah ilmu hadith. Apabila hadith tersebut dinilai *ḥasan*, *ḍa'if* atau *mawḍū'* maka penulis akan menjelaskan penyebabnya.
6. Hadith-hadith yang tidak dijumpai atau tidak disebutkan hukumnya oleh ulama, maka penulis berusaha mengetahui kualiti hadithnya melalui perawinya. Dalam meneliti hadith-hadith terkait, penulis akan merujuk kepada kitab-kitab '*Ulūm al-Ḥadīth*' dan *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Penulis akan memberi nilai *ṣaḥīḥ* bagi suatu hadith apabila memenuhi kriteria atau syarat, iaitu: perawinya dipandang 'adil, sempurna ingatan (*dābiṭ*), sanadnya tersambung (*muttaṣil*), terhindar daripada 'illah dan *shādh* sama ada pada sanad mahupun matannya. Jika syarat *ṣaḥīḥ* terpenuhi, namun ingatannya kurang handal, maka penulis menilainya *ḥasan li dhātih*. Sekiranya *ṭuruq* hadithnya cukup banyak dan dapat diterima, maka akan dipandang *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Kualiti sanad akan dipandang *ḍa'if*, apabila tidak memenuhi syarat *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan*. Penulis akan menilainya *ḥasan li ghayrih*, apabila *ṭuruq*-nya banyak selama tidak berstatus *ḍa'if jiddan*.
 7. Hadith yang tidak dapat ditemukan di dalam kitab-kitab sumber induk, maka penulis akan menjelaskan sumber yang memuat riwayat tersebut dan penulis akan menyebut "tidak diketahui". Suatu hadith hanya akan dinilai *mawḍū'* apabila terdapat pendapat ulama yang menilainya demikian.
 8. Apabila terjadi perbezaan pendapat di kalangan ulama, sama ada dalam menetapkan hukum hadith ataupun dalam *al-jarḥ wa al-ta'dīl*, maka penulis akan mempertimbangkan klasifikasi pendapat ulama dari segi *mutashaddid* (ketat), *mu'tadil* (sederhana) dan *mutasāhil* (mudah). Penulis akan memilih pendapat ulama yang tergolong sebagai *mu'tadil* (sederhana) seperti Ahmad bin Hanbal, Ibn Ḥajr, al-Dāraquṭnī, Ibn 'Adī dan lainnya.⁴

⁴ Lihat: Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad al-Dhahabī (1412), *al-Mawqī'ah fī 'Ilm al-Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, taḥqīq: Syeikh Abd al-Fattāḥ Abū Ghaddah, c. 2. Halab: Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, h.

4.4 TEKS-TEKS HADITH DAN ANALISIS KUALITI

Pembahasan hadith-hadith berikut ini penulis susun mengikut urutan hadith yang terdapat dalam tafsir surah al-Baqarah dari Kitab *Marāḥ Labīd*, penulis juga menjelaskan nombor ayat yang ditafsirkan oleh hadith tersebut demi memudahkan pembaca merujuknya dalam tafsir tersebut.

Hadith No. 1:

بَشِّرِ الْمَشَّائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.⁵

Maksudnya: “Kabarkanlah kepada orang-orang yang berjalan dalam kegelapan menuju Masjid dengan ganjaran cahaya yang sempurna pada hari kiamat”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada Buraydah al-Aslamī, diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dari jalur Yaḥyā bin Kathīr daripada Ismā’īl al-Kaḥḥāl⁶ dan Abū Dāwūd dari jalur Abū ‘Ubaydah daripada Ismā’īl al-Kaḥḥāl.⁷ Ibn Mājah pula meriwayatkannya daripada Anas bin Mālik.⁸ Ibn Khuzaymah⁹ dan al-Ḥākim¹⁰ meriwayatkannya daripada Sahl bin Sa’d al-Sā’idī, sanad mereka bertemu pada Abū Bakr Muhammad bin Ishāq.

b. Kualiti hadith: *Ṣaḥīḥ*.

73; lihat juga: Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī (2011), *Takhrīj al-Ḥadīth: Nash`atuh wa Manhajīyyatuh*, c. 4, Bangi: Dār al-Shākir, h. 211.

⁵ *Ibid*, h. 13, tafsir ayat ke-25.

⁶ Muhammad bin ‘Īsā al-Tirmidhī selepas ini al-Tirmidhī (t.t.), *Sunan al-Tirmidhī*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, kitab: al-Ṣalāh, bab: Mā Jā`a fī Faḍl al-‘Ishā` wa al-Fajr fī al-Jamā`ah, hadith 223, h. 65.

⁷ Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sajistānī selepas ini Abū Dāwūd (t.t.), *Sunan Abū Dāwūd*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, kitab: al-Ṣalāh, bab: mā jā`a fī al-Mashy ilā al-Ṣalāh fī al-Ḍalām, hadith 561, h. 104.

⁸ Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī selepas ini Ibn Mājah (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, Kitab: al-Ṣalāh, Bab: fī al-Mashy ilā al-Ṣalāh, hadith 781, h. 148.

⁹ Muhammad bin Ishāq bin Khuzaymah selepas ini Ibn Khuzaymah (t.t.), *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, taḥqīq: Muhammad Muṣṭafā al-A’zamī, Riyadh: al-Maktabah al-Islamiyyah, Kitab: al-Ṣalāh, Bab: Faḍl al-Mashy ila al-Ṣalāh fī al-Ḍalām bi al-Layl, Riyadh: al-Maktabah al-Islamiyyah, hadith no. 1499, h. 724.

¹⁰ Muhammad bin ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysabūrī selepas ini al-Ḥākim (1997), *al-Mustadrak ‘ala al-Ṣaḥīḥayn*, taḥqīq: Muqbil bin Hādī al-Wāda’i, Kitab: al-Ṣalāh, bab: al-Imāmah wa Ṣalāh al-Jamā`ah, Kaherah: Dār al-Haramayn, hadith 771 & 772, j. 1, h. 319.

Menurut Al-Ḥākim hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sesuai dengan syarat al-Bukhārī. Al-Albānī menilai *ṣaḥīḥ* dalam *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*.¹¹

Hadith No. 2:

رُوي أَنَّ أَبَا بَكْرٍ الصِّدِّيقَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنِ الشَّجَرَةِ فَقَالَ: هِيَ الشَّجَرَةُ الْمُبَارَكَةُ
السُّنْبَلَةُ.¹²

Maksudnya: “Diriwayatkan bahawasanya Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang pokok tersebut, maka beliau bersabda: Ia adalah pokok yang berberkat lagi berbau wangi”.

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith ini tidak dapat dijumpai dalam mana-mana kitab hadith yang muhtamad.

Ianya dikutip oleh Syekh Nawawi daripada *Tafsīr al-Rāzī*.¹³

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 3:

رُوي أَنَّهُ يُنَادِي مُنَادٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: "وَعَزَّتِي وَجَلَالِي أَنِّي لَا أَجْمَعُ عَلَى عَبْدِي خَوْفِينَ وَلَا أَمْنِينَ مَن
أَمَّنِي فِي الدُّنْيَا خَوْفَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ خَافَنِي فِي الدُّنْيَا أَمَّنْتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ".¹⁴

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya pada hari kiamat ada (suara) yang memanggil: “Demi kemuliaan dan keagungan-Ku, sesungguhnya Aku tidak akan menghimpunkan dua macam ketakutan dan dua macam keamanan pada diri hamba-Ku. Barang siapa merasa aman dengan-Ku (tidak takut kepada-Ku) di dunia nescaya Aku akan beri ketakutan kepadanya pada hari kiamat dan barang siapa yang takut kepada-Ku di dunia, nescaya Aku akan memberinya rasa keamanan pada hari kiamat.

¹¹ Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī selepas ini al-Albānī (2000), *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, kitab: al-Ṣalāh, bab: Mā Jā’a fī Faḍl al-‘Ishā` wa al-Fajr fī al-Jamā’ah, hadith 223, j. 1, h. 138.

¹² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 16, tafsir ayat ke-35.

¹³ Fakhr al-Dīn Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan al-Rāzī selepas ini al-Rāzī (2000), *Mafāṭīḥ al-Ghayb*, j.3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 6

¹⁴ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 18, tafsir ayat ke-40.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān daripada al-Ḥasan bin Sufyān daripada Ibrāhīm bin Ya'qūb daripada 'Abd al-Wahhāb bin 'Aṭā' daripada Muhammad bin 'Amr daripada Abū Salamah daripada Abū Hurayrah dengan redaksi sebagai berikut:

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ جَلَّ وَعَلَا، قَالَ: "وَعَزَّيْ لَا أَجْمَعُ عَلَى عَبْدِي خَوْفَيْنِ وَأَمْنَيْنِ، إِذَا خَافَنِي فِي الدُّنْيَا أَمَّنْتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَإِذَا أَمَّنَنِي فِي الدُّنْيَا أَحَفَّتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ."¹⁵

Diriwayatkan juga oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Imān* daripada Abū Hurayrah melalui jalur Yaḥyā bin Maymūn,¹⁶ Ibn Mūbarak dalam *al-Zuhd wa al-Raqā'iq* daripada al-Ḥasan secara *mursal*,¹⁷ dan al-Ṭabarānī dalam *Musnad al-Shamiyyīn* daripada Shaddād bin Aws.¹⁸

Semua rijal sanad dalam riwayat Ibn Ḥibbān, al-Bayhaqī dan Ibn Mubāarak ini adalah *thiqah* kecuali Muhammad bin 'Amr bin 'Alqamah al-Laythī dan 'Abd al-Wahhāb bin 'Aṭā' al-Khaffāf. Adapun Muhammad bin 'Amr bin 'Alqamah al-Laythī: Abū Ḥātim menilainya sebagai *ṣāliḥ al-ḥadīth* (hadithnya baik), al-Nasā'ī berkata: *Laisa bihi ba's* (hadithnya tiada masalah), di tempat lain beliau menilainya *thiqah*, Abū Ahmad bin 'Adiy berkata: *lahū ḥadīth ṣāliḥ* (hadithnya baik), ramai perawi *thiqah* meriwayatkan dari padanya, Ibrahim Ya'qūb al-Sa'dī berkata: hadithnya tidak kuat¹⁹, Ibn Ḥajar berkata: *Ṣadūq lahū Awhām*²⁰. Manakala 'Abd al-Wahhāb bin 'Aṭā' al-

¹⁵ Muhammad bin Ḥibbān bin Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī al-Bastī selepas ini Ibn Ḥibbān (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, taḥqīq: Shu'ayb al-Arnaūṭ, c.2, Beirut: Muassasah al-Risālah, kitab: al-Raqā'iq, bab: Husn al-Zann bi Allāh, Hadīth 646, j.2, h. 406.

¹⁶ Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī selepas ini al-Bayhaqī (2003), *al-Jāmi' li Shu'ab al-Imān*, taḥqīq: Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, bab: fī al-Khawf min Allāh, j. 2, Riyadh: Maktabah al-Rushd, h. 223.

¹⁷ 'Abd Allāh ibn al-Mubāarak al-Marwazī (t.t.), *al-Zuhd wa al-Raqā'iq*, taḥqīq: Ḥabīb al-Raḥmān al-A'zamī, bab: ma Jā'a fī al-Khushū' wa al-Khawf, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 51. hadith no. 157.

¹⁸ Sulaymān bin Ahmad bin Ayyub al-Ṭabarānī selepas ini al-Ṭabarānī (1984), *Musnad al-Shāmiyyīn*, taḥqīq: Hamdī Abd al-Mājid al-Salafī, j., 1, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 266. hadith no. 462.

¹⁹ Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf al-Mizzī selepas ini al-Mizzī (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, taḥqīq: Dr. Bashshār 'Awwār Ma'rūf, j. 26, Beirut: Mu'assasah al-Risālah. H. 214-217.

²⁰ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī selepas ini Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb al-Tahdhīb*, taḥqīq: Shaghīr Ahmad al-Baqistānī, Riyadh: Dār al-'Āshimāh, h. 884.

Khaffāf, menurut Ibn al-Ghallabī: hadithnya ditulis, ‘Abbās al-Dūrī daripada Yahyā bin Ma’īn berkata: ia *thiqah*²¹, al-Nasā’ī berkata: hadithnya tidak kuat²², Ibn Hajar berkata: *Ṣadūq* (jujur) kemungkinan terkhilaf.²³

b. Kualiti Hadith: Hasan.

Hadith No. 4:

مَا وَرِثَ قَاتِلٌ بَعْدَ صَاحِبِ الْبَقْرَةِ.²⁴

Maksudnya: “Pembunuh tidak akan mewarisi orang yang dibunuhnya setelah pemilik lembu itu”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith dengan lafaz ini tidak dijumpai dalam mana-mana sumber, kecuali dalam salah satu kitab tafsir rujukan Syeikh Nawawī, iaitu tafsir *al-Sirāj al-Munīr* karya Muhammad bin Ahmad al-Khatīb al-Sharbīnī (w.977H)²⁵, ia juga dijumpai dalam *Tafsīr al-Baghawī* (w.510H) tanpa sanad²⁶.

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 5:

رُوي أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ لَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ أَتَاهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ صُورِيًّا فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ، كَيْفَ نَوْمُكَ فَقَدْ أُخْبِرْنَا عَنْ نَوْمِ الَّذِي يَجِيءُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ؟ فَقَالَ ﷺ: «تَنَامُ عَيْنَايَ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي» قَالَ: صَدَقْتَ يَا مُحَمَّدُ، فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْوَلَدِ أَمِنَ الرَّجُلِ يَكُونُ أُمٌّ مِنَ الْمَرْأَةِ؟ فَقَالَ: «أَمَّا الْعِظَامُ وَالْعَصَبُ وَالْعُرُوقُ فَمِنَ الرَّجُلِ، وَأَمَّا اللَّحْمُ وَالْدَّمُ وَالظَّفَرُ وَالشَّعْرُ فَمِنَ الْمَرْأَةِ». فَقَالَ: صَدَقْتَ، فَمَا بَالُ الرَّجُلِ يُشْبِهُهُ

²¹ Al-Mizzī (1992), *op. cit.*, j. 18, h. 514.

²² Ahmad bin Shu’ayb bin ‘Alī al-Nasā’ī selepas ini al-Nasā’ī (1985), *al-Du’afā’ wa al-Matrūkūn*, taḥqīq: Būran al-Danawī, Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfah, h. 163.

²³ Ibn Hajar (t.t.), *op. cit.*, h. 633.

²⁴ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 27, tafsir ayat ke-73.

²⁵ Lihat: Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.t.), *al-Sirāj al-Munīr fī al-I’ānah ‘alā Ma’rifah Ba’d Ma’ānī Kalām Rabbīnā al-Ḥakīm al-Khabīr*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 153.

²⁶ Al-Ḥusayn bin Mas’ūd al-Baghawī (1997), *Ma’ālim al-Tanzīl*, taḥqīq Muhammad ‘Abd Allāh al-Namr, cet. 4, j. 1, Riyadh: Dār Ṭaybah, h. 101

أَعْمَامَهُ دُونَ أَحْوَالِهِ، وَيُشْبِهُ أَحْوَالَهُ دُونَ أَعْمَامِهِ. فَقَالَ: «أَيُّهُمَا غَلَبَ مَاؤُهُ مَاءَ صَاحِبِهِ كَانَ الشَّبَهُ لَهُ». قَالَ: صَدَقْتَ، أَحْبَبْتَنِي أَيُّ الطَّعَامِ حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ، وَفِي التَّوْرَةِ أَنَّ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ يُخْبِرُ عَنْهُ؟ فَقَالَ ﷺ: «أُنشِدْكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ التَّوْرَةَ عَلَى مُوسَى هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّ إِسْرَائِيلَ مَرَضَ مَرَضًا شَدِيدًا فَطَالَ سَقَمُهُ، فَندَرَ اللَّهُ نَذْرًا لِنَنْ عَافَاهُ اللَّهُ مِنْ سَقَمِهِ لِيَحْرِمَنَّ عَلَى نَفْسِهِ أَحَبَّ الطَّعَامِ وَالشَّرَابِ وَهُوَ لِحَمَانِ: الْإِبِلُ وَالْبَنَاتُهَا». فَقَالُوا: نَعَمْ، فَقَالَ لَهُ: بَقِيَتْ خَصْلَةٌ وَاحِدَةٌ إِنْ قُلْتَهَا آمَنْتُ بِكَ أَيَّ مَلِكٍ يَأْتِيكَ بِمَا تَقُولُ عَنِ اللَّهِ. قَالَ: «جِبْرِيْلُ» قَالَ: إِنَّ ذَلِكَ عَدُوْنَا يَنْزِلُ بِالْقِتَالِ وَالشَّدَّةِ، وَرَسُولُنَا مِيكَائِيلُ يَأْتِي بِالْبُشْرِ وَالرَّخَاءِ فَلَوْ كَانَ هُوَ الَّذِي يَأْتِيكَ آمَنَّا بِكَ.²⁷

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya ketika Nabi s.a.w. tiba di Madinah ‘Abd Allāh bin Suriyya mendatanginya dan berkata: Wahai Muhammad, bagaimana tidurmu? Kami telah dikhabarkan tentang keadaan tidur yang akan beraku di akhir zaman, beliau menjawab: “Mataku tidur namun hatiku tidak tidur” ia berkata: engkau benar Muhammad. Khabarkan kepadaku, anak itu daripada lelaki atau perempuan? Beliau menjawab: Adapun tulang, urat saraf dan asal keturunannya daripada lelaki, sedangkan daging, darah, kuku dan rambut daripada perempuan, ia berkata: engkau benar. Bagaimana pendapatmu tentang seseorang lelaki, ada yang menyerupai bapa saudaranya dari sebelah bapa dan tidak menyerupai bapa saudaranya dari sebelah ibu, ada juga yang menyerupai bapa saudaranya dari sebelah ibu dan tidak menyerupai bapa saudaranya dari sebelah bapa? Beliau menjawab: Mana-mana air (genetik) mengalahkan air (genetik) yang lain maka keserupaan itu berlaku padanya. Ia berkata: Engkau benar. Khabarkan kepadaku makanan apa yang diharamkan oleh Isra`il atas dirinya? Di dalam Taurat dijelaskan bahawa Nabi yang *Ummi* dikhabarkan mengenai hal tersebut. Maka Nabi s.a.w. menjawab: Demi Allah Yang menurunkan Taurat kepada Nabi Musa, apakah kamu mengetahui bahawasanya Isra`il menghidap penyakit keras dalam masa yang lama, lalu ia bernazar kepada Allah, apabila Allah menyembuhkan dari penyakitnya nescaya dia akan mengharamkan makanan dan minuman yang paling ia sukai iaitu unta dan susunya? mereka berkata: Ya. Ia berkata: Satu perkara lagi apabila engkau menjawabnya maka aku akan beriman kepadamu, malaikat apa yang mendatangkan kepadamu apa yang engkau ucapkan daripada Allah? Beliau menjawab: Jibril. Ia berkata: dia itu musuh kami yang menurunkan pembunuhan dan kesusahan, sedangkan utusan kami ialah Mika`il yang mendatangkan berita gembira dan kelapangan. Sekiranya dia yang datang kepadamu maka kami akan beriman kepadamu.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menjumpai sumber yang mengemukakan riwayat ini secara utuh, kecuali tafsir rujukan Syekh Nawawī iaitu kitab tafsir *Mafātīḥ al-Ghayb* karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H).²⁸

²⁷ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 34, tafsir ayat ke-97.

²⁸ Al-Rāzī (2000), *Mafātīḥ al-Ghayb*, *op. cit.*, j. 3, h. 177.

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Namun potongan hadis «تَنَامُ عَيْنَايَ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي» adalah sebuah hadis yang sahih yang diriwayatkan oleh Abu Dāwūd dalam *Sunan*-nya²⁹ dan Ahmad bin Hanbal dalam *Musnad*-nya daripada ‘Aishah r.a.³⁰

Hadith No. 6:

رُوي أَنَّ فَنَحَاصَ بْنَ عَازُورَاءَ وَزَيْدَ بْنَ قَيْسٍ وَنَفْرًا مِنَ الْيَهُودِ قَالُوا لِحُدَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ وَعَمَّارَ بْنَ يَاسِرٍ بَعْدَ وَقْعَةِ أُحُدٍ: أَلَمْ تَرَوْا مَا أَصَابَكُمْ، وَلَوْ كُنْتُمْ عَلَى الْحَقِّ مَا هَزَمْتُمْ، فَارْجِعُوا إِلَى دِينِنَا فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَأَفْضَلُ، وَنَحْنُ أَهْدَى مِنْكُمْ سَبِيلًا، فَ قَالَ عَمَّارٌ: كَيْفَ نَقْضَ الْعَهْدِ فِيكُمْ؟ قَالُوا: شَدِيدٌ. قَالَ: فَإِنِّي قَدْ عَاهَدْتُ أَنْ لَا أَكْفُرَ بِمُحَمَّدٍ مَا عِشْتُ. فَقَالَتِ الْيَهُودُ: أَمَا هَذَا فَقَدْ صَبَا. وَقَالَ حُدَيْفَةُ: وَأَمَا أَنَا فَقَدْ رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِالْقُرْآنِ إِمَامًا، وَبِالْكَعْبَةِ قِبْلَةً، وَبِالْمُؤْمِنِينَ إِخْوَانًا. ثُمَّ أَتَى رَسُولَ اللَّهِ ﷺ وَأَخْبَرَاهُ فَقَالَ: " أَصَبْتُمَا خَيْرًا وَأَفْلَحْتُمَا".³¹

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Faḥnāṣ bin ‘Ādhūrā, Zayd bin Qays dan beberapa orang Yahudi berkata kepada Hudhayfah bin al-Yaman dan ‘Ammār bin Yāsir selepas perang Uhud: tidakkah kamu melihat apa yang menimpa kamu, sekiranya kamu dalam kebenaran tidak mungkin kamu dikalahkan, kembalilah kepada agama kami, ia lebih baik dan utama bagi kamu, kami lebih mendapat petunjuk daripada kamu. Maka Ammār berkata: Bagaimana hukum membatalkan perjanjian dalam agama kamu? Mereka berkata: sangat keras (besar dosanya). Ammar berkata: Sesungguhnya aku telah berjanji tidak akan mengingkari Nabi Muhammad selama aku hidup. Maka orang Yahudi berkata: Ini hanya kecil (dosanya). Hudhayfah berkata: Adapun aku, aku telah reda Allah sebagai Tuhanku, Muhammad sebagai Nabiku, Islam sebagai agamaku, al-Qur`an sebagai imamku, Ka’bah sebagai kiblatku, orang-orang mukmin sebagai saudaraku. Kemudian keduanya mendatangi Rasulullah dan mengkhabarkan kepada baginda, lalu beliau bersabda: kamu berdua telah berbuat benar dan mendapat keberuntungan.

²⁹ Abū Dāwūd (t.t.), *op.cit.*, Kitab al-Ṭahārah, Bab al-Wuḍū` min al-Nawm, hadith 202, h. 39.

³⁰ Ahmad bin Hanbal al-Shaybānī selepas ini Ahmad bin Hanbal (1999), *Musnad Ahmad*, taḥqīq: Shu`ayb al-Arna`ūṭ, Musnad al-Sayyidah ‘Āishah, c. 2, j. 6. Beirut: Mu`assasah al-Risālah, hadith. 24119, h. 36.

³¹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 39, tafsir ayat ke-108.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini terdapat dalam *Tafsīr al-Baghawī*³² tanpa sanad, begitu juga di dalam *Tafsīr al-Rāzī*³³ dan *al-Kashshāf*³⁴. Ibn Ḥajar dalam *al-Kāfī al-Shāf* berkata: saya tidak menjumpai sanad dan perawi hadith ini.³⁵

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 7:

أَنَا دَعْوَةُ أَبِي إِبْرَاهِيمَ.³⁶

Maksudnya: “Aku adalah dakwah (doa) ayahku Ibrahim”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada al-‘Irbād bin Sariyyah al-Sulamī, diriwayatkan oleh al-Ḥākim al-Naysabūrī dalam *al-Mustadrak*³⁷ dengan nas lengkap sebagai berikut:

إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ، وَخَاتَمُ النَّبِيِّينَ، وَأَبِي مُنَجِّدٍ فِي طِينَتِهِ وَسَأْخِرِكُمْ عَنْ ذَلِكَ أَنَا دَعْوَةُ أَبِي إِبْرَاهِيمَ، وَبِشَارُهُ عَيْسَى، وَرُؤْيَا أُمِّي أَمِنَةَ الَّتِي رَأَتْ، وَكَذَلِكَ أُمَّهَاتُ النَّبِيِّينَ يَرَيْنَ، وَأَنَّ أُمَّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ رَأَتْ حِينَ وَضَعَتْهُ لَهُ نُورًا أَضَاءَتْ لَهَا فُصُوزَ الشَّامِ.

Diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad dalam Musnadnya³⁸, al-Ṭabarānī dalam Musnad al-Shamiyyīn³⁹, al-Bayhaqī dalam *Dalā’il al-Nubuwwah*⁴⁰ dan al-Ṭabarī dalam tafsirnya daripada hadith ‘Irbād bin Sariyyah dan Khālid bin Ma’dān al-Kalā’ī⁴¹.

³² Al-Baghawī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 136.

³³ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 3, h. 214.

³⁴ Al-Zamakhsharī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 309.

³⁵ Ibn Ḥajr (t.t.), *op. cit.*, h. 9.

³⁶ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 45, tafsir ayat ke-129.

³⁷ Al-Ḥākim (1990), *op. cit.*, kitab: al-Tafsīr, bab: Tafsīr Sūrah al-Aḥzāb, hadith 3623, j. 2, h. 453.

³⁸ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith 17150, 17163, j. 28, h. 379 & 395.

³⁹ Al-Ṭabarānī (1984), *op. cit.*, j. 2, h. 340.

⁴⁰ Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqī selepas ini al-Bayhaqī (1988), *Dalā’il al-Nubuwwah*, taḥqīq: ‘Abd al-Mu’ṭī Qal’ajī, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 80.

⁴¹ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 2070, 2071, j. 3, h. 82, 83.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Ḥākim al-Naysabūrī, Shu'ayb al-Arnaūṭ, dan Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī.⁴²

Hadith No. 8:

إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ مِثْلُ الْوَالِدِ.⁴³

Maksudnya: Hanyasanya aku seumpama ayah bagi kamu sekalian.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini adalah potongan dari hadith yang panjang daripada Abū Hurayrah, diriwayatkan oleh al-Nasā'ī daripada Ya'qūb bin Ibrāhīm daripada Yaḥyā bin Sa'īd daripada Muhammad bin 'Ajlān daripada al-Qa'qā' daripada Abū Ṣāliḥ daripada Abū Hurayrah dengan lafaz:

عَنْ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ مِثْلُ الْوَالِدِ أُعَلِّمُكُمْ إِذَا ذَهَبَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْخَلَاءِ فَلَا يَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ وَلَا يَسْتَدْبِرُهَا وَلَا يَسْتَنْجِ بِيَمِينِهِ وَكَانَ يَأْمُرُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ وَنَهَى عَنِ الرُّوثِ وَالرَّمَّةِ.⁴⁴

Diriwayatkan juga oleh Abū Dāwūd melalui jalur Ibn Mubārak daripada Ibn 'Ajlān⁴⁵, Ibn Mājah⁴⁶ dan Ahmad bin Ḥanbal⁴⁷ melalui jalur Sufyān bin 'Uyaynah, Ibn Khuzaymah melalui Yaḥyā bin Sa'īd⁴⁸, dan al-Dārimī melalui Ibn Mubarak.⁴⁹

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*

⁴² Lihat: al-Albānī (2002), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, hadith 1545, j. 4, h. 60,

⁴³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 46, tafsir ayat ke-129.

⁴⁴ Al-Nasā'ī (t.t.), *Sunan al-Nasā'ī*, taḥqīq: Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, kitab: al-Ṭahārah, bab: al-Nahy 'an al-Istiṭābah bi al-Rawth, hadith 40, h. 15.

⁴⁵ Abū Dāwūd (t.t.), *Op. cit.*, kitab: al-Ṭahārah, bab: Karāhiyah Istiqbāl al-Qiblah 'Inda Qaḍā' al-Ḥājah, dengan lafaz: (بمنزلة الوالد) hadith 8, h. 8.

⁴⁶ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṭahārah, bab: al-Istinjā' bi al-Ḥijārah, hadith 313, h. 73.

⁴⁷ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, j. 12, Musnad Abū Hurayrah, hadith no. 7368 & 7409, h. 326, 372.

⁴⁸ Ibn Khuzaymah (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṭahārah, bab: al-Nahy 'an al-Istiṭābah bi Dūn Thalāthah Ahjār, hadith 80, h. 43.

⁴⁹ 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥmān bin Faḍl al-Dāriī selepas ini al-Dārimī (2000), *Musnad al-Dārimī*, taḥqīq: Husayn Sālim Asad al-Dārānī, Riyadh: Dār al-Mughnī, hadith 701, j. 1, h. 533.

Menurut Imam al-Baghawī, hadith ini *ṣaḥīḥ*.⁵⁰ Shu'ayb al-Arnaūṭ berkata: sanad hadith ini kuat, al-Albānī pula menghukumnya sebagai hadith *ḥasan*.⁵¹

Hadith No. 9:

يَا صَفِيَّةُ عَمَّةُ مُحَمَّدٍ، يَا فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ ائْتُونِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِأَعْمَالِكُمْ لَا بِأَنْسَابِكُمْ فَإِنِّي لَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا.⁵²

Maksudnya: “Wahai Şafiyah, ibu saudara Muhammad, wahai Fāṭimah binti Muhammad, datanglah kepadaku pada hari kiamat dengan amal-amalmu, bukan dengan nasab-nasabmu, kerana sesungguhnya aku tidak memadai sedikit pun (untuk menolak seksaan) Allah terhadap kalian.”

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith semakna dengan nas di atas diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya daripada Abū al-Yaman daripada Syu'ayb daripada al-Zuhri daripada Sa'id bin al-Musayyib dan Abū Salamah daripada Abū Hurayrah dengan lafaz:

قَامَ ﷺ حِينَ أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: {وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ} قَالَ يَا مَعْشَرَ قُرَيْشٍ أَوْ كَلِمَةً نَحْوَهَا اشْتَرَوْا أَنْفُسَكُمْ لَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ لَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا يَا عَبَّاسُ بَنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَيَا صَفِيَّةُ عَمَّةَ رَسُولِ اللَّهِ لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَيَا فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ سَلِينِي مَا شِئْتِ مِنْ مَالِي لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا.⁵³

⁵⁰ Al-Husayn bin Mas'ūd al-Baghawī (1983), *Sharḥ al-Sunnah*, c. 2, j. 1, Damshiq: al-Maktabah al-Islāmiah, h. 356.

⁵¹ Al-Nasā'ī (t.t.), *op.cit.* h. 15.

⁵² Tambahan lafaz (ائتونني يوم القيامة بأعمالكم لا بأنسابكم) tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadith, ia terdapat dalam kitab tafsir al-Rāzī, lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 4, h. 71; al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 47, tafsir ayat ke-134.

⁵³ Muhammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī selepas ini al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Kitab: al-Waṣāyā, bab: hal Yadkhul al-Nisā wa al-Walad fī al-Aqārib, hadith 2753, dan tafsir al-Shu'arā, hadith 4771, cet. 3, Riyadh: Dār al-Salām, h. 221 & 403.

Diriwayatkan juga oleh Muslim⁵⁴ dan al-Nasā'ī⁵⁵ melalui jalur Ibn Shihāb daripada Ibn al-Musayyib. Begitu juga al-Tirmidhī meriwayatkannya daripada 'Āishah dengan lafaz (إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا)⁵⁶. Imam al-Tirmidhī berkata: Hadith ini ḥasan ṣaḥīḥ.

b. Kualiti hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 10:

مَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.⁵⁷

Maksudnya: Barang siapa yang lambat amalnya, maka nasabnya tidak dapat mempercepatnya.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini adalah potongan dari hadith yang diriwayatkan oleh imam Abū Dāwūd daripada Ahmad bin Yūnus daripada Zāidah daripada al-A'mash daripada Abū Ṣāliḥ daripada Abū Hurayrah dengan lafaz sebagai berikut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَا مِنْ رَجُلٍ يَسْأَلُكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا إِلَّا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقَ الْجَنَّةِ وَمَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ»⁵⁸.

Diriwayatkan juga oleh Muslim⁵⁹, al-Tirmidhī⁶⁰, Ibn Mājah⁶¹ dan Ahmad bin Hanbal⁶². Semua sanadnya sama kecuali pada gurunya masing-masing, Muslim

⁵⁴ Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Naysabūrī selepas ini Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, kitab: al-Īmān, bab: fī Qawlih Ta'ālā: wa Andhir 'Ashīratik al-Aqrabīn, cet. 3, Riyadh: Dār al-Salām, hadith 504, h. 716. diriwayatkan juga dengan lafaz (إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا) hadith 501-503.

⁵⁵ Al-Nasā'ī (t.t.), *Sunan al-Nasā'ī*, op. cit., kitab: al-Waṣāyā, bab: Idhā Awṣā li 'Ashīratih al-Aqrabīn, hadith 3646-3648, h. 568. diriwayatkan juga dengan lafaz (إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا) hadith 3644-3645.

⁵⁶ Al-Tirmidhī (t.t.), op. cit., kitab: Tafsīr al-Qur`ān, bab: wa min Sūrah al-Shu'arā, hadith no. 3184, h. 719.

⁵⁷ Al-Bantānī (1997), op. cit., j. 1, h. 47, tafsir ayat ke-134.

⁵⁸ Abū Dāwūd (t.t.), op. cit., kitab: al-'Ilm, bab: fī Faḍl al-'Ilm, hadith no. 3643, h. 655.

⁵⁹ Muslim (2000), op. cit., kitab: al-Dhikr wa al-Du'ā, bab: Faḍl al-Ijtimā' 'alā Tilāwah al-Qur`ān, hadith 6853 dengan lafaz (وَمَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ), h. 1147.

⁶⁰ Al-Tirmidhī (t.t.), op. cit., kitab: al-Qirā'āt, bab: mā jā`anna al-Qur`ān Unzila 'alā Sab' Aḥruf, hadith 2945, h. 658.

meriwayatkannya daripada Yaḥyā daripada Abū Mu'āwiyah daripada al-A'mash, al-Tirmidhī daripada Maḥmūd daripada Abū Usāmah daripada al-A'mash, Ibn Mājah daripada Ibn Abī Shaybah daripada Abū Mu'āwiyah, dan Ahmad daripada Abd Allāh daripada ayahnya daripada Abū Mu'āwiyah. Semuanya bertemu pada al-A'mash.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 11:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُصَلِّي إِلَى الْكَعْبَةِ فَلَمَّا هَاجَرَ أَمَرَ بِالصَّلَاةِ إِلَى صَخْرَةِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ تَأْلُفًا لِلْيَهُودِ فَصَلَّى إِلَيْهَا سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا ثُمَّ حَوَّلَ إِلَى الْكَعْبَةِ.⁶³

Maksudnya: (Ketika di Makkah) Rasulullah s.a.w. solat menghadap Ka'bah, namun ketika berhijrah, beliau diperintahkan solat menghadap Baitul Maqdis demi menjinakkan hati orang-orang Yahudi, maka beliau solat menghadapnya selama tujuh belas bulan kemudian beliau memindahkan arah kiblat ke Ka'bah.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Syeikh Nawawi menukilkan hadith tersebut secara makna tanpa menyebut sanad dan perawinya. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī,⁶⁴ Muslim,⁶⁵ al-Tirmidhī⁶⁶ dan al-Nasā'ī⁶⁷ daripada al-Barrā` bin 'Āzib. Sanad al-Bukhārī dan al-Tirmidhī bertemu pada Isrā'īl. al-Bukhārī juga mempunyai jalur lain yang sama dengan jalur Muslim, iaitu daripada Ibn al-Muthannā daripada Yaḥyā daripada Sufyān daripada Abū Ishāq daripada al-Barrā`. Sanad al-Nasā'ī pula ada dua jalur; jalur pertama daripada Muhammad bin Bashshār daripada Yaḥyā, yakni sama dengan jalur Muslim, hanya berbeza pada gurunya. Dan kedua, daripada Muhammad bin Ismā'īl daripada Ishāq daripada Zakariyyā daripada Abū Ishāq daripada al-Barrā`.

⁶¹ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Muqaddimah, bab: Faḍl al-'Ulamā`, hadith no. 225, h. 57.

⁶² Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith 4727, j. 12, h. 393.

⁶³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 49, tafsir ayat ke-143.

⁶⁴ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ṣalāh, Bab al-Tawajjuh Naḥwa al-Ka'bah, hadith 399,4492, h. 34,368.

⁶⁵ Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Masājid, Bab Taḥwīl al-Qiblah, hadith 1177, h. 759.

⁶⁶ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ṣalāh, Bab fī Ibtidā` al-Qiblah, hadith 340, 2962, h. 94, 663.

⁶⁷ Al-Nasā'ī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ṣalāh, Bab Farḍu al-Qiblah, hadith 488, 489, h. 84.

Lafaz al-Bukhārī sebagai berikut:

(كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُجِبُّ أَنْ يُوجَّهَ إِلَى الْكَعْبَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ { قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ } فَتَوَجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ...).

Lafaz al-Nasā'ī pula dari jalur Zakariyyā menyebutkan (سِتَّةَ عَشَرَ شَهْرًا).

Diriwayatkan juga oleh Abū Dāwūd daripada Naṣr bin al-Muhājir daripada Yāzid daripada al-Mas'ūdī daripada Amr bin Murrah daripada Ibn Abī Laylā daripada Mu'ādh bin Jabal dengan lafaz (ثَلَاثَةَ عَشَرَ شَهْرًا).⁶⁸ Juga oleh Ahmad bin Hanbal melalui empat jalur: pertama, seperti sanad Muslim daripada Yaḥyā. Kedua, seperti sanad al-Tirmidhī daripada Wakī'. Ketiga, daripada Ḥasan daripada Zuhayr daripada Abū Ishāq. Keempat, seperti sanad Abū Dāwūd daripada Yazīd bin Hārūn, namun berbeza dengan lafaz Abū Dawūd, lafaz Ahmad menyebutkan (سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا).⁶⁹

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 12:

رُوي أَنَّهُ يُقْتَلُ أَحَدُ النُّوعَيْنِ الذَّكْرِ وَالْأُنْثَى بِالْآخَرِ.⁷⁰

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya salah satu daripada dua jenis lelaki dan perempuan dibunuh dengan sebab (membunuh orang dari jenis) yang lain.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Teks di atas bukan hadith tetapi huraian Syekh Nawawi dalam mentafsirkan (وَالْأُنْثَى بِالْأُنْثَى). Beliau berkata: ada beberapa hadith menjelaskan bahawa lelaki juga

⁶⁸ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ṣalāh, Bab al-Adhān, hadith 507, h. 95.

⁶⁹ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith 18496, 18539, 18707, 22124, j. 30, h. 511, 454, 635, & 36/436.

⁷⁰ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 58, tafsir ayat ke-178..

dihukum bunuh (*qiṣāṣ*) sebab membunuh perempuan, begitu juga sebaliknya. Namun beliau hanya menyebutkan secara maknanya sahaja.

Antara hadith yang menjelaskan hal tersebut ialah hadith yang panjang diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dalam *Sunannya* daripada 'Amr bin Manṣūr daripada al-Ḥakam bin Mūsā daripada Yaḥyā bin Hamzah daripada Sulaymān bin Dāwūd daripada al-Zuhrī daripada Abū Bakr bin Muhammad bin 'Amr bin Ḥazm daripada ayahnya daripada datuknya, pada perenggan akhir hadith ini berbunyi: (وَأَنَّ الرَّجُلَ يُقْتَلُ بِالْمَرْأَةِ).⁷¹

Juga oleh al-Dārimī dalam *Sunannya*⁷² dan al-Bayhaqī dalam *al-Sunan al-Kubrā*.⁷³ Sanad mereka semua bertemu pada al-Ḥakam bin Mūsā, iaitu guru kepada al-Dārimī.

Hadith lain dalam perkara ini ialah hadith Anas bin Mālik yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī melalui Qatādah dan Muslim melalui Hishām bin Zayd yang berbunyi:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَتَلَ يَهُودِيًّا بَجَارِيَّةٍ قَتَلَهَا عَلَى أَوْضَاحٍ هَا).⁷⁴

b. Kualiti hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith 'Amr bin Hazm adalah ḥasan, sebab terdapat dalam sanadnya Sulaymān bin Dāwūd, Ibn Ḥajar menilainya *ṣadūq*.⁷⁵ Tapi banyak *ṭuruq* dan hadith *ṣaḥīḥ* yang mendukung sehingga dapat dinilai sebagai *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Manakala hadith Anas adalah *ṣaḥīḥ*.

⁷¹ Al-Nasā'ī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Qasāmah, Bab Dhikr Hadīth 'Amr bin Hizam ..., hadith 4853, h. 739.

⁷² Al-Dārimī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Diyāt, Bab al-Qawd bayn al-Rijāl wa al-Nisā', hadith 2399, h. 1520.

⁷³ Al-Bayhaqī (2003), *op. cit.*, Kitab al-Nafaqāt, Bab Qatl al-Rajul bi al-Mar'ah, hadith 15905, j. 8, h. 52.

⁷⁴ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Diyāt, Bab Qatl al-Rajul al-Mar'ah, hadith 6884, 6885, h. 574; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Qasāmah, Bab Thubūt al-Qiṣāṣ, hadith 4361-4365, h. 973.

⁷⁵ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 407.

Hadith No. 13:

رُوي أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ ﷺ عَلَيَّ أَيَّامٌ مِنْ رَمَضَانَ أَفِيْجُزِيْنِيْ أَنْ أَقْضِيَهَا مُتَفَرِّقَةً؟ فَقَالَ لَهُ: «أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ عَلَيْكَ دَيْنٌ فَقَضَيْتَهُ الدِّرْهَمَ وَالدِّرْهَمَيْنِ أَمَا كَانَ يُجْزِيْكَ؟» قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: «فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يَعْفُوَ وَيَصْفَحَ».⁷⁶

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya ada seseorang bertanya kepada Nabi s.a.w., ia berkata: Aku mempunyai hutang puasa Ramadan, adakah memadai apabila aku mengqada'nya secara terpisah? Beliau bersabda kepadanya: Apa pendapatmu, apabila engkau mempunyai hutang lalu kamu membayarnya satu Dirham-satu Dirham atau dua Dirham-dua Dirham, adakah ia memadai bagimu? Ia menjawab: ya. Sabdanya lagi: Allah lebih berhak memaafkan dan mengampunkan.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini secara makna⁷⁷ diriwayatkan oleh al-Bayhaqī daripada Abū Bakr bin al-Ḥārith daripada 'Alī bin 'Umar daripada Ibn Manī' daripada Ibn Abī Shaybah daripada Yaḥyā bin Sulaym al-Ṭāifī daripada Mūsā bin 'Uqbah daripada Muhammad bin al-Munkadir dengan lafaz:

عن محمد بن المنكدر قال بلغني: أن رسول الله ﷺ سئل عن تقطيع قضاء صيام شهر رمضان فقال ذلك إليك أرايت لو كان على أحدكم دين فقضى الدرهم والدرهمين ألم يكن قضاء فالله أحق أن يعفو أو يغفر.⁷⁸

Diriwayatkan juga oleh Ibn Abī Shaybah (w.235)⁷⁹ dan al-Dāraquṭnī (w.385) dari dua jalur, iaitu jalur Mūsā bin 'Uqbah daripada Muhammad bin al-Munkadir secara *mursal*, dan Mūsā daripada Ibn al-Zubayr daripada Jābir secara *mawṣūl*⁸⁰.

⁷⁶ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 60, tafsir ayat ke-184.

⁷⁷ Lafaz yang sama dimuat oleh al-Rāzī dalam tafsir *Mafātīḥ al-Ghayb*. Lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 5, h. 67.

⁷⁸ Ahmad bin al-Ḥusayn bin 'Alī bin Mūsā al-Bayhaqī (2003), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, taḥqīq: Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā, kitab: al-Ṣiyām, bab: Qaḍā' Shahr Ramaḍān, cet.3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hadith 8243, j. 4, h. 432.

⁷⁹ 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah (2004), *Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah*, taḥqīq: Ḥamad bin 'Abd Allāh Jum'ah, kitab: al-Ṣiyām, bab: mā Qālū fī Tafriq Ramaḍān, Riyadh: Maktabah al-Rushd, hadith 9198, j. 4, h. 51.

⁸⁰ 'Alī bin 'Umar al-Dāraquṭnī (2004), *Sunan al-Dāraquṭnī*, taḥqīq: Shu'ayb al-Arnaūṭ, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hadith no. 2333-2334, j. 3, h. 174.

Di dalam sanad hadith tersebut terdapat Yahyā bin Sulaym al-Ṭāifī (w.193). Ibn Ḥajar al-Asqalānī menilainya sebagai *Ṣadūq sayyi` al-Ḥifz* (Jujur, buruk hafazannya)⁸¹. Dengan demikian dapat dikategorikan sebagai hadith *ḥasan*.

b. Kualiti Hadith: *Ḥasan*.

Al-Bayhaqī mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *ḥasan*, hanya sahaja ia diriwayatkan secara *mursal*.⁸²

Hadith No. 14:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ حَمْرَةَ الْأَسْلَمِيَّ سَأَلَ النَّبِيَّ ﷺ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ أَصُومُ عَلَى السَّفَرِ؟ فَقَالَ ﷺ: "صُمْ إِنْ شِئْتَ وَأَفْطِرْ إِنْ شِئْتَ".⁸³

Maksudnya: Daripada ‘Āishah, bahawasanya Hamzah al-Aslamī bertanya kepada Nabi s.a.w, maka ia berkata: Wahai Rasulullah, apakah aku harus berpuasa dalam perjalanan? Beliau bersabda: “Berpuasalah apabila kamu menghendaki dan berbukalah apabila kamu menghendaki”.

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith dengan menggunakan lafaz (هَلْ أَصُومُ عَلَى السَّفَرِ) hanya penulis temukan dalam kitab tafsir *al-Rāzī*⁸⁴ dan *Gharāib al-Qur`ān wa Raghāib al-Furqān*.⁸⁵ Namun, hadith yang sama makna dengannya terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* yang semuanya diriwayatkan daripada ‘Āisyah r.a daripada Hamzah bin ‘Amru al-Aslamī, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan teks lengkapnya sebagai berikut:

⁸¹ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, h. 1057, biografi no. 7613.

⁸² Al-Bayhaqī (2003), *op. cit.*, h. 431.

⁸³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 60, tafsir ayat ke-184.

⁸⁴ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 5, h.66.

⁸⁵ Nizām al-Dīn al-Ḥasan bin Muhammad al-Qummī (1996), *Gharāib al-Qur`ān wa Raghāib al-Furqān*, taḥqīq: Zakariya ‘Imrān, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 497.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ حَمَزَةَ بْنَ عَمْرِو بْنِ الْأَسْلَمِيِّ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي رَجُلٌ
أَسْرُدُ الصَّوْمَ أَفَأَصُومُ فِي السَّفَرِ قَالَ صُمْ إِنْ شِئْتَ وَأَفْطِرْ إِنْ شِئْتَ.⁸⁶

Diriwayatkan juga oleh Imam al-Bukhārī dengan lafaz (إِنْ شِئْتَ فَصُمْ وَإِنْ شِئْتَ)

, juga oleh al-Nasāī⁸⁸, Abū Dāwūd⁸⁹, al-Tirmidhī⁹⁰ dan Ibn Mājah⁹¹.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Al-Albānī telah menyenaraikan hadith ini di dalam kitab “*al-Silsilah al-Ṣaḥīḥah*”.⁹²

Hadith No. 15:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ.⁹³

Maksudnya: “Doa adalah ibadah”.

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith ini daripada al-Nu’mān bin Bashīr, diriwayatkan oleh Abū Dawūd melalui jalur Ḥafṣ daripada Shu’bah⁹⁴, al-Tirmidhī melalui Marwān daripada al-A’mash⁹⁵, al-Nasāī melalui ‘Abd Allāh daripada Shu’bah⁹⁶, Ibn Mājah melalui Wakī’

⁸⁶ Muslim (2000), *op. cit.*, kitab: al-Ṣiyām, bab: al-Takhyīr fī al-Ṣawm wa al-Fiṭr fī al-Safar, hadith 2626, h. 857.

⁸⁷ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, kitab: al-Ṣawm, bab: al-Ṣawm fī al-Safar wa al-Iftār, hadith 1943, h. 152.

⁸⁸ Al-Nasāī (t.t.), *Sunan al-Nasāī*, *op. cit.*, kitab: al-Ṣiyām, bab: Sard al-Ṣiyām, hadith 2384, h. 370.

⁸⁹ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṣiyām, bab: al-Ṣawm fī al-Safar, hadith no. 3402, h. 421.

⁹⁰ Muhammad bin ‘Īsā al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṣawm, bab: fī al-Rukhṣah fī al-Safar, hadith 711, h. 177.

⁹¹ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṣiyām, bab: mā jā` fī al-Ṣawm fī al-Safar, hadith 1662, h. 291.

⁹² Al-Albānī (2002), *op. cit.*, j. 1, h. 377, hadith no. 194.

⁹³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 62, tafsir ayat ke-186.

⁹⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṣalāh, bab: al-Du’ā’, hadith 1479, h. 225.

⁹⁵ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, kitab: Tafsīr al-Qurān, bab: wa min tafsīr Sūrah al-Baqarah, hadith 2969, 3247 & 3372 (kitab: al-Da’awāt, bab: Faḍl al-Du’ā’), h. 664, 734, 765.

⁹⁶ Al-Nasāī (2001), *al-Sunan al-Kubrā*, taḥqīq: Ḥasan ‘Abd al-Mun’im Shablī, Beirut: Mu`assasah al-Risālah, kitab: al-Tafsīr, bab: Surah Ghāfir, hadith 11400, j. 10, h. 244.

daripada al-A'mash⁹⁷, dan Ahmad bin Hanbal melalui tiga jalur, iaitu gurunya Abū Mu'awiyah, Ibn Numayr dan Wakī' semuanya daripada al-A'mash.⁹⁸ Semua sanadnya bertemu pada Dhar bin 'Abd Allāh al-Hamadānī.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Imam al-Tirmidhī menilainya sebagai *ḥasan ṣaḥīḥ*.⁹⁹ Al-Ḥākim berkata: Sanad hadith ini *ṣaḥīḥ*, namun tidak dikeluarkan oleh al-Shaykhayn.¹⁰⁰

Hadith No. 16:

رُوي أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: أَقْرَبُ رَبُّنَا فَنَدْعُوهُ سِرًّا أَمْ بَعِيدٌ فَنَدْعُوهُ جَهْرًا؟ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى {وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ . . .} الْآيَةَ.¹⁰¹

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya seorang Arab Badwi datang menjumpai Nabi s.a.w. lalu ia berkata: Adakah Tuhan kita dekat sehingga kita berdoa kepada-Nya dengan suara perlahan atautah jauh sehingga kita berdoa kepada-Nya dengan suara keras? Maka Allah menurunkan ayat: (Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka)...).

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī dalam Tafsirnya daripada ayahnya, Muhammad bin Idris al-Ḥanzalī daripada Yaḥyā bin al-Mughīrah daripada Jarīr daripada 'Abdah bin Abī Barzah daripada al-Ṣalt bin al-Ḥākim daripada al-Ḥākim bin Mu'awiyah daripada Mu'awiyah bin Hidah dengan lafaz (جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى)

¹⁰²(اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ: أَقْرَبُ رَبُّنَا فَنُنَادِيهِ، أَمْ بَعِيدٌ فَنُنَادِيهِ).

⁹⁷ Ibn Mājah (t.t), *op. cit.*, kitab: al-Du'ā', bab: Faql al-Du'ā', hadith 3828, h. 630.

⁹⁸ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.* Musnad al-Kūfiyyīn, hadith al-Nu'mān bin Bashīr, hadith 18325, 18386, 18391, 18432 & 18436, j. 30, h.298, 336, 340, 380 & 382.

⁹⁹ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*

¹⁰⁰ Al-Ḥākim (1997), *op. cit.*, hadith 1853, j. 1, h. 672.

¹⁰¹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 62, tafsir ayat ke-186.

¹⁰² Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (1997), *op. cit.*, hadith 1694, h. 338.

Diriwayatkan juga oleh Ibn Ḥibbān dalam *al-Thiqāt* daripada Muhammad bin Ṣāliḥ al-Ṭabarī daripada Muhammad bin Ḥumayd daripada Jarīr bin ‘Abd al-Ḥāmid dan seterusnya seperti sanad Ibn Abī Ḥātim dengan lafaz (أَنْ أَعْرَابِيًّا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَقْرَبُ رُؤُنَا) (فُنُنَا جِيهِ أَمْ بَعِيدٌ فُنُنَادِيهِ).¹⁰³ Penulis tidak menjumpai sumber yang menyebutkan lafaz yang sama dengan lafaz syeikh Nawawī, nampaknya beliau mendatangkan hadith ini secara makna.

Dalam sanad tersebut di atas terdapat Muhammad bin Ṣāliḥ al-Ṭabarī, Muhammad bin Humayd, dan al-Ṣalt bin al-Ḥākim. Adapun Muhammad bin Ṣāliḥ al-Ṭabarī, al-Dhahabī dalam *al-Mīzān* menilainya sebagai *muttahaḥ bi al-kidhb* (tertuduh berbuat dusta),¹⁰⁴ Muhammad bin Humayd al-Rāzī pula dinilai oleh Ibn Hajar sebagai *ḍa’if*,¹⁰⁵ manakala al-Ṣalt bin al-Ḥākim, Ibn Hajar dalam *Lisān al-Mīzān* menilainya sebagai *majhūl*.¹⁰⁶ Dengan demikian hadith tersebut dapat dinilai sebagai hadith *ḍa’if jiddan*.

b. Kualiti Hadith: *Da’if jiddan* (amat lemah).

Hadith No. 17:

وَأَقَعَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ أَهْلَهُ بَعْدَ صَلَاةِ الْعِشَاءِ فَلَمَّا اغْتَسَلَ أَخَذَ يَبْكِي وَيَلُومُ نَفْسَهُ فَآتَى النَّبِيَّ ﷺ
وَأَعْتَدَرَ إِلَيْهِ، فَقَامَ رَجُلٌ وَأَعْتَرَفُوا بِالْجَمَاعِ بَعْدَ الْعِشَاءِ فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ (أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ
الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ).¹⁰⁷

Maksudnya: ‘Umar bin al-Khaṭṭāb telah menjimak isterinya selepas solat Isyak, selepas mandi, ia menangis dan menyesali perbuatannya, lalu ia mendatangi Rasulullah s.a.w. untuk memohon ampunan, datang pula orang ramai yang mengaku telah melakukan

¹⁰³ Abu Hatim Ibn Hibban (1998), *al-Thiqāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hadith 621, h. 1102.

¹⁰⁴ Al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 187.

¹⁰⁵ Ibn Hajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 839.

¹⁰⁶ Ibn Hajar (1986), *Lisān al-Mīzān*, c. 3, j. 3, Beirut: Mu`assasah al-A`lamī li al-Maṭbū`āt, h. 195.

¹⁰⁷ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 62, tafsir ayat ke-187.

jimak (dengan isterinya) selepas Isyak, maka turunlah ayat: “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu.”

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith dengan makna yang sama diriwayatkan oleh al-Ṭabarī dalam Tafsirnya daripada al-Muthannā daripada al-Ḥajjāj daripada Hammad bin Salamah daripada Thābit dengan lafaz (أن عمر بن الخطاب واقع أهله ليلة في رمضان، فاشتد ذلك عليه، فأنزل) (الله: (أَجَلٌ لَكُمْ...)).¹⁰⁸ Menurut Ahmad Muhammad Shākir, sanad hadith ini terputus; sebab Thābit bin Aslam adalah seorang *tabīʿī* yang meriwayatkan hadith hanya kepada sahabat kecil seperti Ibn ʿUmar, Ibn al-Zubayr, Anas dan lain-lain, beliau tidak berjumpa dengan ʿUmar bin al-Khaṭṭāb. Sehingga hadith ini dikategorikan sebagai hadith *ḍaʿīf*.¹⁰⁹

Al-Ṭabarī juga meriwayatkan dari jalur lain dengan hadith yang semakna dengannya daripada al-Muthannā daripada Abū Ṣālih daripada Muʿāwiyah bin Ṣālih daripada ʿAlī bin Abī Ṭalḥah daripada Ibn ʿAbbās.¹¹⁰ ʿAlī bin Abī Ṭalḥah dinilai oleh Ibn Ḥajar sebagai *Ṣaḍūq qad yukhḥī*, ia meriwayatkan daripada Ibn ʿAbbās secara mursal dan tidak pernah berjumpa dengannya. Dengan demikian sanad ini terputus, sehingga dapat dikategorikan sebagai *ḍaʿīf*.¹¹¹

Diriwayatkan juga oleh Ibn Abī Ḥātim dalam Tafsirnya daripada Ahmad bin Sinan daripada Yazid bin Harun daripada al-Masʿūdī daripada ʿAmr bin Murrah daripada ʿAbd al-Raḥmān bin Abī Laylā daripada Muʿādh bin Jabal dengan lafaz:

¹⁰⁸ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 2942, j. 3, h. 497.

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Ibid., hadith 2940, h. 496.

¹¹¹ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 698.

أَحِيلَ الصَّيَّامُ عَلَى ثَلَاثَةِ أَحْوَالٍ، كَانُوا يَأْكُلُونَ وَيَشْرَبُونَ وَيَأْتُونَ النَّسَاءَ مَا لَمْ يَنَامُوا، فَإِذَا نَامُوا امْتَنَعُوا مِنْ ذَلِكَ، فَجَاءَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ وَقَدْ أَصَابَ امْرَأَةً لَهُ بَعْدَ مَا نَامَ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: " أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصَّيَّامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ ".¹¹²

Sanad Ibn Abī Ḥātim adalah *thiqah* kecuali ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd Allāh al-Mas’ūdī, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *ṣadūq ikhtalaṭ qabl mawtiḥ*.¹¹³

Abū Dāwūd juga meriwayatkan hadith ini daripada Ibn Abī Laylā dengan sanad sanad yang *ṣaḥīḥ* dan lafaz matan yang panjang, lafaznya sebagai berikut:

أَحِيلَ الصَّيَّامُ عَلَى ثَلَاثَةِ أَحْوَالٍ ... وَكَانَ الرَّجُلُ إِذَا أَفْطَرَ فَنَامَ قَبْلَ أَنْ يَأْكُلَ لَمْ يَأْكُلْ حَتَّى يُصْبِحَ قَالَ فَجَاءَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَأَرَادَ امْرَأَتَهُ فَقَالَتْ إِنِّي قَدْ نِمْتُ فَظَنُّوا أَنَّهَا تَعْتَلُّ فَأَتَاهَا فَجَاءَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فَأَرَادَ الطَّعَامَ فَقَالُوا حَتَّى نُسَخِّنَ لَكَ شَيْئًا فَنَامَ فَلَمَّا أَصْبَحُوا أَنْزَلَتْ عَلَيْهِ هَذِهِ الْآيَةُ (أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصَّيَّامِ...)¹¹⁴.

Meskipun hadith riwayat al-Ṭabarī di atas semuanya *ḍa’īf* dan riwayat Ibn Abī Ḥātim berkualiti *ḥasan*, tetapi terdapat jalur lain yang bersanad *ṣaḥīḥ*, dengan demikian hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 18:

رُويَ أَنَّ صِرْمَةَ بِنَ مَالِكِ بْنِ عَدِيٍّ كَانَ يَعْمَلُ فِي أَرْضٍ لَهُ وَهُوَ صَائِمٌ فَلَمَّا أَمْسَى رَجَعَ إِلَى أَهْلِهِ فَقَالَ: هَلْ عِنْدَكَ طَعَامٌ؟ فَقَالَتْ: لَا، وَأَخَذَتْ تَصْنَعُ لَهُ طَعَامًا فَأَخَذَهُ النَّوْمُ مِنَ التَّعَبِ فَأَيْقَظَتْهُ فَكَرِهَ أَنْ يَأْكُلَ خَوْفًا مِنَ اللَّهِ فَأَصْبَحَ صَائِمًا مَجْهُودًا فِي عَمَلِهِ فَلَمْ يَنْتَهِفِ النَّهَارُ حَتَّى غَشِيَ عَلَيْهِ فَلَمَّا أَفَاقَ أَتَى النَّبِيَّ ﷺ وَأَخْبَرَهُ بِمَا وَقَعَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ: { أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصَّيَّامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ قَرَأَ إِلَى قَوْلِهِ مِنْ الْفَجْرِ }¹¹⁵.

¹¹² Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (1997), *op. cit.*, hadith 1673, h. 315.

¹¹³ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 586.

¹¹⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitāb al-Ṣalāh, Bab Kayf al-Adhān, hadith 506, h. 95.

¹¹⁵ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 63, tafsir ayat ke-187.

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya suatu ketika Şirmah bin Mālik bin ‘Adiy bekerja di kebunnya dalam keadaan berpuasa, pada saat masuk waktu petang ia pulang ke rumah ahli keluarganya lalu bertanya kepada isterinya: Apakah kamu ada makanan? Isterinya menjawab: tidak ada. Lalu isterinya segera membuatnya makanan, lalu Şirmah pun tertidur kerana penat. Kemudian isterinya membangunkannya, namun ia enggan makan kerana takut kepada Allah, dan keesokan harinya ia bekerja dengan sedaya upayanya sambil berpuasa, sehingga ia pengan sebelum tengah hari. Sebaik sahaja sedar, ia datang menjumpai Rasulullah s.a.w. dan mengkhabarkan kepadanya apa yang telah berlaku, maka Allah menurunkan ayat: “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu” hingga perkataan “iaitu waktu fajar”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menjumpai sumber yang menyebutkan nas hadith seperti di atas, namun secara makna diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada ‘Ubayd Allāh bin Mūsā daripada Isrā`īl daripada Abū Ishāq daripada al-Barrā`, dengan lafaz:

كَانَ أَصْحَابُ مُحَمَّدٍ ﷺ إِذَا كَانَ الرَّجُلُ صَائِمًا فَحَضَرَ الْإِفْطَارَ فَنَامَ قَبْلَ أَنْ يُفْطَرَ لَمْ يَأْكُلْ لَيْلَتَهُ وَلَا يَوْمَهُ حَتَّى يُمْسِيَ وَإِنَّ قَيْسَ بْنَ صِرْمَةَ الْأَنْصَارِيِّ كَانَ صَائِمًا فَلَمَّا حَضَرَ الْإِفْطَارَ أَتَى امْرَأَتَهُ فَقَالَ لَهَا أَعِنْدِكَ طَعَامٌ قَالَتْ لَا وَلَكِنْ أَنْطَلِقُ فَأَطْلُبُ لَكَ وَكَانَ يَوْمَهُ يَعْمَلُ فَعَلَبْتُهُ عَيْنَاهُ فَجَاءَتْهُ امْرَأَتُهُ فَلَمَّا رَأَتْهُ قَالَتْ خَبِيئَةٌ لَكَ فَلَمَّا انْتَصَفَ النَّهَارُ غَشِيَ عَلَيْهِ فَذَكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ { أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ } .¹¹⁶

Juga oleh Abū Dāwūd daripada Naşr bin ‘Alī daripada Abū Ahmad daripada Isrā`īl,¹¹⁷ al-Tirmidhī daripada ‘Abd bin Humayd daripada ‘Ubayd Allāh bin Mūsā daripada Isrā`īl,¹¹⁸ al-Dārimī daripada ‘Ubayd Allāh bin Mūsā daripada Isrā`īl,¹¹⁹ dan Ahmad bin Hanbal daripada Aswad bin ‘Amir dan daripada Isrā`īl.¹²⁰ Semua sanadnya bertemu pada Isrā`īl.

¹¹⁶ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Şawm, Bab Qawluh Jalla Dhikruh:Uḥilla lakum Laylah al-Şiyām al-Rafath ilā Nisā`ikum, hadith 1915, h. 149.

¹¹⁷ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Şiyām, Bab Mabda` Farḍ al-Şiyām, hadith 2314, h. 406.

¹¹⁸ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab Tafsīr al-Qur`ān, Bab wa nim Sūrah a;-Baqarah, hadith 2968, h. 664.

¹¹⁹ Al-Dāramī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Şiyām, Bab Matā Yumsik al-Mustahir, hadith 1735, h. 1054.

¹²⁰ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith 18611, j. 30, h. 574.

Abū Dāwūd menyebutkan Şirmah bin Qays al-Anşārī, manakala al-Bukhārī, al-Tirmidhī, Ahmad dan al-Dārimī menyebutnya Qays bin Şirmah al-Anşārī. Ibn Hajar dalam *al-Işābah* menyebutkan; Şirmah bin Mālik, dipanggil juga Abū Şirmah bin Abī Qays, dan Qays bin Şirmah bin Abī Şirmah bin Mālik bin ‘Adī.¹²¹

b. Kualiti Hadih: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 19:

رُوي أَنَّ عَبْدَانَ بْنَ الْأَسْوَعِ الْحَضْرَمِيَّ ادَّعَى عَلَى امْرِئٍ الْقَيْسِ الْكِنْدِيِّ قِطْعَةَ أَرْضٍ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ بَيِّنَةٌ، فَحَكَمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِأَنْ يَحْلِفَ امْرُؤُ الْقَيْسِ، فَهَمَّ بِالْحَلْفِ. فَقَرَأَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: {إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمُنِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا}. فَارْتَدَّ عَنِ الْيَمِينِ وَأَقْرَبَ بِالْحَقِّ وَسَلَّمِ الْأَرْضَ إِلَى عَبْدَانَ فَتَزَلَّتْ هَذِهِ الْآيَةُ {وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ} ¹²².

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya ‘Abdān bin al-Aswa’ al-Haḍramī mendakwa ke atas Umru` al-Qays sebidang tanah tanpa memiliki bukti, maka Rasulullah s.a.w. memutuskan agar Umru` al-Qays bersumpah, ketika hendak bersumpah Rasulullah s.a.w. membacakan kepadanya ayat: “Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka...” maka ia membatalkan sumpahnya, mengakui kebenaran dan menyerahkan tanah tersebut ke ‘Abdān, maka turunlah ayat: “dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith yang semakna dengannya diriwayatkan oleh Muslim daripada Qutaybah, Abū Bakr bin Abī Shaybah, Hannād dan Abū ‘Āṣim daripada Abū al-Aḥwas daripada Simak daripada ‘Alqamah bin Wā`il daripada ayahnya dengan lafaz:

جَاءَ رَجُلٌ مِنْ حَضْرَمَوَاتٍ وَرَجُلٌ مِنْ كِنْدَةَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ الْحَضْرَمِيُّ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ هَذَا قَدْ غَلَبَنِي عَلَى أَرْضٍ لِي كَانَتْ لِأَيِّ قَوْمٍ الْكِنْدِيُّ هِيَ أَرْضِي فِي يَدِي أَرْعَهَا لَيْسَ لَهَا فِيهَا حَقٌّ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْحَضْرَمِيِّ أَلَا بَيِّنَةٌ قَالَ لَا قَالَ فَلَاكُ يَمِينُهُ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ الرَّجُلَ فَاجِرٌ لَا يُبَالِي عَلَى مَا حَلَفَ عَلَيْهِ وَلَيْسَ يَتَوَرَّعُ مِنْ شَيْءٍ فَقَالَ لَيْسَ لَكَ مِنْهُ إِلَّا ذَلِكَ فَانْطَلِقْ لِيَحْلِفَ

¹²¹ Ibn Hajar (1412), *al-Işābah fī Tamyiz al-Şaḥābah*, taḥqīq: ‘Alī Muhammad al-Bajawī, Beirut: Dār al-Jīl, h. 218.

¹²² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 63, tafsir ayat ke-188.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَدْبَرَ أَمَّا لِنِ حَلْفَ عَلِيٍّ مَالِهِ لِيَأْكُلَهُ ظُلْمًا لِيَلْقِيَنَّ اللَّهُ وَهُوَ عَنْهُ مُعْرِضٌ.¹²³

Juga oleh Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī dengan sanad yang sama dengan Muslim, Abū Dāwūd daripada Hannād bin al-Sariy dan al-Tirmidhī daripada Qutaybah.¹²⁴ Diriwayatkan juga oleh Ibn Abī Ḥātim daripada Abū Zar'ah daripada Yaḥyā bin 'Abd Allāh daripada Ibn Lahī'ah daripada 'Aṭā' bin Dīnār daripada Sa'id bin Jubayr dengan lafaz:

أَنَّ امْرَأَ الْقَيْسِ بْنِ عَابِسٍ وَعَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَشْوَعِ الْحَضْرَمِيِّ، اخْتَصَمَا فِي أَرْضٍ، وَأَرَادَ امْرَأُ الْقَيْسِ أَنْ يَخْلِفَ، فَفِيهِ نَزَلَتْ: { وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ }.¹²⁵

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 20:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: اخْتَصَمَ رَجُلَانِ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ عَالِمٌ بِالْخُصُومَةِ وَجَاهِلٌ بِهَا، فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لِلْعَالِمِ. فَقَالَ مَنْ قَضَى عَلَيَّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَالَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِنِّي مُحِقٌّ، فَقَالَ: «إِنْ شِئْتَ أَعَاوِدُهُ» فَعَاوَدَهُ، فَقَضَى لِلْعَالِمِ. فَقَالَ الْمُقْضَى عَلَيْهِ مِثْلَ مَا قَالَ أَوَّلًا. ثُمَّ عَاوَدَهُ ثَلَاثًا ثُمَّ قَالَ ﷺ: «مَنْ افْتَطَعَ حَقَّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ بِخُصُومَتِهِ فَإِنَّمَا افْتَطَعَ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ». فَقَالَ الْعَالِمُ الْمُقْضَى لَهُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ الْحَقَّ حَقُّهُ. فَقَالَ ﷺ: «مَنْ افْتَطَعَ بِخُصُومَتِهِ وَجَدَ لَهُ حَقَّ غَيْرِهِ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ».¹²⁶

Maksudnya: Daripada Abū Hurayrah r.a. bahawasanya ia berkata: Ada dua orang yang saling berselisih, yang satu pandai berdebat dan yang satu lagi tidak pandai. Maka Rasulullah s.a.w. memutuskan hak bagi yang pandai. Yang kalah berkata: Wahai Rasulullah s.a.w. demi Dhat yang tiada Tuhan selain Dia, sesungguhnya aku berkata benar. Lalu yang pandai berkata: Jika engkau menghendaki, aku memdebatnya lagi, kemudian ia pun berdebat dengannya dan kemenangan di tangan si pandai. Yang kalah mengatakan hal yang sama seperti yang pertama, kemudian ia membantahnya untuk kali ketiga. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: “Barang siapa mengambil hak seorang Muslim dengan cara memenangi lawan bantahannya maka sebenarnya ia telah mengambil bahagian daripada neraka”, orang pandai yang memenangi perselisihan tersebut berkata:

¹²³ Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Īmān, Bab Wa'īd man Iqtata'a Ḥaḡ Muslim, hadith 358, h. 701.

¹²⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Aymān wa al-Nudhūr, Bab fī Man Ḥalaf Yamīnan, hadith 3244-3245, h. 584; al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Aḥkām, Bab fī mā Jā' Anna al-Yamīn 'alā al-Mudda'i, hadith 1340, h. 316.

¹²⁵ Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (1997), *op. cit.*, j. 1, hadith 1702, h. 321.

¹²⁶ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 63-64, tafsir ayat ke-189.

Wahai Rasulullah, sesungguhnya dialah yang berhak. Beliau bersabda lagi: “Barang siapa mengambil hak lawan bantahannya maka hendaklah ia menempah tempatnya di neraka”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith yang sama seperti teks hadith di atas penulis temui di dalam tafsir al-Rāzī dan *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*.¹²⁷ Setelah ditakhrij, penulis mendapati beberapa hadith yang semakna dengan keratan terakhir hadith di atas, namun tiada satu pun daripada hadith Abū Hurayrah, iaitu hadith yang diriwayatkan oleh imam Muslim daripada Yaḥyā bin Ayyūb, Qutaybah dan ‘Alī bin Ḥujr semuanya daripada Isma’īl bin Ja’far daripada al-‘Alā` daripada Ma’bad bin Ka’ab daripada saudaranya ‘Abd Allāh bin Ka’ab daripada Abū Umāmah bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda:

"مَنْ افْتَطَعَ حَقَّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ بِمِمينِهِ فَقَدْ اُوجِبَ اللّٰهُ لَهٗ النَّارَ وَحَرَّمَ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ وَاِنْ كَانَ شَيْئًا
يَسِيرًا يَا رَسُولَ اللّٰهِ قَالَ وَاِنْ قَضِيًّا مِنْ اَرَاكِ".¹²⁸

Diriwayatkan juga oleh al-Nasā`ī melalui gurunya ‘Ali bin Ḥujr¹²⁹, Ibn Mājah melalui jalur al-Walīd bin Kathīr daripada Muhammad bin Ka’ab¹³⁰, Ahmad bin Hanbal melalui Sulaymān bin Dāwūd¹³¹, Mālik bin Anas dalam al-Muwatṭa` daripada al-‘Alā`¹³², dan al-Dārimī melalui Ahmad bin Ya’qūb.¹³³ Semua sanadnya sama hanya berbeza pada gurunya masing-masing, semuanya bertemu pada Isma’īl bin Ja’far, kecuali Malik dan Ibn Majah.

¹²⁷ Lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 5, h. 101; ‘Umar bin ‘Ali Ibn ‘Ādil al-Dimashqī al-Ḥanbalī selepas ini Ibn ‘Ādil al-Dimashqī (1998), *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, taḥqīq: ‘Ādil Ahmad ‘Abd al-Mawjūd, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 329.

¹²⁸ Muslim (2000), *op. cit.*, kitab: al-Īmān, bab: Wa’id man Iqṭa’a Ḥaq Muslim, hadith 353, h. 701.

¹²⁹ al-Nasā`ī (t.t.), *Sunan al-Nasā`ī*, *op. cit.*, kitab: Adāb al-Quḍah, bab: al-Quḍah fī Qalīl al-Māl wa Kathīrih, hadith 5419, h. 816.

¹³⁰ Ibn Mājah (t.t), *Op. cit.*, kitab: al-Aḥkām, bab: man Ḥalafa ‘alā Yamīn Fājir, hadith 2324, h. 397.

¹³¹ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, Musnad Abū Umāmah al-Bāhilī, hadith 21210, j. 45, h. 205.

¹³² Mālik bin Anas (1997), al-Muwatṭa` bi Riwayāt Yaḥyā bin Yaḥyā al-Laythī, taḥqīq: Bashshār ‘Awwād Ma’rūf, Kitab: al-Aqḍiyah, cet. 2, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, bab: mā jā`a fī al-Ḥanath ‘alā Mimbar, hadith 2129, j. 2, h. 270.

¹³³ Al-Dāramī (2000), *op. cit.*, kitab: al-Buyū’, bab: fī man Iqṭa’a Māl Imri` Muslim, hadith 2645, h. 1696.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 21:

مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ خَرَجَ كَهَيْئَةِ يَوْمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.¹³⁴

Maksudnya: “Barang siapa menunaikan haji kemudian tidak melakukan perbuatan keji dan perbuatan fasik, nescaya ia akan keluar (dari dosanya) sebagaimana keadaan ketika ia baru dilahirkan oleh ibunya”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Ādam dan sulaymān, keduanya daripada Shu’bah daripada Sayyār dan Manṣūr, keduanya daripada Abū Ḥāzim daripada Abū Hurayrah¹³⁵ dengan lafaz: (مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتِ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ) (كما وَلَدَتْهُ أُمُّهُ), juga oleh Muslim daripada Yaḥyā dan Zuhayr keduanya daripada Jarīr daripada Manṣūr daripada Abū Ḥāzim dengan lafaz (مَنْ أَتَى هَذَا الْبَيْتِ)¹³⁶, al-Tirmidhī daripada Ibn Abī ‘Umar daripada Sufyān daripada Manṣūr¹³⁷, al-Nasā’ī daripada al-Ḥusayn bin Ḥurayth daripada al-Fuḍayl daripada Manṣūr¹³⁸, Ibn Mājah daripada Abū Bakr bin Abī Shaybah daripada Waki’ daripada Sufyān daripada Manṣūr¹³⁹ dan selainnya. Semuanya sanadnya bertemu pada Manṣūr.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

¹³⁴ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 67, tafsir ayat ke-197. Lafaz matan yang persis seperti hadith ini terdapat dalam kitab tafsir *al-Sirāj al-Munīr* karya al-Sharbīnī salah satu tafsir rujukan Syekh Nawawi. Lihat: al-Sharbīnī (t.t.), *al-Sirāj al-Munīr*, *op. cit.*, j 1, h. 113.

¹³⁵ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, kitab: al-Ḥajj, bab: Qawluh Ta’ālā “Falā Rafath”, hadith 1819-1820, h. 142.

¹³⁶ Muslim (2000), *op. cit.*, kitab: al-Ḥajj, bab: Faḍl al-Ḥajj wa al-‘Umrah, hadith 3291, h. 903.

¹³⁷ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ḥajj, bab: mā jā`a fī Thawāb al-Ḥajj, hadith 811 dengan lafaz (عُغِرَ لَهُ) (مَا تَقَدَّمَ مِنْ دَنْبِهِ), h. 198.

¹³⁸ Al-Nasā’ī (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ḥajj, bab: Faḍl al-Ḥajj, hadith 2627, h. 410.

¹³⁹ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Manāsik, bab: Faḍl al-Ḥajj wa al-‘Umrah, hadith 2889, h. 490.

Hadith No. 22:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: لَمَّا دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمَدِينَةَ اشْتَدَّ الضَّرُّ عَلَيْهِمْ لِأَنَّهُمْ خَرَجُوا بِلَا مَالٍ وَتَرَكُوا دِيَارَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ فِي أَيْدِي الْمُشْرِكِينَ، وَأُظْهِرَتِ الْيَهُودُ الْعَدَاوَةَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى هَذِهِ الْآيَةَ تَطْيِيبًا لِقُلُوبِهِمْ {أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ}.¹⁴⁰

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbas, ia berkata: Ketika Rasulullah s.a.w. tiba di kota Madinah, para sahabat merasa amat kesusahan sebab mereka keluar daripada negeri mereka tanpa harta, mereka meninggalkan rumah dan harta mereka di tangan orang-orang musyrik, di samping itu orang-orang Yahudi (di Madinah) melancarkan permusuhannya kepada Rasulullah s.a.w. maka Allah s.w.t. menurunkan ayat ini demi menghibur hati mereka: “Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? mereka telah ditimpa kepaan (kemusnahan harta benda) dan serangan penyakit”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menemukan sumber yang memuat riwayat ini kecuali di dalam tafsir *Mafāṭiḥ al-Ghayb* yang dikemukakan oleh pengarangnya tanpa menyebutkan rangkaian sanadnya.¹⁴¹

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 23:

إِنِّي مَا أَمَرْتُكُمْ بِالْقِتَالِ فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ.¹⁴²

Maksudnya: “Sesungguhnya Aku tiada menyuruh kamu berperang pada bulan haram”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada ‘Urwah bin al-Zubayr, diriwayatkan secara mursal oleh al-Bayhaqī dalam *al-Sunan al-Kubrā* daripada Abū ‘Abd Allāh al-Ḥāfiẓ dan Aḥmad bin al-

¹⁴⁰ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 72, tafsir ayat ke-214.

¹⁴¹ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 6, h. 17.

¹⁴² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 73, tafsir ayat ke-217.

Husayn al-Qāḍī, keduanya daripada Muhammad bin Ya'qūb daripada Aḥmad bin 'Abd al-Jabbār daripada Yūnus bin Bukayr daripada Ibn Ishāq daripada Yazīd bin Rūmān daripada 'Urwah¹⁴³, dan oleh al-Wāḥidī dalam *Asbāb al-Nuzūl* daripada al-Zuhri¹⁴⁴.

Sanad hadith ini *da'if* kerana diriwayatkan secara mursal dan juga terdapat di dalam sanadnya Aḥmad bin 'Abd al-Jabbār al-'Uṭaridī (w.73H). Ibn 'Adi berkata: penduduk 'Iraq sepakat atas keda'ifannya¹⁴⁵. Ibn Ḥajar menilainya sebagai *da'if*¹⁴⁶.

b. Kualiti Hadith: *Da'if*.

Hadith No. 24:

إِنْ عَمَرَ وَمُعَاذًا وَنَفَرًا مِنَ الصَّحَابَةِ مِنْهُمْ سَيِّدُنَا حَمْرَةَ بِنْتُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ وَبَعْضُ الْأَنْصَارِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْتِنَا فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ فَإِنَّهُمَا مُدْهِبَةٌ لِلْعَقْلِ مُسْلِبَةٌ لِلْمَالِ فَنَزَلَ فِيهِمَا قَوْلُهُ تَعَالَى: {قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ { فَشَرِبَهَا قَوْمٌ وَتَرَكَهَا آخَرُونَ ثُمَّ دَعَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ نَاسًا مِنْهُمْ فَشَرِبُوا وَسَكَرُوا فَقَامَ بَعْضُهُمْ يُصَلِّي إِمَامًا فَقَرَأَ: قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ أَعْبُدُوا مَا تَعْبُدُونَ بِحَدْفٍ لَا، فَنَزَلَتْ: {لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَى} فَقَلَّ مَنْ شَرِبَهَا، ثُمَّ اجْتَمَعَ قَوْمٌ مِنَ الْأَنْصَارِ وَفِيهِمْ سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ فَلَمَّا سَكَرُوا وَافْتَخَرُوا وَتَنَاشَدُوا الْأَشْعَارَ حَتَّى أَنْشَدَ سَعْدٌ شِعْرًا فِيهِ هِجَاءٌ لِلْأَنْصَارِ فَضَرَبَهُ أَنْصَارِيُّ بِلِحْيٍ بِلْحَى بَعِيرٍ فَشَجَّهُ شَجَّةً مُوَضَّحَةً فَشَكَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ عُمَرُ: اللَّهُمَّ بَيِّنْ لَنَا فِي الْخَمْرِ بَيِّنًا شَافِيًا فَنَزَلَ: {إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ} إِلَى قَوْلِهِ: {فَهَلْ أَنْتُمْ مُتْتَهُونَ}. فَقَالَ عُمَرُ: انْتَهَيْنَا يَا رَبَّ.¹⁴⁷

Maksudnya: Sesungguhnya 'Umar, Mu'ādh dan beberapa orang sahabat Nabi antaranya Hamzah bin 'Abd al-Muṭṭalib dan beberapa kaum Ansar berkata: Wahai Rasulullah, berikan fatwa kepada kami tentang arak dan judi kerana keduanya dapat menghilangkan akal dan harta. Maka turunlah firman Allah s.w.t.: “Katakanlah wahai Muhammad, padanya terdapat dosa yang besar dan beberapa keuntungan bagi manusia”, maka sesetengah kaum meminumnya dan sesetengah yang lain meninggalkannya, lalu 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf memanggil suatu kaum untuk minum arak sehingga mereka mabuk. Ketika mereka solat, imamnya membaca: “Wahai orang-orang kafir, aku

¹⁴³ Al-Bayhaqī (2003), *al-Sunan al-Kubrā*, op. cit., kitab: al-Sayr, bab: fī Qismah al-Ghanimah, hadith 17989, j. 9, h. 100.

¹⁴⁴ Abū al-Ḥasan 'Alī bin Aḥmad al-Wāḥidī selepas ini al-Wāḥidī (2005), *Asbāb Nuzūl al-Qurān*, taḥqīq: Māhir Yāsīn al-Faḥal, Riyadh: Dār al-Maymān, h. 182.

¹⁴⁵ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī selepas ini al-Dhahabī (2004), *Tahdhīb Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā al-Rijāl*, taḥqīq: Ghunaym 'Abbās Ghunaym, Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīthiyah, j. 6, h. 166.

¹⁴⁶ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, op. cit, h. 93.

¹⁴⁷ Al-Bantānī (1997), op. cit., j. 1, h. 74-75, tafsir ayat ke-219.

menyembah apa yang kamu sembah” tanpa menyebutkan perkataan “tidak”, lalu turunlah firman Allah: “Janganlah kamu mengerjakan solat dalam keadaan mabuk...” maka sedikitlah orang yang meminumnya. Kemudian kaum Ansar berhimpun, di antara mereka ada Sa’d bin Abī Waqqās, ketika mereka mabuk, muncullah perasaan berbangga dengan kaumnya sambil melantunkan syair yang di dalamnya terdapat sindiran kepada kaum Ansar, lalu seorang dari kaum Ansar memukulnya dengan kulit unta sehingga terluka parah, lalu ia mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Umar berkata: Ya Allah terangkan kepada kami hukum arak seterang-terangnya. Maka turun ayat: “Sesungguhnya arak dan judi ... hingga ayat “... adakah kamu telah berhenti?”. ‘Umar berkata: Kami telah berhenti wahai Tuhan kami.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith di atas secara makna diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal daripada Shurayḥ daripada Abū Ma’shar daripada Abū Hurayrah dengan lafaz:

حُرِّمَتْ الْخُمْرُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يَشْرَبُونَ الْخُمْرَ وَيَأْكُلُونَ الْمَيْسِرَ فَسَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنْهُمَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخُمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا } إِلَى آخِرِ الْآيَةِ فَقَالَ النَّاسُ مَا حَرَّمَ عَلَيْنَا إِنَّمَا قَالَ { فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ } وَكَانُوا يَشْرَبُونَ الْخُمْرَ حَتَّى إِذَا كَانَ يَوْمٌ مِنَ الْأَيَّامِ صَلَّى رَجُلٌ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ أُمَّ أَصْحَابَهُ فِي الْمَغْرِبِ خَلَطَ فِي قِرَاءَتِهِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِيهَا آيَةً أَعْلَظَ مِنْهَا { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّى تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ } وَكَانَ النَّاسُ يَشْرَبُونَ حَتَّى يَأْتِي أَحَدُهُمُ الصَّلَاةَ وَهُوَ مُفِيقٌ ثُمَّ أَنْزَلَتْ آيَةٌ أَعْلَظَ مِنْ ذَلِكَ { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ } فَقَالُوا انْتَهَيْنَا رَبَّنَا.¹⁴⁸

Ahmad juga meriwayatkan dari jalur lain dengan sanad *ṣaḥīḥ* daripada Khalaf bin al-Walīd daripada Isra`il daripada Abū Ishāq daripada Abū Maysir daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dengan lafaz:

" لَمَّا نَزَلَ تَحْرِيمُ الْخُمْرِ، قَالَ : اللَّهُمَّ بَيِّنْ لَنَا فِي الْخُمْرِ بَيَانًا شَافِيًا، فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ الَّتِي فِي سُورَةِ الْبَقَرَةِ: يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخُمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ ، قَالَ : فُدْعِي عُمْرُ، فُقِرَّتْ عَلَيْهِ، فَقَالَ : اللَّهُمَّ بَيِّنْ لَنَا فِي الْخُمْرِ بَيَانًا شَافِيًا، فَنَزَلَتْ الْآيَةُ الَّتِي فِي سُورَةِ النَّسَاءِ : ف يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى ، فَكَانَ مُنَادِي رَسُولِ اللَّهِ ﷺ إِذَا أَقَامَ الصَّلَاةَ نَادَى : أَنْ لَا يَفْرَبَنَّ الصَّلَاةَ سُكَرَانُ، فُدْعِي عُمْرُ،

¹⁴⁸ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith 8620, j.14 , h. 267.

فَقُرِئَتْ عَلَيْهِ، فَقَالَ : اللَّهُمَّ بَيِّنْ لَنَا فِي الْخَمْرِ بَيِّنًا شَافِيًا، فَنَزَلَتْ آيَةُ الَّتِي فِي الْمَائِدَةِ ، فَدَعِيَ عُمَرُ،
فَقُرِئَتْ عَلَيْهِ، فَلَمَّا بَلَغَ : ف فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ قَالَ : فَقَالَ عُمَرُ : انْتَهَيْنَا، انْتَهَيْنَا".¹⁴⁹

Diriwayatkan juga oleh Abū Dāwūd dan al-Nasā'ī daripada 'Umar bin al-Khaṭṭāb dengan sanad yang sama dengan sanad Ahmad, hanya berbeza pada gurunya masing-masing. Abū Dāwūd meriwayatkan daripada 'Abbād bin Mūsā daripada Ismā'īl daripada Isrā'īl.¹⁵⁰ Al-Nasā'ī meriwayatkan daripada Abū Dawūd daripada 'Ubayd Allāh bin Mūsā daripada Isrā'īl.¹⁵¹ Semua sanadnya bertemu pada Isrā'īl.

Hadith Abū Hurayrah tersebut di atas sanadnya *ḍa'īf*, sebab terdapat Abū Ma'shar Najīḥ 'Abd al-Rahmān al-Sanadī yang dinilai *ḍa'īf* oleh Ibn Ḥajar.¹⁵² Namun riwayat lain daripada 'Umar bin al-Khaṭṭāb sanadnya *ṣaḥīḥ* sehingga hadith tersebut dikategorikan sebagai hadith *ṣaḥīḥ*.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 25:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: نَتَزَوَّجُ نِسَاءَ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا يَتَزَوَّجُونَ نِسَاءَنَا.¹⁵³
Maksudnya: Daripada Jabir bin 'Abd Allah daripada Rasulullah s.a.w bersabda: "Kita boleh menikahi perempuan ahli kitab, namun mereka tidak boleh menikahi perempuan (Muslimah) kita".

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini diriyawatkan oleh al-Ṭabarī dalam tafsirnya daripada Tamīm bin al-Muntaṣir daripada Ishāq al-Azraq daripada Sharīk daripada Ash'ath bin Sawwār daripada al-Ḥasan daripada Jābir¹⁵⁴, 'Abd al-Razzāq bin Hammām dalam *Muṣannaḥ*-nya

¹⁴⁹ Ibid., hadith 378, j. 1, h. 442.

¹⁵⁰ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ashribah, Bab Taḥrīm al-Khamr, hadith 3670, h. 661.

¹⁵¹ Al-Nasā'ī (2001), *op. cit.*, Kitab al-Ashribah, Bab Taḥrīm al-Khamr, hadith 5540, h. 834.

¹⁵² Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.* h. 998.

¹⁵³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 76, tafsir ayat ke-221.

¹⁵⁴ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 4224, j. 4, h. 367.

daripada Ibn Jurayj daripada Abū al-Zubayr daripada Jābir dengan lafaz (نساء أهل)

(الكتاب لنا حل ونساءنا عليهم حرام).¹⁵⁵

Terdapat dua perawi dalam sanad tersebut yang *ḍa`if*, iaitu Sharīk bin ‘Abd Allāh al-Nakhā’ī al-Kūfī, menurut Ibn Ḥajar dalam *Taqrīb al-Tahzīb*, ia adalah *ṣadūq* banyak melakukan kesalahan, hafazannya berubah setelah menjadi *qāḍī* Kufah¹⁵⁶, dan Ash’ath bin Sawwār, Ibn Ḥajar¹⁵⁷ dan al-Dāraqūṭnī menilainya sebagai *ḍa`if*.¹⁵⁸

b. Kualiti Hadith: *Da`if*.

Hadith No. 26:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي حَقِّ الْيَهُودِ: «سُئِلُوا بِهَمِّ سُنَّةِ أَهْلِ الْكِتَابِ غَيْرِ نَاكِحِي نِسَائِهِمْ ، وَلَا آكِلِي ذَبَائِحِهِمْ».¹⁵⁹

Maksudnya: Daripada ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda tentang hak jizyah daripada orang Majusi: “Tetapkanlah (hukum jizyah) ke atas mereka sebagaimana ketetapan di atas orang-orang ahli kitab, tanpa menikahi wanita-wanita mereka dan juga tanpa memakan hasil sembelihan mereka.”

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith dengan lafaz yang sama seperti di atas tidak dijumpai dalam mana-mana kitab hadith kecuali lafaznya terpisah menjadi dua keratan, iaitu pertama, dengan lafaz

(سُئِلُوا بِهَمِّ سُنَّةِ أَهْلِ الْكِتَابِ) diriwayatkan oleh imam Mālik dalam *Muwaṭṭa`*nya,¹⁶⁰ imam

¹⁵⁵ Abū Bakr ‘Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan’ānī selepas ini ‘Abd al-Razzāq (1983), *al-Muṣannaḥ*, taḥqīq: Ḥabīb al-Raḥmān al-A’zamī, cet. 2, j. 7, Beirut: al-Maktab al-Islamī, kitab: al-Ṭalāq, bab: lā yuzawwij Muslim Yahūdiyan, hadith 12665, h. 176.

¹⁵⁶ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, h. 436.

¹⁵⁷ Ibid, h. 149.

¹⁵⁸ Al-Dhahabī (2004), *op. cit.*, j.1, h. 397.

¹⁵⁹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 76, tafsir ayat ke-221.

¹⁶⁰ Mālik bin Anas (1997), *al-Muwaṭṭa`*, *op. cit.*, kitab: al-Zakāh, bab: Jizyah Ahl al-Kitāb wa al-Majūs, hadith 756, j. 1, h. 373, Abū Mus’ab al-Zuhrī (w. 242) juga meriwayatkan daripada Mālik, hadith no. 742. lihat: Malik bin Anas (1998), *al-Muwaṭṭa`* bi Riwayah Abū Mus’ab al-Zuhrī al-Madīni, taḥqīq: Bashshār ‘Awwād Ma’rūf, cet. 2, j. 1, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, h. 341.

al-Shāfi'ī dalam *Musnadnya*,¹⁶¹ dan al-Bayhaqī dalam *Sunannya*.¹⁶² Kedua, dengan lafaz (عَمَرَ نَاكِحِي نِسَائِهِمْ ، وَلَا أَكَلِي ذَبَائِحِهِمْ) diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzāq¹⁶³ dan Ibn Abī Shaybah dalam *Musannafnya* secara *mursal* daripada al-Ḥasan bin Muhammad dengan lafaz sebagai berikut: .

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَتَبَ إِلَىٰ بَجُوسِ أَهْلِ هَجَرَ يَعْزُضُ عَلَيْهِمَ الْإِسْلَامَ فَمَنْ أَسْلَمَ قَبْلَ مِنْهُ وَمَنْ لَمْ يُسْلِمِ ضَرَبَ عَلَيْهِ الْجُزْيَةَ عَمَرَ نَاكِحِي نِسَائِهِمْ وَلَا أَكَلِي ذَبَائِحِهِمْ.¹⁶⁴

Hadith riwayat imam Mālik, al-Shāfi'ī dan al-Bayhaqī sanadnya terputus, sebab dalam sanadnya terdapat Muhammad bin 'Alī, ia tidak pernah berjumpa dengan Umar ataupun 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf. Manakala hadith 'Abd al-Razzāq dan Ibn Abī Shaybah pula adalah hadith *mursal*, dan terdapat di dalam sanadnya perawi yang *da'if* iaitu Qays bin Muslim al-Rabī'¹⁶⁵. Al-Albānī juga menilainya sebagai hadith *da'if*.¹⁶⁶

b. Kualiti Hadith: *Da'if*.

Meskipun hadith ini *da'if*, tetapi terdapat beberapa riwayat *ṣahīḥ* yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w pernah mengambil *jizyah* orang-orang Majusi dari bani Hajar, seperti hadith riwayat imam al-Bukhārī dengan nas hadith:

¹⁶¹ Abu'Abd Allāh Muhammad bin Idrīs al-Shāfi'ī selepas ini al-Shāfi'ī (t.t.), *Musnad al-Shāfi'ī*, tartīb Muhammad 'Ābid al-Sanadī, taḥqīq: Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, kitab: al-Jihād, bab: mā fī al-Jizyah, j. 2, h. 130.

¹⁶² Al-Bayhaqī (1989), *al-Sunan al-Ṣughrā*, taḥqīq: 'Abd al-Mu'ṭī Amīn Qa'labī, j. 4, Manṣūrah: Dār al-Wafā', kitab: al-Jizyah, bab: al-Jizyah, hadith 3703, h. 4, dan *al-Sunan al-Kubrā* hadith 18654, j. 9, h. 319.

¹⁶³ 'Abd al-Razzāq (1983), *op. cit.*, kitab: Ahl al-Kitāb, bab: Akhdh al-Jizyah min al-Majūs, hadith. 10028, j. 6, h. 69.

¹⁶⁴ Ibn Abī Shaybah (2004), *op. cit.*, kitab: al-Nikāḥ, bab: fī al-Jāriyyah al-Naṣrāniyyah wa al-Yahūdiyyah, hadith 16465, j. 6, h. 78.

¹⁶⁵ Ibn al-Mulaqqin 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-Shāfi'ī selepas ini Ibn Mulaqqin (2004), *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqī'ah fī Sharḥ al-Kabīr*, taḥqīq: Muṣṭafā Abū al-Ghayṭ et al., j. 7, Riyadh: Dār al-Hijrah, h. 619.

¹⁶⁶ Al-Albānī (1979) *Irwā' al-Ghalīl fī Takhrīj Aḥādīth Manār al-Sabīl*, Beirut: al-Maktab al-Islamī, kitab: al-Jihād, hadith 1248, j. 5, h. 88.

"... لَمْ يَكُنْ عُمَرُ أَخَذَ الْجُرِيَّةَ مِنَ الْمَجُوسِ حَتَّى شَهِدَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَخَذَهَا مِنْ
مَجُوسٍ هَجَرَ".¹⁶⁷

Hadith yang semakna dengannya diriwayatkan juga oleh Abū Dāwūd¹⁶⁸, al-Tirmidhi¹⁶⁹
dan Ahmad bin Hanbal¹⁷⁰, semuanya daripada ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf.

Hadith no. 27:

رُوي أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ بَعَثَ مَرْتَدَ بْنَ أَبِي مَرْتَدٍ الْغَنَوِيِّ إِلَى مَكَّةَ لِيُخْرِجَ مِنْهَا نَاسًا مِنَ الْمُسْلِمِينَ سِرًّا،
فَعِنْدَ قُدُومِهِ جَاءَتْهُ امْرَأَةٌ مُشْرِكَةٌ اسْمُهَا عَنَاقُ فَالْتَمَسَتْ الْخُلُوةَ فَقَالَ: وَيْحَكَ إِنْ الْإِسْلَامَ حَالَ بَيْنِي
وَبَيْنِكَ فَقَالَتْ: هَلْ لَكَ أَنْ تَتَزَوَّجَ بِي؟ فَقَالَ: نَعَمْ، ثُمَّ وَعَدَهَا أَنْ يَأْذَنَ الرَّسُولَ ﷺ فَلَمَّا انصَرَفَ إِلَى
رَسُولِ اللَّهِ ﷺ عَرَفَهُ مَا جَرَى فِي أَمْرِ عَنَاقٍ وَسَأَلَهُ هَلْ يَحِلُّ لَهُ التَّزْوُجُ بِهَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى هَذِهِ الْآيَةَ:
{وَلَأَمَّةٌ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ}.¹⁷¹

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Nabi s.a.w. mengutus Marthad bin Abi Marthad al-Ghanawī ke Makkah untuk mengeluarkan orang-orang muslim daripadanya secara rahsia, ketika ia sampai ke Makkah, ada seorang perempuan mendatangnya bernama ‘Anāq, Marthad berkata: Celakanya, Islam telah meletakkan batas pemisah antara aku dan engkau. ‘Anāq berkata: Bolehkah engkau berkahwin denganku? Jawabnya: ya, kemudian ia berjanji akan meminta izin kepada Rasulullah s.a.w., ketika ia menjumpai Rasulullah s.a.w., beliau mengetahui apa yang berlaku tentang ‘Anāq, ia pun bertanya kepada beliau, apakah halal baginya berkahwin dengannya? Maka Allah menurunkan ayat ini: “dan Sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menjumpai teks hadith yang sama dengan hadith di atas, namun secara makna diriwayatkan oleh Abū Dāwūd daripada Ibrāhīm bin Muhammad daripada Yaḥyā daripada ‘Ubayd Allāh bin al-Akhnas daripada ‘Amr bin Shu’ayb daripada

¹⁶⁷ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.* Kitab: al-Jizyah, bab: al-Jizyah wa al-Muwāda’ah ma’a Ahli al-Dhimmah wa al-Ḥarb, hadith 3157, h. 255.

¹⁶⁸ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Kharāj wa al-Fay` wal al-Imārah, bab: fī Akhdh al-Jizyah min al-Majūs, hadith 3043, h. 546.

¹⁶⁹ Al-Tirmidhi (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Sayr, bab: mā jā` fī Akhdh al-Jizyah min al-Majūs, hadith 1587 & 1587, h. 375.

¹⁷⁰ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, hadith 1657, j. 3, h. 196.

¹⁷¹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 76, tafsir ayat ke-221.

ayahnya Shu'ab bin Muhammad daripada datuknya 'Abd Allāh bin 'Amr bin al-'Aṣ dengan lafaz:

أَنَّ مَرْثَدَ بْنَ أَبِي مَرْثَدٍ الْعَنْوِيَّ كَانَ يَحْمِلُ الْأَسَارَى بِمَكَّةَ وَكَانَ بِمَكَّةَ بَعْثِي يُعَالُ لَهَا عَنَاقُ وَكَانَتْ صَدِيقَتَهُ قَالَ
جِئْتُ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْكِحْ عَنَاقَ قَالَ فَسَكَتَ عَنِّي فَنَزَلَتْ { وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ
أَوْ مُشْرِكٌ } فَدَعَانِي فَقَرَأَهَا عَلَيَّ وَقَالَ لَا تَنْكِحُهَا.¹⁷²

Diriwayatkan juga oleh al-Nasā'ī¹⁷³ dengan sanad yang sama dengan sanad Abū Dāwūd, juga oleh Tirmidhī daripada 'Abd bin Ḥumayd daripada Rawh bin 'Ubādah daripada 'Ubayd Allāh bin al-Akhnas,¹⁷⁴ dan al-Ḥākim al-Naysabūrī meriwayatkan dengan sanad yang sama daripada Abū Bakar bin Ishāq daripada Abū al-Muthannā daripada Musaddad daripada Yaḥyā daripada al-Akhnas.¹⁷⁵

Dalam sanad tersebut terdapat Shu'ayb bin Muhammad al-Sahmī, dinilai oleh Ibn Ḥajar sebagai *ṣadūq thabat sima'uh 'an Jaddih*.¹⁷⁶ Namun terdapat banyak *mutābi'* sehingga kualitasnya menjadi *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Al-Ḥākim berkata: Sanad hadith ini *ṣaḥīḥ*, namun al-Shaykhayn tidak meriwayatkannya.¹⁷⁷

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ li Ghayrih*.

Hadith No. 28:

رُوي أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ رَوَاحَةَ كَانَ لَهُ أَمَةٌ فَأَعْتَقَهَا وَتَزَوَّجَ بِهَا فَطَعَنَ عَلَيْهِ نَاسٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَقَالُوا:
أَتَنْكِحُ أُمَّةً؟ وَعَرَضُوا عَلَيْهِ حُرَّةً مُشْرَكَةً فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى تِلْكَ الْآيَةَ: { وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّى
يُؤْمِنُوا }.¹⁷⁸

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya 'Abd Allāh bin Rawāḥah mempunyai budak perempuan, lalu ia memerdekakannya dan berkahwin dengannya, lalu orang-orang Muslim mencelanya, mereka berkata: Apakah engkau berkahwin dengan seorang hamba

¹⁷² Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab fī Qawlih Ta'lā al-Zānī la Yankihuhā illā Zāniyah, hadith 2051, h. 356.

¹⁷³ Al-Nasā'ī (2001), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab Tazwīj al-Zāniyah, hadith 3228, h. 500.

¹⁷⁴ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab Tafsīr al-Qur`ān, Bab wa min Sūrah al-Nūr, hadith 3177, h. 715.

¹⁷⁵ Al-Ḥākim (1997), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, bab: hadith 2758 j. 2, h. 198.

¹⁷⁶ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 438.

¹⁷⁷ Al-Ḥākim (1997), *op. cit.*

¹⁷⁸ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 76, tafsir ayat ke-221.

sahaya? Mereka pun menawarkan perempuan musyrik yang merdeka, maka Allah menurunkan ayat: “Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam)”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menjumpai teks hadith yang sama dengan di atas, namun secara makna diriwayatkan oleh al-Wāḥidī dalam *Asbāb al-Nuzūl*-nya daripada Abū ‘Uthmān daripada Abū al-Ḥusayn Ahmad bin Muhammad daripada Abū ‘Umar daripada Muhammad bin Yaḥyā daripada ‘Amr bin Hammad daripada Asbāṭ daripada al-Suddī daripada Abū Mālik daripada Ibn ‘Abbās dengan lafaz:

نَزَلَتْ فِي عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَوَاحَةَ، وَكَانَتْ لَهُ أُمَةٌ سَوْدَاءٌ، وَأَنَّهُ غَضِبَ عَلَيْهَا فَلَطَمَهَا، ثُمَّ أَنَّهُ فَرَعَ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَأَخْبَرَهُ خَبَرَهَا، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ ﷺ: مَا هِيَ يَا عَبْدَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ هِيَ تَصُومُ، وَتُصَلِّي، وَتُحْسِنُ الْوُضُوءَ، وَتَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّكَ رَسُولُهُ، فَقَالَ: يَا عَبْدَ اللَّهِ هَذِهِ مُؤْمِنَةٌ، قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: فَوَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ نَبِيًّا لَأُعْتِقَنَّهَا، فَفَعَلَ، فَطَعَنَ عَلَيْهِ نَاسٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ فَقَالُوا: نَكَحَ أُمَّةً، وَكَانُوا يُرِيدُونَ أَنْ يَنْكِحُوا إِلَى الْمُشْرِكِينَ، وَيَنْكِحُوهُمْ رَغْبَةً فِي أَحْسَابِهِمْ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى فِيهِ: {وَلَأُمَّةٌ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِنْ مُشْرِكَةٍ}.

179

Diriwayatkan juga oleh Ibn ‘Asākir daripada Abū al-‘Abbās ‘Umar bin ‘Abd Allāh daripada al-Wāḥidī dengan lafaz yang sama.¹⁸⁰

Al-Ṭabarī meriwayatkan secara mursal daripada Mūsā bin Hārūn daripada ‘Amr bin Hammād.¹⁸¹ Juga Ibn Abī Ḥātim dalam Tafsirnya dengan sanad yang sama daripada Abū Zur’ah daripada ‘Amr bin Hammād.¹⁸²

Dalam sanad tersebut terdapat Ahmad bin Muhammad al-Buḥayrī, dia adalah *maqbūl*. Namun ada beberapa *mutāba’ah* sehingga hadith dapat dikategorikan sebagai hadith *ḥasan li ghayrih*.

¹⁷⁹ Al-Wāḥidī (2005), *op. cit.*, h. 187.

¹⁸⁰ ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh bin ‘Abd Allāh Ibn ‘Asākir selepas ini Ibn ‘Asākir (1995), *Tārīkh Madīnah Dimashq*, taḥqīq: ‘Umar Gharāmah al-‘Umrawī, j. 28, Beirut: Dār al-Fikr, h. 90-91.

¹⁸¹ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 4225, j. 4, h. 368.

¹⁸² Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (1997), *op. cit.*, hadith 2102, j. 2, h. 398.

b. Kualiti Hadith: *Hasan li ghayrih*

Hadith No. 29:

دَمُ الْحَيْضِ هُوَ الْأَسْوَدُ الْمُحْتَدِمُ.¹⁸³

Maksudnya: “Darah haid adalah darah berwarna hitam menyala”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Keratan hadith tersebut diriwayatkan oleh Abū Dāwūd daripada Muhammad bin al-Muthannā daripada Ibn Abī ‘Adī daripada Muhammad bin ‘Amr daripada Ibn Shihāb daripada ‘Urwah bin al-Zubayr daripada Fāṭimah binti Abī Ḥubaysh dengan lafaz (إِدَا)

دَمُ الْحَيْضِ فَإِنَّهُ دَمٌ أَسْوَدُ¹⁸⁴, diriwayatkan juga oleh al-Nasā’ī¹⁸⁵ dan Ibn Ḥibbān¹⁸⁶

daripada ‘Urwah daripada ‘Āishah dengan lafaz (إِنَّ دَمَ الْحَيْضِ دَمٌ أَسْوَدٌ). Tidak ditemui

sumber yang menyebutkan tambahan perkataan (المُحْتَدِمُ).¹⁸⁷

b. Kualiti Hadith: *Hasan*.

Dalam sanadnya terdapat Muhammad bin ‘Amr bin ‘Alqamah al-Laythī (w.145), al-Dhahabī menilainya: *Hasan al-Ḥadīth*¹⁸⁸ dan Ibn Ḥajar menilainya sebagai *ṣadūq lahū Awhām*.¹⁸⁹

¹⁸³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 77, tafsir ayat ke-222.

¹⁸⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, kitab: al-Ṭahārah, bab: man Qal Tawaḍḍa` li Kull Ṣalāh, hadith 304, h.58.

¹⁸⁵ Al-Nasā’ī (t.t.), *Sunan al-Nasā’ī*, *op. cit.*, kitab: al-Ṭahārah, bab: al-Farq Bayn al-Ḥayḍ wa al-Istiḥāḍah, hadith 216, h. 42.

¹⁸⁶ Ibn Ḥibbān (1993), *op. cit.*, kitab: al-Ṭahārah, bab: al-Ḥayḍ, hadith 1348, j. 4, h. 180.

¹⁸⁷ Penambahan (المُحْتَدِمُ) terdapat dalam tafsir al-Rāzī. Lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 6, h. 57.

¹⁸⁸ Al-Dhahabī (1995), *Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl*, taḥqīq: ‘Alī Muhammad Mu’awwad et al., j. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 284.

¹⁸⁹ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, h. 884.

Hadith No. 30:

رُوي أَنَّ الْيَهُودَ قَالُوا: مَنْ جَامَعَ امْرَأَتَهُ فِي قُبْلِهَا مِنْ دُبْرِهَا كَانَ وَلَدُهَا أَحْوَلَ مُحْبَلًا، وَرَعَمُوا أَنَّ ذَلِكَ فِي التَّوْرَةِ فَذَكَرَ ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: «كَذَبَتِ الْيَهُودُ».¹⁹⁰

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya orang-orang Yahudi berkata: Barang siapa yang menyeturahi isterinya pada qubulnya dari arah duburnya maka anaknya akan lahir dalam keadaan cacat, mereka menyangka bahawa itu terdapat dalam Taurat, lalu diceritakan kepada Rasulullah s.a.w., maka beliau bersabda: “Orang-orang Yahudi itu berdusta”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Riwayat ini adalah *sabāb al-nuzūl* daripada ayat ke-223 surah al-Baqarah.

Hadith yang lebih dekat dengan teks matan di atas ialah yang diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dalam *al-Sunan al-Kubrā* dengan lafaz:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قِيلَ لَهُ إِنَّ الْيَهُودَ تَقُولُ إِذَا جَاءَ الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ مُجْبَاهًا جَاءَ الْوَلَدُ أَحْوَلَ فَقَالَ كَذَبَتِ يَهُودٌ
فَنَزَلَتْ: {نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ}.¹⁹¹

Hadith yang semakna dengannya diriwayatkan oleh al-Bukhārī dengan lafaz (إِذَا)

dan selain mereka. Semuanya daripada hadith Jābir bin ‘Abd Allāh tanpa perkataan

(إِذَا)

¹⁹⁰ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 77, tafsir ayat ke-223..

¹⁹¹ Al-Nasā'ī (2001), *op. cit.*, Kitāb ‘Ashrah al-Nisā’, Bāb Ityān al-Mar`ah Mujabbah, hadith 8924, j. 8, h. 188.

¹⁹² Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitāb al-Tafsīr, Bāb Nisā`ukum Ḥarthun Lakum, Hadith 4528, h. 371

¹⁹³ Muslim (2000), *op. cit.*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Jawāz Jimā`uh Imratuh fī Qubūlih min Quddāmihā wa min Warā`ihā, hadith 3535, 3536, h. 919. dengan lafaz (إِذَا أَتَى الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ مِنْ دُبْرِهَا فِي قُبْلِهَا).

¹⁹⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī Jāma` al-Nikāḥ, hadith 2163, h. 375.

¹⁹⁵ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitāb Tafsīr al-Qur`ān, Bab wa min Sūrah al-Baqarah, hadith 2978, h. 666

dengan lafaz (مَنْ أَتَى امْرَأَتَهُ فِي قُبْلِهَا مِنْ دُبْرِهَا).

¹⁹⁶ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Nahy ‘an Ityān al-Nisā` fī Adbārihā, hadith 1925, h. 334.

(مُحِبَّلاً وَزَعَمُوا أَنَّ ذَلِكَ فِي التَّوْرَةِ فَذَكَرَ ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ), tambahan lafaz ini terdapat dalam tafsir al-Rāzī.¹⁹⁷

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 31:

مَنْ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ عِنْدَ الْجَمَاعِ فَأَتَاهُ وَلَدٌ فَلَهُ حَسَنَاتٌ بِعَدَدِ أَنْفَاسِ ذَلِكَ الْوَلَدِ وَعَدَدِ عَقْبِهِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.¹⁹⁸

Maksudnya: “Barang siapa membaca ‘*Bismillāh*’ ketika bersetubuh, lalu mendapatkan anak (hasil daripada persetubuhan itu), maka baginya banyak pahala kebaikan sebanyak nafas dan keturunan anak tersebut hingga hari kiamat”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menemukan sumber yang menyatakan hadith tersebut di atas, kecuali dalam tafsir al-Rāzī, al-Rāzī menyebutkan bahawa hadith ini daripada Abū Hurayrah¹⁹⁹ dan kitab *Gharāib al-Qur`ān* karya Nizām al-Dīn al-Qummī al-Naysabūrī.²⁰⁰

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 32:

رُوي أَنَّ جَمِيلَةَ بِنْتَ عَبْدِ اللَّهِ ابْنِ أَبِي اشْتَرَتْ نَفْسَهَا مِنْ زَوْجِهَا بِمَهْرِهَا. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لِثَابِتٍ: «خُذْ مِنْهَا مَا أُعْطِيَتْهَا وَخَلِّ سَبِيلَهَا».²⁰¹

¹⁹⁷ Lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 6, h. 61.

¹⁹⁸ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 77, tafsir ayat ke-223. .

¹⁹⁹ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 143.

²⁰⁰ Nizām al-Dīn al-Qummī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 82.

²⁰¹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 80. lafaz (مَا أُعْطِيَتْهَا وَخَلِّ سَبِيلَهَا) terdapat dalam tafsir al-Rāzī. Lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 6, h. 86.

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Jamīlah binti ‘Abd Allāh bin Ubay telah menuntut cerai dari suaminya dengan (mengembalikan) maharnya. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Thābit: “Ambillah daripadanya apa yang telah engkau berikan kepadanya dan biarkan jalannya”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Al-Bantānī mengutip hadith ini sebagai penjelasan sebab turunnya ayat ke-229 dari surah al-Baqarah yang membicarakan tentang khuluk. Ada dua macam riwayat mengenai nama isteri Thabit yang disebutkan dalam hadith tersebut, iaitu Jamīlah binti ‘Abd Allāh bin Ubay dan Ḥabībah binti Sahl yang kedua-duanya pernah menjadi isteri kepada Thābit bin Qays bin Shammās.

Hadith tersebut secara makna diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam Sunannya daripada ‘Aishah dengan nas lengkap sebagai berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَعْمَرٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عَمْرِو حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرِو السَّدُوسِيُّ الْمَدِينِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ عَنْ عَمْرَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ حَبِيبَةَ بِنْتَ سَهْلٍ كَانَتْ عِنْدَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ شِمَاسٍ فَضَرَبَهَا فَكَسَرَ بَعْضَهَا فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ بَعْدَ الصُّبْحِ فَاسْتَكْتَنَهُ إِلَيْهِ فَدَعَا النَّبِيَّ ﷺ ثَابِتًا فَقَالَ خُذْ بَعْضَ مَالِهَا وَفَارِقْهَا فَقَالَ وَيَصْلُحُ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَإِنِّي أَصَدَقْتُهَا حَدِيثَيْنِ وَهُمَا بِيَدِهَا فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ خُذْهُمَا وَفَارِقْهَا فَفَعَلَ.²⁰²

Al-Bukhārī juga meriwayatkan hadith yang semakna dengannya daripada Ibn ‘Abbās dengan lafaz matan (اقْبَلِ الْحَدِيقَةَ وَطَلِّقْهَا تَطْلِيقَةً) tanpa dinyatakan nama isteri Thābit, hanya disebut (أَنَّ امْرَأَةَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ). Al-Bukhārī juga menyebutkan jalur lain daripada Ayyūb daripada ‘Ikrimah yang menunjuk bahawasanya isteri Thābit adalah

²⁰² Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ṭalaq, Bab al-Khulu’, hadith 2228, h. 388.

Jamīlah.²⁰³ Begitu juga diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dalam *Sunannya* daripada Ibn 'Abbās dan Ahmad bin Ḥanbal dalam *Musnadnya* daripada hadith Sahl bin Abī Hathmah yang menjelaskan bahawa isterinya bernama Ḥabībah.²⁰⁴ Ibn Mājah meriwayatkan daripada Ibn 'Abbās bahawa isteri Thābit bernama Jamīlah dan daripada 'Amr bin Shu'ayb bahawa isterinya adalah Ḥabībah²⁰⁵. Ibn al-Athīr al-Jazarī dalam *Asd al-Ghābah* menyatakan bahawa hadith khuluk boleh berlaku kepada kedua-duanya, sebab mereka berdua pernah menjadi isteri Thābit bin Qays.²⁰⁶

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 33:

رُوي أَنَّ تَمِيمَةَ بِنْتِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْقُرَظِيِّ كَانَتْ تَحْتَ رِفَاعَةَ بْنِ وَهَبِ بْنِ عَتِيكَ الْقُرَظِيِّ فَطَلَّقَهَا ثَلَاثًا، فَتَزَوَّجَتْ بِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الزَّيْبِرِ الْقُرَظِيِّ فَأَتَتْ النَّبِيَّ ﷺ وَقَالَتْ: كُنْتُ تَحْتَ رِفَاعَةَ فَطَلَّقَنِي فَبَتَّ طَلَاقِي فَتَزَوَّجْتُ بِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الزَّيْبِرِ، وَإِنَّ مَا مَعَهُ مِثْلُ هَدْبَةِ الثَّوْبِ، وَإِنَّهُ أَرَادَ أَنْ يُطَلِّقَنِي قَبْلَ أَنْ يَمْسَنِي، أَفَارْجِعُ إِلَى ابْنِ عَمِّي؟ فَتَبَسَّمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: «أَتُرِيدِينَ أَنْ تَرْجِعِي إِلَى رِفَاعَةَ؟ لَا حَتَّى تَذُوقِي عَسِيلَتَهُ وَيَذُوقَ عَسِيلَتِكَ».²⁰⁷

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Tamīmah binti 'Abd al-Raḥmān al-Quraẓī pernah menjadi isteri Rifā'ah bin Wahab bin 'Atīk al-Quraẓī lalu ia mentalaknya talak tiga, kemudian Tamīmah berkahwin dengan 'Abd al-Raḥmān bin al-Zubayr al-Quraẓī, lalu ia mendatangi Nabi s.a.w. dan berkata: Aku pernah menjadi isteri Rifā'ah kemudian ia menceraikan aku dengan talak tiga lalu aku berkahwin dengan 'Abd al-Raḥmān bin al-Zubayr, namun ianya (kemaluannya) lembut seperti hujung kain, dia hendak mentalakku sebelum menggauliku, bolehkah aku kembali kepada sepupuku? Maka Rasulullah s.a.w. tersenyum lalu bersabda: Apakah engkau hendak kembali kepada Rifa'ah? Tidak boleh, hingga engkau merasakan kemanisan madunya dan dia pun merasakan kemanisan madumu (menggaulimu).

²⁰³ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Ṭalāq, Bab al-Khulu', hadith 5273- 5277.

²⁰⁴ Al-Nasā'ī (t.t.), *Sunan al-Nasā'ī*, *op. cit.*, Kitab al-Ṭalāq, Bab mā jā' fī al-Khulu', hadith 3462, 3463, h. 536-537; Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith 16095, j. 26, h. 18.

²⁰⁵ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ṭalāq, Bab al-Mukhtala'ah Ta'khudh mā A'tāhā, hadith 2056-2057, h. 355.

²⁰⁶ Lihat: 'Izz al-Dīn Ibn al-Athīr Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muhammad al-Jazarī selepas ini Ibn al-Athīr (1994), *Asd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah*, taḥqīq: 'Alī Muhammad Mu'awwaḍ dan 'Ādil 'Abd al-Mawjūd, j. 7, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 55, 73.

²⁰⁷ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 80. tafsir ayat ke-230.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada ‘Āishah diriwayatkan oleh al-Shaykhayn²⁰⁸, Abū Dāwūd²⁰⁹, al-Tirmidhī²¹⁰, al-Nasāī²¹¹ dan Ibn Mājah.²¹² Semua sanadnya bertemu pada al-Zuhri daripada ‘Urwah, kecuali Abū Dāwūd, beliau meriwayatkannya melalui jalur al-Aswad. Al-Tirmidhī menambahkan bahawa dalam bab ini ada jalur lain daripada Ibn ‘Umar, Anas, al-Rumayṣa` atau al-Ghumayṣa` dan Abū Hurayrah. Semua riwayat ini tiada menjelaskan nama isteri Rifā`ah sebagaimana yang dilakukan oleh al-Bantānī.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 34:

رُوي أَنَّ مَعْقِلَ بْنَ يَسَارٍ زَوَّجَ أُخْتَهُ جَمِيلَةَ عَبْدَ اللَّهِ بْنِ عَاصِمٍ فَطَلَّقَهَا وَتَرَكَهَا حَتَّى انْقَضَتْ عِدَّتُهَا، ثُمَّ نَدِمَ، فَجَاءَ يَخْطُبُهَا لِنَفْسِهِ وَرَضِيَتْ الْمَرْأَةَ بِذَلِكَ، فَقَالَ لَهَا مَعْقِلٌ: إِنَّهُ طَلَّقَكَ ثُمَّ تُرِيدِينَ مُرَاجَعَتَهُ وَجْهِي مِنْ وَجْهِكَ حَرَامٌ إِنْ رَاجَعْتِيهِ. فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى هَذِهِ الْآيَةَ فَدَعَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَعْقِلًا وَتَلَا عَلَيْهِ هَذِهِ الْآيَةَ فَقَالَ مَعْقِلٌ: رَغِمَ أَنْفِي لِأَمْرِ رَبِّي اللَّهُمَّ رَضِيْتُ وَسَلِمْتُ لِأَمْرِكَ، ثُمَّ أَنْكَحَ أُخْتَهُ زَوْجَهَا الْأَوَّلَ
عَبْدَ اللَّهِ بْنِ عَاصِمٍ.²¹³

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Ma'qil bin Yasār mengahwinkan saudara perempuannya Jamīlah dengan ‘Abd Allāh bin ‘Āṣim lalu ia mentalaknya dan membiarkannya sehingga tamat tempoh ‘iddahnya, kemudian ia menyesal, lalu datang memintangnya dan perempuan tersebut menerimanya, Ma'qal berkata kepadanya: dia telah mentalakmu lalu engkau hendak kembali kepadanya? Aku haram melihat wajahmu jika engkau merujuknya. Lalu Allah menurunkan ayat ini (surah al-Baqarah ayat 232), maka Rasulullah s.a.w. memanggil Ma'qal dan membacakan ayat tersebut. Ma'qil pun berkata: Aku taat pada perintah Tuhanku, ya Allah aku reda dan menerima perintahmu. Kemudian ia mengahwinkan saudara perempuannya dengan suami pertamanya ‘Abd Allāh bin ‘Āṣim.

²⁰⁸ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Adab, Bab al-Tabassum wa al-Ḍaḥik, hadith 6084; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab la Taḥlil al-Muṭallaqah Thalāthan ..., hadith 3526-3532.

²⁰⁹ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ṭalāq, Bab al-Mabtūṭah..., hadith 2309, h. 404.

²¹⁰ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab mā Jā` fī man Yuṭalliq Imratuh Thalāthan..., hadith 1118, h. 265.

²¹¹ Al-Nasā`ī (t.t.), *Sunan al-Nasā`ī*, *op. cit.*, Kitab al-Ṭalāq, Bab Ṭalāq al-Battah, hadith 3409, h. 528.

²¹² Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab al-Rajul Yutalliqu Imra`atuh Thalāthan, hadith 1932, 1933, h. 335.

²¹³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 81, tafsir ayat ke-232.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Riwayat tersebut secara makna diriwayatkan oleh al-Tirmidhī daripada ‘Abd bin Humayd daripada al-Hāshim bin al-Qāsim daripada al-Mubāarak bin Faḍālah daripada al-Ḥasan daripada Ma’qil bin Yasār dengan lafaz:

أَنَّهُ زَوَّجَ أُخْتَهُ رَجُلًا مِنَ الْمُسْلِمِينَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَكَانَتْ عِنْدَهُ مَا كَانَتْ تُمُّ طَلَّقَهَا تَطْلِيقَةً لَمْ يُرَاجِعْهَا حَتَّى انْقَضَتِ الْعِدَّةُ، فَهَوِيَتْهَا وَهَوِيَتْهُ ثُمَّ خَطَبَهَا مَعَ الْخُطَّابِ، فَقَالَ لَهُ : يَا لُكْعُ أَكْرَمْتُكَ بِهَا وَزَوَّجْتُكَهَا فَطَلَّقْتُهَا وَاللَّهِ لَا تَرْجِعْ إِلَيْكَ أَبَدًا آخِرُ مَا عَلَيْكَ، قَالَ : فَعَلِمَ اللَّهُ حَاجَتَهُ إِلَيْهَا وَحَاجَتَهَا إِلَيَّ بِعَلْمِهَا، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى : { وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَّغْنَ أَجَلَهُنَّ إِلَى قَوْلِهِ : وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ }، فَلَمَّا سَمِعَهَا مَعْقِلٌ قَالَ : سَمِعًا لِرَبِّي وَطَاعَةً، ثُمَّ دَعَاهُ، فَقَالَ : أُزَوِّجُكَ وَأُكْرِمُكَ " .²¹⁴

Al-Bukhārī juga meriwayatkannya daripada Muhammad bin al-Muthannā daripada ‘Abd al-A’lā daripada Sa’īd daripada Qatadah daripada al-Ḥasan.²¹⁵ al-Bayhaqī meriwayatkannya dengan sanad yang sama daripada Muhammad bin ‘Abd Allāh daripada Abū Bakr al-Ismā’īlī daripada al-Qāsim bin Zakariyā daripada Muhammad bin al-Muthannā.²¹⁶ Ibn Ḥibbān meriwayatkannya daripada Muhammad bin Ishāq daripada Muhammad bin Bashshār daripada ‘Abd al-A’lā.²¹⁷ Sanad Ibn Ḥibbān, al-Bukhārī dan al-Bayhaqī bertemu pada ‘Abd al-A’lā. Semua sanadnya *ṣaḥīḥ*.

Abū Dāwūd meriwayatkannya daripada Muhammad bin al-Muthannā daripada Abū ‘Āmir daripada ‘Abbād bin Rashīd daripada al-Ḥasan daripada Ma’qil.²¹⁸ Al-Ṭabrānī dalam *Mu’jam*nya meriwayatkan daripada ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Ḥanbal

²¹⁴ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab Tafsīr al-Qur`ān, Bab wa min Sūrah al-Baqarah, hadith 2981, h. 667.

²¹⁵ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Talāq, Bab wa Bu`ūlatuhun Aḥaqqu bi Raddihin..., hadith 5331, h. 460.

²¹⁶ Al-Bayhaqī (2003), *al-Sunan al-Kubrā*, Kitab al-Nikāḥ, Bab Ḥatm Lāzim li Awliyā` al-Ayāmā..., hadith 13595, j. 7, h. 167.

²¹⁷ Ibn Ḥibbān (1993), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab al-Walī, hadith 4071, j. 9, h. 379.

²¹⁸ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Nikāḥ, Bab fi al-‘Adl, hadith 2087, h. 362.

daripada Salamah bin Shabīb daripada Yazīd bin Abī Ḥākīm daripada Ibrāhīm bin Tahmān daripada Yunus daripada al-Ḥasan daripada Ma'qil.²¹⁹

Sanad al-Tirmidhī dan al-Ṭabrānī adalah *ḥasan*, sebab dalam sanad al-Tirmidhī terdapat al-Mubārak bin Fuḍālah dinilai Ibn Ḥajar sebagai *ṣadūq*,²²⁰ dan dalam sanad al-Ṭabrānī terdapat Yazīd bin Abī Ḥākīm, dinilai Ibn Ḥajar sebagai *ṣadūq*.²²¹ Namun terdapat riwayat lain yang berkualiti *ṣaḥīḥ* sehingga hadith ini dikategorikan sebagai hadith *ṣaḥīḥ*.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 35:

اللَّهُمَّ مَتَّعْنَا بِأَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَاجْعَلْهُمَا الْوَارِثَ مِنَّا.²²²

Maksudnya: Ya Allah, sempurnakanlah pendengaran dan penglihatan kami dan jadikanlah keduanya pewaris daripada kami.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini adalah potongan dari hadith yang panjang daripada Ibn ‘Umar oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya daripada ‘Alī bin Ḥujr daripada Ibn al-Mubārak daripada Yahya bin Ayyūb daripada ‘Ubayd Allāh bin Zahr daripada Khālid bin Abī ‘Imrān Ibn ‘Umar²²³ dengan lafaz sebagai berikut:

قَلَّمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُمْرُ مِنْ مَجْلِسٍ حَتَّى يَدْعُوَ بِهَؤُلَاءِ الدَّعَوَاتِ لِأَصْحَابِهِ اللَّهُمَّ اقْسِمْ لَنَا مِنْ خَشْيَتِكَ مَا يَحُولُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ مَعَاصِيكَ وَمِنْ طَاعَتِكَ مَا تُبَلِّغُنَا بِهِ جَنَّتِكَ وَمِنْ الْيَقِينِ مَا تُهَوِّنُ بِهِ عَلَيْنَا مُصِيبَاتِ الدُّنْيَا وَمَتَّعْنَا بِأَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَقُوتِنَا مَا أَحْيَيْتَنَا وَاجْعَلْهُ الْوَارِثَ مِنَّا وَاجْعَلْ ثَارَنَا عَلَى

²¹⁹ Al-Tabrani (1983), *op. cit.*, j. 20, h. 204.

²²⁰ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 918.

²²¹ *Ibid.*, h. 1073.

²²² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 82. tafsir ayat ke-233.

²²³ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Da’awāt, Bab mā Jā` fī ‘Aqd al-Tasbīḥ bi al-Yad, hadith 3502, h. 795.

مَنْ ظَلَمْنَا وَانْصُرْنَا عَلَىٰ مَنْ عَادَانَا وَلَا تَجْعَلْ مُصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا وَلَا تَجْعَلِ الدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمِّنَا وَلَا تَبْلُغْ عَلَيْنَا وَلَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا.

Diriwayatkan juga oleh al-Nasā'ī dalam *al-Sunan al-Kubrā*²²⁴ melalui jalur Bakr daripada 'Ubayd Allāh bin Zaḥr daripada Khālid bin Abī 'Imrān daripada Nāfi' daripada Ibn 'Umar. Juga al-Ṭabarānī dalam *al-Du'ā* dengan jalur Ibn Lahi'ah daripada Khālid bin Abī 'Imrān.²²⁵

Al-Tirmidhī menilai hadith ini sebagai *ḥasan gharīb*. Terdapat di dalam sanadnya Khālid bin Abī 'Imrān al-Tujībī, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *faqīh ṣadūq* (ahli Fikah lagi jujur)²²⁶, dan 'Ubayd Allāh bin Zaḥr al-Ḍamrī, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *ṣadūq yukhṭi' min al-sādisah* (jujur, berbuat khilaf, termasuk *ṭabaqāt* ke-6).²²⁷

b. Kualiti Hadith: *Hasan*.

Hadith No. 36:

رُوي أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ تَزَوَّجَ امْرَأَةً وَلَمْ يُسَمِّ لَهَا صَدَاقًا ثُمَّ طَلَّقَهَا قَبْلَ أَنْ يُمْسَهَا فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ ﷺ: «أَمْتَعَهَا». قَالَ: لَمْ يَكُنْ عِنْدِي شَيْءٌ، قَالَ: «مَتَّعَهَا بِقَلْنَسُوتِكَ».²²⁸

Maksudnya: “Diriwayatkan bahawasanya ada seorang lelaki dari kaum Ansar berkahwin dengan seseorang perempuan, namun ia belum memberikan maharnya, kemudian ia menceraikannya sebelum menggaulinya, maka Nabi s.a.w bersabda kepadanya: berikanlah *mut'ah* (sagu hati) kepadanya!, ia berkata: aku tidak mempunyai sesuatu, maka beliau bersabda: Hadiahkanlah kopiahmu kepadanya”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Setelah melakukan pencarian, penulis tidak menemukan sumber yang menyebutkan hadith ini, kecuali beberapa kitab tafsir seperti *tafsir al-Baghawī*²²⁹, *al-*

²²⁴ Al-Nasā'ī (2001), *op. cit.*, Kitab 'Amal al-Yawm wa al-Laylah, Bab ma Yaqu'ul Idhā Jalasa fī Majlis Kathura fīh Ghalṭuh, hadith 10161, j. 9, h. 154.

²²⁵ Al-Ṭabarānī (1987), *al-Du'ā*, taḥqīq: Muḥammad Sa'īd in Muḥammad Ḥasan al-Bukhārī, Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islamiyyah, Bab Kaffarah al-Majālis, hadith 1911, h. 1656.

²²⁶ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, h. 289.

²²⁷ Ibid. h. 638.

²²⁸ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 84, tafsir ayat ke-236.

*Kashshāf*²³⁰, dan tafsir *al-Sirāj al-Munīr*²³¹ sebagai penjelasan sebab turunnya ayat ke-236 surah al-Baqarah, tanpa menyebutkan perawi dan sumber hadith tersebut.

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Ibn Hajar mengatakan dalam *al-Kāfī al-Shāfī: lam ajidhu* (aku tidak menjumpainya).²³²

Hadith No. 37:

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ.²³³

Maksudnya: Barang siapa yang terbunuh dalam mempertahankan hartanya maka ia mati syahid.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada ‘Abdullāh bin ‘Amr diriwayatkan di dalam *al-Kutub al-Sittah* dan selainnya.²³⁴ Sanad al-Bukharī dan Muslim daripada Ibn ‘Amr, Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī daripada Sa’id bin Zayd dan Ibn ‘Amr, Ibn Mājah daripada Sa’id, Ibn ‘Umar dan Abū Hurayrah, manakala al-Nasāī daripada Sa’id, Ibn ‘Amr Abū Ja’far dan Buraydah.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

²²⁹ Al-Baghawī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 283.

²³⁰ Jār Allāh Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsharī selepas ini al-Zamakhsharī (1998), *al-Kashshāf ‘an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, taḥqīq: ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd et al., j. 1, Riyadh: Maktabah al-‘Abīkan, h. 462.

²³¹ Al-Sharbīnī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 131.

²³² Ibn Hajar (t.t.), *al-Kāfī al-Shāfī fī Takhrīj Aḥādīth al-Kashshāf*, t.t.p.: t.p., h. 21.

²³³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 85, tafsir ayat ke-239.

²³⁴ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Mazālim, Bab man Qutil Dūn Mālih, hadith 2480, h. 195; Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Īmān, Bab al-Dalīl man Qasad Akhdh Māl Ghayriḥ ..., hadith 361, h. 701; Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Sunnah, Bab fī Qitāl al-Luṣūṣ, hadith 4771, 4772, h. 865; al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Diyāt, Bab fī man Qutil dūn Mālih, hadith 1418-1421, h. 334-335; al-Nasāī (t.t.), *Sunan al-Nasāī*, *op. cit.*, Kitab Taḥrīm al-Dām, Bab Man Qutil Dūn Mālih, hadith 4084-4093, h. 631; Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Ḥudūd, Bab man Qutil Dūn Mālih, hadith 2580-2582, h. 439.

Hadith No. 38:

لَا وَصِيَّةَ لِرِوَاثٍ.²³⁵

Maksudnya: “Tiada wasiat bagi ahli waris”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd daripada Abū Umāmah al-Bāhili dengan lafaz: (سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لِرِوَاثٍ).²³⁶

Diriwayatkan juga oleh al-Tirmidhī daripada Abū Umāmah, Ibn Mājah daripada Anas bin Malik, al-Nasāī dan Aḥmad bin Ḥanbal daripada ‘Amr bin Khārijah.²³⁷

Dalam sanad Abū Dāwūd terdapat perawi bernama Ismā’īl bin ‘Ayyāsh al-‘Ansi (w.181H), Ibn Ḥajar menilainya sebagai *ṣadūq* apabila ia meriwayatkan daripada penduduk negerinya dan *mukhalliṭ* (mencampuradukkan riwayat) apabila meriwayatkan daripada selain penduduk negerinya.²³⁸ Dalam sanad al-Tirmidhī, al-Nasāī dan Aḥmad bin Ḥanbal terdapat Shahr bin Ḥawshab al-Ash’arī al-Shāmī (w.100) yang dinilai *ṣadūq* oleh Ibn Ḥajar.²³⁹ Sanad Ibn Mājah pula terdapat Hishām bin ‘Ammār bin Nuṣayr (w.245), ia juga dinilai *ṣadūq*.²⁴⁰ Namun ada riwayat lain yang diriwayatkan oleh al-Dāraqūṭnī daripada jalur Sa’īd bin Abī Sa’īd al-Maqbarī daripada Anas bin Mālik dan ‘Aṭā’ daripada Ibn ‘Abbās secara bersambung dan semua perawinya *thiqah*.²⁴¹ Dengan

²³⁵ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 86, tafsir ayat ke-240.

²³⁶ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Waṣāyā, Bab mā jā fī al-Waṣiyyah li al-Wārith, hadith 2870, 3565, h. 509, 639.

²³⁷ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Waṣāyā, Bab la Waṣiyyah li Wārith, hadith 2120, 2121, h. 478; al-Nasāī (t.t.), *Sunan al-Nasāī*, *op. cit.*, Kitab al-Waṣāyā, Bab Ibtāl al-Waṣiyyah li al-Wārith, hadith 3641-3643, h. 567; Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Waṣāyā, Bab la Waṣiyyah li Wārith, hadith 2712-2714, h. 460-461; Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, Hadith ‘Amr bin Khārijah, no. hadith 17663-17666, 17670, 18081-18083, 18086, 18087, j. 29, h. 210-215, 218, 622-625.

²³⁸ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, *Taqrīb* ..., h.142.

²³⁹ Ibid., h. 441.

²⁴⁰ Ibid., h. 1022.

²⁴¹ Al-Dāraqūṭnī (2004), *op. cit.*, Kitab al-Farā’id, hadith 4066, Kitab al-Waṣāyā, hadith 4295, j. 5, h. 122, 267.

demikian hadith tersebut dapat digolongkan sebagai hadith *ṣaḥīḥ* kerana terdapat banyak *ḥuruq* dan terdapat jalur yang *ṣaḥīḥ* sanadnya. *Wallahu A'lam*.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 39:

مَنْ لَمْ يَكُنْ عِنْدَهُ مَا يَتَصَدَّقُ بِهِ فَلْيَلْعَنِ الْيَهُودَ فَإِنَّهُ لَهُ صَدَقَةٌ.²⁴²

Maksudnya: “Barang siapa tidak mempunyai sesuatu yang dapat ia sedekahkan maka hendaklah ia melaknat orang-orang Yahudi, kerana sesungguhnya ia menjadi sedekah baginya.”

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī dalam *Tārīkh Baghdād* dari dua jalur, pertama daripada Aḥmad bin Muḥammad al-Khaṭīb daripada Muhammad bin Ḥumayd daripada ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Ḥibbān daripada ayahnya daripada Ya’qūb bin Muhammad al-Zuhri daripada Hishām bin ‘Urwah daripada ayahnya daripada ‘Āishah, kedua daripada Abū al-Ḥasan bin Rizq daripada Muhammad bin Ishāq al-Ṭabarī daripada Muhammad bin al-Faḍl daripada Ismā’īl bin Bahram daripada Ismā’īl bin Muhammad al-Ṭalḥā daripada Salīm al-Makkī daripada Ṭalḥā bin ‘Amr daripada ‘Aṭā daripada Abū Hurairah. Al-Khaṭīb berkata bahawa hadith ini adalah dusta dan batil.²⁴³ Ibn ‘Adī juga meriwayatkannya dalam *al-Kāmil* daripada ‘Imrān al-Sakhtiyānī daripada Ibrāhīm al-Mundhir daripada ‘Abd Allāh bin Muhammad Zadhān daripada ayahnya daripada Hishām bin ‘Urwah daripada ayahnya daripada ‘Āishah.²⁴⁴

Ibn al-Jawzī menyenaraikan riwayat ini di dalam kitab *al-Mawḍū’āt*, beliau menyebutkan bahawa semua jalur di atas tidak *ṣaḥīḥ*. Adapun hadith Abū Hurayrah

²⁴² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 87. tafsir ayat ke-245.

²⁴³ Ahmad bin ‘Alī bin Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī (2001), *Tārīkh Madīnah al-Salām*, taḥqīq: Bashshār ‘Awwād Ma’rūf, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, j. 2, h. 71, j. 16, h. 393.

²⁴⁴ Abū Ahmad ‘Abd Allāh bin ‘Adī al-Jarjānī (t.t.), *al-Kāmil fī Du’afā’ al-Rijāl*, taḥqīq: ‘Ādil Ahmad ‘Abd al-Mawjūd et al., j. 5, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 334.

terdapat Ṭalḥāh bin ‘Amr dan Salīm al-Makkī, mereka berdua hadithnya ditinggalkan (*matrūk al-ḥadīth*), manakala Ismāīl bin Muhammad al-Ṭalḥā hadithnya *ḍaʿīf*. Hadith ‘Āishah pula terdapat ‘Abd Allāh bin Muhammad bin Zadhān yang mana hadithnya tidak ditulis, dan Ya’qūb bin Muhammad, hadithnya tiada nilai sama sekali (lā yusāwī shay`an).²⁴⁵ al-Suyūṭī turut menyenaraikan hadith ini dalam *al-La`ālī al-Maṣnū`ah*.²⁴⁶

b. Kualiti Hadith: *Mawḍū`*

Hadith No. 40:

رُوي أن أبا الدَّحْدَاحِ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ لِي حَدِيقَتَيْنِ، فَإِنْ تَصَدَّقْتُ بِأَحَدَاهُمَا فَهَلْ لِي مِثْلَاهَا فِي الْجَنَّةِ؟ قَالَ: «نَعَمْ» وَأُمُّ الدَّحْدَاحِ مَعِيَ؟ قَالَ: «نَعَمْ». قَالَ وَالصَّبِيَّةُ مَعِيَ؟ قَالَ: «نَعَمْ». فَتَصَدَّقَ بِأَفْضَلِ حَدِيقَتَيْهِ وَكَانَتْ تُسَمَّى الْجَنِينِيَّةَ فَرَجَعَ أَبُو الدَّحْدَاحِ إِلَى أَهْلِهِ وَكَانُوا فِي الْحَدِيقَةِ الَّتِي تَصَدَّقَ بِهَا، فَقَامَ عَلَى بَابِ الْحَدِيقَةِ وَذَكَرَ ذَلِكَ لِامْرَأَتِهِ أُمِّ الدَّحْدَاحِ: بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي مَا اشْتَرَيْتَ. فَخَرَجُوا مِنْهَا وَسَلَّمُوهَا فَكَانَ ﷺ يَقُولُ: «كَمْ مِنْ نَخْلَةٍ رَدَّاحٍ تُدَلِّي عُرْوُفَهَا فِي الْجَنَّةِ لِأَبِي الدَّحْدَاحِ».²⁴⁷

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Abū Daḥḍāḥ berkata: Wahai Rasulullah, aku mempunyai dua kebun, apabila aku menyedekahkan salah satunya, apakah aku akan mendapatkan seumpamanya di syurga? Sabdanya: ya. Apakah Ummu Daḥḍāḥ juga bersamaku? Sabdanya: ya. Apakah anak bayiku juga bersamaku? Sabdanya: Ya. Maka ia menyedekahkan kebunnya yang paling bagus yang dia beri nama *al-Janīniyyah*, lalu Abū Daḥḍāḥ mendatangi keluarganya yang sedang berada di dalam kebun yang telah ia sedekahkan, ia berdiri di pintu kebun dan menceritakan hal itu kepada isterinya, lalu isterinya berkata: semoga Allah memberkati apa yang engkau telah beli. Mereka pun keluar dan menyerahkan kebunnya, maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Betapa banyak pohon kurma di syurga milik Abū Daḥḍāḥ”.

²⁴⁵ Abū al-Farj ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī bin Muhammad Ibn al-Jawzī (1997), *al-Mawḍū`āt min Aḥādīth al-Marfū`ah*, taḥqīq: Nūr al-Dīn bin Shukrī bin ‘Alī bin Buyajilar, j. 2, Riyadh: Aḍwā` al-Salaf, h. 489-491.

²⁴⁶ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (t.t.), *al-La`ālī al-Maṣnū`ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū`ah*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma`rifah, h. 75-76.

²⁴⁷ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 88. tafsir ayat ke-245.

a. Takhrij dan penjelasan.

Al-Bantānī menukil riwayat ini dari tafsir al-Rāzī tanpa menyebutkan perawinya.²⁴⁸ Setelah melakukan pencarian, penulis tidak menjumpai lafaz yang sama dengan hadith di atas, namun ada beberapa hadith yang mempunyai makna yang sama dengannya, seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal daripada Ḥasan daripada Hammād bin Salamah daripada Thābit daripada Anas bin Mālik dengan sanad yang *thiqah* dan bersambung, lafaz matannya sebagai berikut:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ لِفُلَانٍ نَخْلَةً وَأَنَا أُقِيمُ بِهَا حَائِطِي بِهَا فَأَمُرُهُ أَنْ يُعْطِيَنِي حَتَّى أُقِيمَ حَائِطِي بِهَا فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ ﷺ أَعْطَاهَا إِيَّاهُ بِنَخْلَةٍ فِي الْجَنَّةِ فَأَبَى فَأَتَاهُ أَبُو الدَّحْدَاحِ فَقَالَ بَعْضِي نَخْلَتِكَ بِحَائِطِي فَقَعَلَ فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ ابْتَعْتُ النَّخْلَةَ بِحَائِطِي قَالَ فَاجْعَلْهَا لَهُ فَقَدْ أُعْطِيَتْكَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ كَمْ مِنْ عَذْقٍ رَدَاحٍ لِأَبِي الدَّحْدَاحِ فِي الْجَنَّةِ. قَالَهَا مِرَارًا قَالَ فَأَتَى امْرَأَتَهُ فَقَالَ يَا أُمَّ الدَّحْدَاحِ اخْرُجِي مِنْ الْحَائِطِ فَإِنِّي قَدْ بَعْتُهُ بِنَخْلَةٍ فِي الْجَنَّةِ فَقَالَتْ رِيحَ الْبَيْعِ أَوْ كَلِمَةً تُشْبِهُهَا.²⁴⁹

Diriwayatkan juga oleh al-Ḥākim dalam *al-Mustadrak*, al-Ṭabarānī dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* dan Ibn Ḥibbān dalam *Ṣaḥīḥ*-nya dari jalur Abū Naṣr ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd al-‘Azīz al-Tammār daripada Hammād daripada Thābit daripada Anas.²⁵⁰ Al-Ḥākim berkata: hadith tersebut adalah *ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim, al-Arna`ūṭ mengatakan hal yang sama dalam men-*taḥqīq* Musnad Ahmad.

Imam Muslim dalam *Ṣaḥīḥ*-nya juga meriwayatkan perenggan terakhir hadith tersebut daripada Jābir bin Samurah dengan lafaz:

²⁴⁸ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 6, h. 142.

²⁴⁹ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, hadith , j. 19, h. 464.

²⁵⁰ Al-Ḥākim (1997), *op. cit.*, Kitab al-Buyū’, hadith 2249, j. 2, h. 25; al-Ṭabarānī (1983), *al-Mu'jam al-Kabīr*, taḥqīq: Ḥamdī bin ‘Abd al-Mājid al-Salafī, Musnad Abū al-Daḥdāh, hadith 763, cet. 2, j. 22, Mawsil: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, h. 300; Ibn Ḥibbān (1993), *op. cit.*, Kitab Manāqib al-Ṣaḥābah, Bab Dhikr al-Sabab al-Ladhī min Ajlih Qal s.a.w Hādha al-Qawl, hadith 7159, j. 16, h. 113.

كَمْ مِنْ عِدْقٍ مُعَلَّقٍ أَوْ مُدَلٍّ فِي الْجَنَّةِ لِابْنِ الدَّحْدَاحِ أَوْ قَالَ شُعْبَةُ لِأَبِي الدَّحْدَاحِ²⁵¹.

b. Kualiti Hadith: *Sahih*.

Hadith No. 41:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ اللَّهَ لَيَدْفَعُ بِالْمُسْلِمِ الصَّالِحِ عَنْ مِائَةِ أَهْلِ بَيْتٍ مِنْ حَيْرَانِهِ الْبَلَاءَ»²⁵².

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Umar, ia berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: “Sesungguhnya Allah akan menolak bala` dengan seorang muslim yang soleh daripada seratus keluarga jirannya.”

a. Takhrij dan penjelasan.

Al-Bantānī menyatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh Aḥmad bin Ḥanbal, namun setelah ditakhrij, penulis tidak menjumpainya dalam *Musnadnya*, tetapi di dalam *al-Mu’jam al-Awsaṭ* oleh al-Ṭabarānī, *Tafsīr al-Ṭabarī* dan *al-Du’afā`* oleh al-‘Uqaylī.

Al-Ṭabarānī meriwayatkannya daripada ‘Alī bin Sa’īd daripada Abū Ḥumayd Aḥmad bin Muḥammad al-Hamsī daripada Yaḥyā bin Sa’īd al-‘Aṭṭar daripada Ḥafṣ bin Sulaymān daripada Muhammad bin Sawqah daripada Wabrah bin ‘Abd al-Raḥmān daripada Ibn ‘Umar, Al-Ṭabarānī menjelaskan bahawa tiada yang meriwayatkan hadith ini kecuali Muhammad bin Suqah, dan tiada yang meriwayatkan daripadanya kecuali Ḥafṣ bin Sulaymān.²⁵³ Al-Ṭabarī meriwayatkan daripada Abū Humayd dengan Sanad yang sama. Al-‘Uqaylī meriwayatkannya daripada ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Ḥanbal daripada Aḥmad al-Ḥimṣī dengan sanad yang sama.²⁵⁴

²⁵¹ Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Janā`iz, Bab Rukūb al-Muṣallī ‘alā al-Janāzah idhā Inṣaraf, hadith 2239, h. 829.

²⁵² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 92, tafsir ayat ke-251.

²⁵³ Al-Ṭabarānī (1995), *al-Mu’jam al-Awsaṭ*, taḥqīq: Ṭāriq bin ‘Awd Allāh dan ‘Abd al-Muḥsin al-Ḥusaynī, hadith 4080, j. 4, Kaherah: Dār al-Haramayn, h. 239;

²⁵⁴ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 5753, j. 5, h. 374.

Al-Uqaylī mengatakan bahawa Yaḥyā bin Sa'īd al-'Aṭṭār adalah *munkar al-ḥadīth*, Yaḥyā bin Ma'īn berkata: *laysa bi Shay`*.²⁵⁵ Dan menurut Ibn Huzaymah: *lā yuḥtajju bih*.²⁵⁶ Terdapat dalam sanad tersebut Ḥafṣ bin Sulaymān, Ibn Ḥajar menilai hadithnya *matrūk* meskipun ia adalah imam qira`at.²⁵⁷

Al-Albānī memuatnya dalam *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah* dan menilainya sebagai *Ḍa'īf Jiddan*.²⁵⁸

b. Kualiti Hadith: *Ḍa'īf Jiddan* (Sangat lemah).

Hadith No. 42:

رُوي عن رسول الله ﷺ أَنَّهُ قَالَ: مَا قُرِئَتْ هَذِهِ آيَةُ فِي دَارٍ إِلَّا هَجَرَتْهَا الشَّيَاطِينُ ثَلَاثِينَ يَوْمًا وَلَا يَدْخُلُهَا سَاحِرٌ وَلَا سَاحِرَةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً.²⁵⁹

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w bahawasanya beliau bersabda: “Apabila ayat ini (ayat al-Kursi) dibaca pada suatu rumah maka syaitan akan menjauhinya selama tiga puluh hari dan tukang sihir (lelaki dan perempuan) tidak akan memasukinya selama empat puluh malam.”

a. Takhrij dan penjelasan.

Setelah melakukan *takhrīj*, penulis tidak menjumpai sumber yang memuatkan hadith ini kecuali beberapa kitab tafsir tanpa menyebut perawi dan sumber riwayatnya seperti *Tafsīr al-Rāzī*, tafsir *al-Sirāj al-Munīr*, *Tafsīr al-Nasafī*, *al-Kashshāf* dan lain-lain.²⁶⁰

b. Kualiti Hadith: *Mawḍū'.*

²⁵⁵ Abū Ja'far bin Muhammad bin 'Amr bin Mūsā bin Ḥammād al-Uqaylī (2000), *al-Ḍa'afā*, taḥqīq: Hamdī bin 'Abd al-Mājid al-Salafī, j.4, Riyadh: Dār al-Sumay'ī, h. 342.

²⁵⁶ Al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 181.

²⁵⁷ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, *Taqrīb* ..., h. 257.

²⁵⁸ Al-Albānī (1992), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, , hadith 815, j. 2, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif h. 221.

²⁵⁹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 94. tafsir ayat ke-255.

²⁶⁰ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 3; al-Sharbīnī (t.t.), *Op. cit.*, j. 1, h. 142.; 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad al-Nasafī (2005), *Tafsīr al-Nasafī*, taḥqīq: Marwan Muhammad al-Shi'ār, j. 1, Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 134; al-Zamakhsharī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 484.

Ibn Ḥajar dalam *al-Kāfī al-Shāf* berkata: aku tidak menjumpainya.²⁶¹ Abū Shahbah menyenarai hadith ini sebagai salah satu hadith *mawḍū'* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir.²⁶²

Hadith No. 43:

عَنْ عَلِيٍّ أَنَّهُ قَالَ: سَمِعْتُ نَبِيَّكُمْ عَلَى أَعْوَادِ الْمِنْبَرِ وَهُوَ يَقُولُ: مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فِي ذُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ إِلَّا الْمَوْتُ.²⁶³

Maksudnya: Daripada 'Ali bahawanya ia berkata: Aku telah mendengar nabi kamu di atas mimbar bersabda: "Barangsiapa membaca ayat al-kursi selepas mengerjakan tiap-tiap solat fardu, nescaya tiada yang menghalangi ia untuk masuk syurga kecuali mati."

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith daripada 'Alī bin Abī Ṭālib ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān* dan Ibn al-Sunnī dalam *'Amal al-Yawm wa al-Laylah* daripada Abū Umāmah dengan sanad yang lemah.²⁶⁴ al-Ṭabarānī dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* dan *Musnad al-Shāmiyyīn*, al-Nasā'ī dalam *al-Sunan al-Kubrā* dengan sanad *ḥasan* daripada Abū Umāmah.²⁶⁵ Dan Abū Nu'aym dalam *Ḥulyah al-Awliyā'* meriwayatkannya daripada al-Mughīrah bin Shu'bah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*.²⁶⁶

Dalam sanad al-Bayhaqī terdapat Ishāq bin al-Ṣabāḥ al-Kindī, menurut Ibn Ḥajar ia adalah *ḍa'īf* daripada tabaqat ke-7.²⁶⁷ Sanad Ibn al-Sunnī pula terdapat al-Yamān bin Sa'īd dinilai *ḍa'īf* oleh al-Dāraqūṭnī sebagaimana dikutip oleh al-Dhahabī

²⁶¹ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, h. 22.

²⁶² Muhammad bin Muhammad Abū Shahbah (t.t.), *al-Isrā'iliyyāt wa al-Mawḍū'āt fī Kutub al-Taḥfīr*, t.t.p.: Maktabah al-Sunnah, h. 310.

²⁶³ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 94. tafsir ayat ke-255.

²⁶⁴ Al-Bayhaqī (2003), *op. cit.*, Bab Takḥṣīṣ Āyah al-Kursī bi al-Dhikr, hadith 2174, j. 4, h. 57; Ibn al-Sunnī (2001), *'Amal al-Yawm wa al-Laylah*, Bab mā Yaqūl Idhā Nazal bih Karb, hadith 338, Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 107.

²⁶⁵ Al-Tabrani (1983), *op. cit.*, hadith 7532, j. 8, h. 114, hadith 2733, j. 3, h. 83; al-Ṭabarānī (1984), *Op. cit.*, hadith 824, j. 2, h. 9; al-Nasā'ī (2001), *op. cit.*, Kitab 'Amal al-Yamw wa Laylah, Bab Thawāb man Qara' Āyah al-Kursī, hadith 9848, j. 9, h. 44.

²⁶⁶ Abū Nu'aym Ahmad bin 'Abd Allāh al-Aṣḥānī (1988), *Ḥulyah al-Awliyā' wa Ṭabaqah al-Aṣḥānī*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 221.

²⁶⁷ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, *Taqrīb* ..., h. 129.

dalam *Mizān al-I'tidāl*.²⁶⁸ Manakala dalam sanad al-Ṭabarānī terdapat Muhammad bin Ḥimyar dinilai *ṣadūq* oleh Ibn Ḥajar.²⁶⁹ Jalur sanad al-Nasā'ī juga terdapat Muhammad bin Ḥimyar dan al-Ḥusayn bin Bishr, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *lā ba`sa bih*.²⁷⁰

Meskipun hadith al-Bayhaqī dan Ibn al-Sunnī *ḍa'if*, serta sanad al-Bayhaqī dan al-Nasā'ī adalah *ḥasan*, tetapi terdapat *shāhid* daripada al-Mughirah bin Shu'bah dengan sanad yang *ṣaḥīḥ*, sehingga dapat dikatakan bahawa kualiti hadith ini adalah *ṣaḥīḥ*.
Wallahu A'lam.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Al-Albānī menyenaraikan hadith ini di dalam *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb* dan menilainya sebagai hadith *ṣaḥīḥ*.²⁷¹

Hadith No. 44:

رُوي أَنَّهُ كَانَ لِأَبِي الْحُصَيْنِ الْأَنْصَارِيِّ مِنْ بَنِي سَالِمِ بْنِ عَوْفِ ابْنَانِ قَدْ تَنَصَّرَا قَبْلَ مَبْعَثِ النَّبِيِّ ﷺ،
ثُمَّ قَدِمَا الْمَدِينَةَ فَلَزِمَهُمَا أَبُوهُمَا وَقَالَ: وَاللَّهِ لَا أَدْعُكُمْ حَتَّى تُسَلِمَا. فَأَبَيَا، فَاخْتَصَمُوا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ
ﷺ فَنَزَلَتْ هَذِهِ آيَةٌ { لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ }، فَحَلَّى سَبِيلَهُمَا.²⁷²

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Abū al-Ḥusayn al-Anṣārī daripada Bani Sālim bin 'Awf mempunyai dua anak yang telah memeluk agama Nasrani sebelum Rasulullah s.a.w. diutus, kemudian mereka berdua datang ke Madinah dan hendak menetap bersama ayahnya, lalu ayahnya berkata: Aku tidak membiarkanmu berdua sehingga kamu masuk Islam. Namun mereka berdua enggan, lalu mereka mengadu kepada Rasulullah s.a.w. maka turunlah ayat ini: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)”, ia pun membiarkan mereka berdua.

²⁶⁸ Al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 289.

²⁶⁹ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit, Taqrīb* ..., h. 839.

²⁷⁰ *Ibid.*, h. 245.

²⁷¹ Al-Albānī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, Kitab al-Dhikr, hadith 1595, j. 2, h. 258.

²⁷² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 94, tafsir ayat ke-256.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith tersebut secara makna diriwayatkan oleh al-Ṭabarī daripada Mūsā bin Hārūn daripada ‘Amr bin Ḥammād daripada Asbāṭ bin Naṣr daripada al-Suddī al-Kabīr dengan lafaz:

قَوْلُهُ : " { لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْعَيْ } إِلَى : { لَا انْفِصَامَ لَهَا } ، قَالَ : نَزَلَتْ فِي رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ ، يُقَالُ لَهُ : أَبُو الْحَصِينِ ، كَانَ لَهُ ابْنَانِ ، فَقَدِمَ بُحَارَ مِنْ الشَّامِ إِلَى الْمَدِينَةِ يَحْمِلُونَ الزَّيْتِ ، فَلَمَّا بَاعُوا وَأَزَادُوا أَنْ يَرْجِعُوا ، أَتَاهُمْ ابْنَا أَبِي الْحَصِينِ ، فَدَعَوْهُمَا إِلَى النَّصْرَانِيَّةِ ، فَتَنَصَّرَا ، وَرَجَعَا إِلَى الشَّامِ مَعَهُمْ ، فَأَتَى أَبُوهُمَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ : إِنَّ ابْنَيْ تَنَصَّرَا وَخَرَجَا ، فَاطْلُبُهُمَا ، فَقَالَ : { لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ } . وَمَ يُؤْمَرُ يَوْمَئِذٍ بِقِتَالِ أَهْلِ الْكِتَابِ ، وَقَالَ : أَبْعَدَهُمَا اللَّهُ ، هُمَا أَوْلَى مَنْ كَفَرَ .²⁷³

b. Kualiti Hadith: *Da'if*.

Hadith tersebut diriwayatkan secara mursal., tidak disebutkan perawi daripada sahabat. Nama Al-Suddī ialah Ismāīl bin Abd al-Raḥmān bin Abī Karīmah, beliau adalah seorang *tabi'i*, wafat pada tahun 127 H.²⁷⁴

Hadith No. 45:

رَوِيَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يُحِبُّ إِسْلَامَ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنَ الْيَهُودِ الَّذِينَ كَانُوا حَوْلَ الْمَدِينَةِ . وَكَانَ يَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى ذَلِكَ سِرًّا وَعَلَانِيَةً .²⁷⁵

Maksudnya: Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w sukakan keislaman ahli kitab daripada orang Yahudi yang tinggal di sekitar Madinah. Beliau selalu berdoa yang demikian secara senyap mahupun secara terang-terangan.

²⁷³ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, j. 5, h. 410.

²⁷⁴ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 141.

²⁷⁵ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 94, tafsir ayat ke-256.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Syeikh Nawawi al-Bantānī menyebutkan hadith ini dalam tafsirnya tanpa menyatakan perawinya. Setelah melakukan pencarian, penulis tidak menjumpai sumber yang memuat hadith ini kecuali *Tafsir al-Rāzī* yang menyatakan bahawa ianya diriwayatkan daripada ‘Aṭā’ daripada Ibn ‘Abbās.²⁷⁶ Juga dimuat di dalam tafsir *al-Lubāb* dan *Gharā’ib al-Qur`ān*.²⁷⁷

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 46:

رُوي عن عُثْمَانَ أَنَّهُ جَهَّزَ جَيْشَ الْعَسْرَةِ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ بِأَلْفِ بَعِيرٍ بِأَقْتَابِهَا وَأَلْفِ دِينَارٍ، فَرَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَدَيْهِ يَقُولُ: «يَا رَبِّ عُثْمَانُ رَضِيْتُ عَنْهُ فَارْضَ عَنْهُ».²⁷⁸

Maksudnya: Diriwayatkan daripada ‘Uthmān bahawasanya ia mendedahkan untuk pasukan perang Tabuk seribu ekor kuda dan wang seribu dinar. Maka Rasulullah s.a.w mengangkat tangannya sambil berdoa: “Ya Tuhanku, aku reda dengan ‘Uthmān maka redailah dia.”

a. Takhrij dan penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir dalam *Tārīkh*-nya dan Abū Nu’aym dalam *Akhbār al-Aṣḥāb*.²⁷⁹ Sanad Ibn ‘Asākir daripada Abū Sa’īd empat jalur yang kesemuanya lemah, iaitu daripada Abū Nu’aym al-Faqīh dan Abū Muslim ‘Amr bin ‘Uthmān daripada Abū al-Aḥwas al-Makhzūmī daripada Yaḥyā al-Muḥāribī daripada Mis’ār daripada ‘Aṭīyah, juga Ya’qūb dan Ishāq al-Maktab daripada Mis’ār, dan Ya’qūb al-Bayhasī daripada Yaḥyā bin Sulaymān.

²⁷⁶ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 15.

²⁷⁷ Ibn ‘Ādil al-Dimashqī (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 332; Niẓām al-Dīn al-Qummī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 17.

²⁷⁸ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 98, tafsir ayat ke- 262.

²⁷⁹ Ibn ‘Asākir (1995), *op. cit.*, hadith , j. 39, h. 54; Abu Nu’aym al-Asfahani (t.t.), *Akhbar al-Asbahani*, hadith 1355, j. 1, New Dehli: al-Dar al-‘Ilmiyyah, h. 454.

Manakala hadith daripada Sahl bin Mālik al-Anṣārī, jalur sanadnya sangat lemah. Terdapat dalam sanadnya Muhammad bin Mu'awiyah al-Naysabūrī, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *matrūk*, Ibn Ma'īn menilainya sebagai pendusta,²⁸⁰ al-Nasā'ī juga menilainya sebagai *matrūk al-ḥadīth*.²⁸¹ Juga Ahmad bin Sulaymān al-Ṣūrī, Khālid bin Sa'īd bin al-Fayyāḍ, dan Yūsuf bin Sahl al-Anṣārī, semuanya tidak dijumpai biografinya.

Hadith Abū Nu'aym juga daripada Abū Sa'īd al-Khudrī melalui jalur Muhammad bin Naṣr daripada Yaḥyā al-Muḥārībī daripada Mis'ar daripada 'Aṭīyyah.

Sanad daripada Abū Sa'īd al-Khudrī samada riwayat Ibn 'Asākir mahupun Abū Nu'aym terdapat 'Aṭīyyah al-'Awfī, Ibn Ḥajar menilai sebagai *ṣadūq yukhṭī kathīran, wa kāna shī'iyyan mudallisan*²⁸², Abū Ḥātim, Ahmad bin Hanbal dan al-Nasā'ī menilainya *ḍa'īf*²⁸³ dan Yaḥyā bin Sulaymān al-Muḥārībī, menurut al-Dhahabī: *lā yaṣīḥ ḥadīthuh* (hadithnya tidak sah).²⁸⁴

b. Kualiti Hadith: *Da'īf Jiddan*.

Hadith No. 47:

رُوي عن عبد الرحمن بن عوفٍ أنه تصدَّقَ بنصفِ ماله أربعة آلاف دينارٍ وقال: كانَ عندي ثمانية آلافٍ فأمسكتُ لنفسي وعيالي أربعة آلافٍ، وأخرجتُ أربعة آلافٍ لربي عزَّ وجلَّ فقال رسولُ الله ﷺ: «باركَ اللهُ لكَ فيما أمسكتَ وفيما أعطيتَ».²⁸⁵

Maksudnya: Dirwayatkan daripada 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf bahawasanya ia mendedekahkan separuh hartanya iaitu empat ribu Dinar, ia berkata: Aku mempunyai lapan Dinar, lalu aku simpankan untuk diriku dan keluargaku empat Dinar dan aku

²⁸⁰ Ibn Ḥajar (t.t.), *op. cit.*, *Taqrīb* ..., h. 897.

²⁸¹ Al-Nasā'ī (1995), *al-Du'afā' wa al-Matrūkīm*, taḥqīq: Būran al-Ḍanāwī dan Kamāl Yūsuf al-Ḥūt, Beirut: Mu'assas al-Kutub al-Thaqafah, h. 219.

²⁸² Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 680.

²⁸³ Al-Dhahabī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 101.

²⁸⁴ *Ibid.*, j. 7, h. 185.

²⁸⁵ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 98, tafsir ayat ke- 262.

keluarkan untuk Tuhanku empat ribu. Maka Rasulullah s.a.w bersabda: “Semoga Allah memberkatimu akan apa yang engkau simpan dan yang engkau sedekahkan”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarī daripada Yaḥyā bin Abī Kathīr al-Yamamī dengan lafaz (بارك الله فيما أعطيت وفيما أمسكت), Abū Salamah, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥmān dengan lafaz (بارك الله لك فيما أعطيت، وبارك لك فيما أمسكت), al-Rabī’ bin Anas, semuanya secara *mursal*, dan daripada Ibn ‘Abbās secara bersambung²⁸⁶ tapi sanadnya *ḍa’if* sebab terdapat di dalamnya al-Ḥusayn bin Dāwud al-Maṣīṣī, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *ḍa’if*.²⁸⁷ Juga Ibn Abī Ḥātim (w. 327) dalam tafsirnya daripada Abū Salamah secara *mursal* dan daripada Anas bin Mālik secara bersambung dengan sanad *ḥasan*, sebab terdapat dalamnya perawi bernama Mu`ammal bin Ismā’il yang dinilai *ṣadūq sayyi` al-Ḥifz* oleh Ibn Ḥajar.²⁸⁸

Imam al-Bazzār juga meriwayatkan hadith ini dalam *Musnad*-nya daripada Abū Salamah secara *mursal* dan daripada Abū Salamah daripada Abū Hurayrah secara bersambung dengan sanad *ḥasan*.²⁸⁹ Di dalam sanadnya terdapat ‘Umar bin Abī Salamah, ia dinilai *ṣadūq yukhti`* oleh Ibn Ḥajar,²⁹⁰ menurut al-Nasā’i: *laysa bi al-Qawiy*, Abū Ḥātim: *Ṣāliḥ al-ḥadīth*, Ibn Ma’īn dalam riwayat Aḥmad bin Abī

²⁸⁶ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 17010, 17011, 17017, 17018, j. 14, h. 386 387, 391.

²⁸⁷ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 418.

²⁸⁸ ‘Abd al-Raḥmān bin Muhammad Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (1997), *Tafsīr al-Qur`ān al-‘Azīm Musnadan ‘an Rasūlillah wa al-Ṣaḥābah wa al-Ṭabī`īn*, taḥqīq: As`ad Muhammad al-Ṭayb, Riyadh: Makatab Nizār Muṣṭafā al-Bāz, h. 1850,1851. Mu`ammal ialah Abū ‘Abd al-Raḥmān bin Ismā’il al-Baṣrī. lihat: Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 987.

²⁸⁹ Ahmad bin ‘Amr bin ‘Abd al-Khāliq al-Bazzār (1988), *al-Baḥr al-Zakḥkhār, Musnad al-Bazzār*, taḥqīq: Maḥfūz al-Raḥmān Zayn Allāh, hadith 8671, 8672, j. 15, Beirut: Mu`assasah ‘Ulūm al-Qur`ān, h. 235.

²⁹⁰ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 720.

Khaythamah: *laysa bih ba's*, Ibn Ḥibbān menyenaraikannya dalam *al-Thiqāt*, al-Tirmidhī men-*ṣaḥīḥ*-kan hadithnya.²⁹¹

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dikatakan bahawa kualiti hadith ini adalah *ḥasan*, sebab terdapat banyak jalur, dua di antaranya bersanad *ḥasan* iaitu riwayat Ibn Abī Ḥātim daripada Anas dan al-Bazzār daripada Abū Hurayrah.

b. Kualiti Hadith: *Ḥasan*.

Hadith No. 48:

²⁹² تَخَلَّقُوا بِأَخْلَاقِ اللَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Berakhlaklah dengan akhlak Allah s.w.t.”

a. Takhrij dan Penjelasan.

Syeikh Nawawi menukil hadith ini untuk menjelaskan maksud hikmah yang disebutkan dalam surah al-Baqarah ayat ke- 269, menurutnya hikmah itu adalah berakhlak dengan akhlak Allah sesuai dengan kemampuan manusia, lalu beliau mendapat hadith ini tanpa sanad. Setelah ditelusuri, penulis mendapati bahawa beliau menukilkannya dari tafsir al-Rāzī.²⁹³ Tidak dijumpai sumber daripada kitab-kitab hadith yang mengemukakan riwayat ini.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (w.751) dalam *Madārij al-Sālikīn* mengatakan bahawa riwayat ini *bāḥil*.²⁹⁴ Al-Albānī juga menyenaraikan hadith ini dalam *Silsilah al-Da'īfah wa al-Mawḍū'ah* dan menegaskan bahawa hadith ini tiada asalnya.²⁹⁵

b. Kualiti Hadith: Tidak diketahui.

²⁹¹ Al-Dhahabī (1995), *Mizān*, *op. cit.*, j. 5, h. 242.

²⁹² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 100, tafsir ayat ke-269.

²⁹³ Lihat: al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 60.

²⁹⁴ Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Abī Bakr, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1973), *Madārij al-Sālikīn*, cet. 2, j. 3, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 241.

²⁹⁵ Al-Albānī (1992), *op. cit.*, hadith 2822, j. 6, h. 346.

Hadith No. 49:

رُويَ أَنَّهُمْ سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ هَلْ صَدَقَةُ السِّرِّ أَفْضَلُ أَمْ صَدَقَةُ الْعَلَانِيَةِ؟ فَتَنَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ {إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ...} ²⁹⁶.

Maksudnya: diriwayatkan bahawasanya mereka bertanya kepada Rasulullah s.a.w., adakah sedekah secara rahsia lebih utama atautkah sedekah secara terang-terangan? Maka turunlah ayat ini: “Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik)...”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menjumpai sumber hadith yang memuat hadith tersebut kecuali dalam tafsir al-Rāzī tanpa sanad.²⁹⁷

b. Kualiti hadith: Tidak diketahui.

Hadith No. 50:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: صَدَقَةُ السِّرِّ فِي التَّطَوُّعِ تَفْضُلُ عَلَانِيَّتِهَا بِسَبْعِينَ ضِعْفًا وَصَدَقَةُ الْفَرِيضَةِ عَلَانِيَّتِهَا أَفْضَلُ مِنْ سَرِّهَا بِخَمْسَةِ وَعِشْرِينَ ضِعْفًا. ²⁹⁸

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbas r.a.: Sedekah sunat yang dilakukan secara sulit lebih utama tujuh puluh kali ganda daripada sedekah yang dilakukan secara terang-terangan, dan sedekah fardu secara terang-terangan lebih utama dua puluh lima kali ganda daripada sedekah yang dilakukan secara sulit.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Al-Bantānī menukilkan riwayat ini untuk mentafsirkan ayat ke 271, tentang keutamaan bersedekah. Lafaz hadith tersebut sama seperti yang dimuat oleh tafsir *al-Sirāj al-Munīr*²⁹⁹, *Tafsīr Abī al-Sa’ūd*³⁰⁰ dan selainnya.

²⁹⁶ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 100, tafsir ayat ke- 271.

²⁹⁷ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 63.

²⁹⁸ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 100, tafsir ayat ke-271.

Mukharrij yang meriwayatkan hadith ini ialah al-Ṭabarī dengan sanadnya daripada al-Muthannā daripada ‘Abd Allāh bin Ṣāleh daripada Mu’awiyah daripada ‘Alī bin Abī Ṭalḥah daripada Ibn ‘Abbās dengan lafaz:

فَجَعَلَ اللَّهُ صَدَقَةَ السِّرِّ فِي التَّطَوُّعِ تَفْضُلًا عَلَايَتِهَا بِسَبْعِينَ ضِعْفًا، وَجَعَلَ صَدَقَةَ الْفَرِيضَةِ: عَلَايَتِهَا أَفْضَلَ مِنْ سِرِّهَا، يُقَالُ بِخَمْسَةِ وَعِشْرِينَ ضِعْفًا.³⁰¹

Diriwayatkan juga oleh Ibn Abī Ḥātim (w.327) di dalam tafsirnya daripada Ibn ‘Abbās melalui jalur ayahnya daripada Abū Ṣāleh daripada Mu’awiyah.³⁰²

Di dalam sanad di atas, terdapat ‘Alī bin Abī Ṭalḥah, Ibn Hajar menilainya sebagai *ṣadūq*, namun beliau meriwayatkan hadith daripada Ibn Abbas secara mursal, beliau tidak pernah berjumpa langsung dengan Ibn Abbas.³⁰³ Dengan demikian, hadith ini terputus sanadnya sehingga dapat dikategorikan sebagai hadith *da’if*.

b. Kualiti Hadith: *Da’if*.

Hadith No. 51:

رُوي أَنَّ نَسِيلَةَ أُمِّ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ وَجَدَّتَهَا وَهَمَّا مُشْرِكَتَانِ جَاءَتَا أَسْمَاءَ تَسْأَلَانِيهَا شَيْئًا. فَقَالَتْ: لَا أُعْطِيكُمْ حَتَّى أَسْتَأْمِرَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَإِنْ كُنَّا لَسْتُمَا عَلَيَّ دِينِي. فَسَأَلْتُهُ عَنِ الصَّدَقَةِ عَلَى الْكُفَّارِ فَقَالَتْ: هَلْ يَجُوزُ لَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْ نَتَصَدَّقَ عَلَى ذَوِي قَرَابَتِنَا مِنْ غَيْرِ أَهْلِ دِينِنَا؟ فَأَنْزَلَ اللَّهُ هَذِهِ الْآيَةَ {وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَا نُفْسِكُمْ}. فَأَمَرَهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ تَتَصَدَّقَ عَلَيْهِمَا.³⁰⁴

Maksudnya: Diriwayatkan bahawasanya Nabīlah ibu Asmā’ binti Abī Bakr dan neneknya, yang masih musyrik mendatangi Asma’ lalu mereka meminta sesuatu kepadanya, Asmā’ berkata: aku tidak akan memberikanmu sehingga aku tanyakan kepada Rasulullah s.a.w. sebab agama engkau berdua berbeza dengan agamaku. Kemudian aku bertanya kepada beliau mengenai bersedekah kepada orang kafir, ia

²⁹⁹ Al-Sharbīnī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 151.

³⁰⁰ Muhammad bin Muḥammad al-‘Imādī Abū al-Sa’ūd (t.t.), *Irshād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur`ān al-Karīm, Tafsīr Abī al-Sa’ūd*, j. 1, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 264.

³⁰¹ Al-Ṭabarī (2000), *op. cit.*, hadith 6197, j. 5, h. 583.

³⁰² Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī (1997), *op. cit.*, hadith 2847, h. 536.

³⁰³ Ibn Hajar (1986), *Taqrīb al-Tahdhīb*, taḥqīq Muhammad ‘Awamah, Damshiq: Dār al-Rashīd, h. 402.

³⁰⁴ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 100, tafsir ayat ke-272.

berkata: Wahai Rasulullah, Apakah kita boleh bersedekah kepada saudara mara yang berbeza agamanya? Maka Allah menurunkan ayat ini: “Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri”. Maka Rasulullah s.a.w. menyuruhnya bersedekah kepada mereka berdua.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Penulis tidak menjumpai lafaz hadith tersebut di atas dalam kitab-kitab mu'tabar. Riwayat di atas dinukilkan juga oleh al-Rāzī dalam Tafsirnya tanpa menyebutkan sanadnya.³⁰⁵

b. Kualiti hadith: Tidak diketahui.

Hadith no. 52:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْعَفِيفَ الْمُتَعَفِّفَ وَيُبْغِضُ الْفَاحِشَ الْبَدِيَّ السَّالِّ الْمُلْحِفَ الَّذِي إِنْ أُعْطِيَ كَثِيراً أَفْرَطَ فِي الْمَدْحِ، وَإِنْ أُعْطِيَ قَلِيلاً أَفْرَطَ فِي الذَّمِّ.³⁰⁶

Maksudnya: Daripada Ibn Mas'ud r.a.: Sesungguhnya Allah s.w.t. mencintai orang yang menjaga kehormatan dirinya dan membenci orang yang berbuat keji lagi banyak meminta, jika ia diberi banyak, maka ia memuji secara berlebihan dan jika diberi sedikit, maka ia mencela secara berlebihan.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith Ibn Mas'ud di atas berasal daripada hadith yang panjang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī di dalam *al-Mu'jam al-Kabīr* daripada Bakr bin Muqbil al-Baṣrī daripada al-Khalīl bin Rashīd daripada Ruwaym bin Yazīd daripada Sawwār bin Mas'ab daripada 'Amr bin Qays daripada Salamah bin Kuhayl daripada Shaqīq daripada Ibn Mas'ud dengan lafaz: (... إن الله يحب الحبي الحليم العفيف المتعفف ويبغض الفاحش)

³⁰⁵ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 67.

³⁰⁶ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 101, tafsir ayat ke-273.

الذي إن أعطي كثيراً أفرط في المدح، وإن) Tanpa penambahan lafaz: (البذي السؤال الملحف³⁰⁷

(الذم أعطي قليلاً أفرط في). Penambahan tersebut terdapat di dalam kitab rujukan utama al-

Bantānī iaitu tafsir al-Rāzī dan *al-Lubāb*.³⁰⁸

Dalam sanad tersebut di atas terdapat Sawwār bin Mas’ab al-Hamadānī, al-Bukharī menilainya sebagai *munkar al-ḥadīth*³⁰⁹, Yaḥyā, Aḥmad bin Ḥanbal, al-Daraqūṭnī dan al-Nasā’ī menilainya sebagai *matrūk al-ḥadīth*.³¹⁰

b. Kualiti hadith: *Da’if jiddan*.

Hadith No. 53:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَا يَمْلِكُ غَيْرَ أَرْبَعَةِ دَرَاهِمَ فَتَصَدَّقَ بِدِرْهَمٍ لَيْلًا وَبِدِرْهَمٍ نَهَارًا، وَبِدِرْهَمٍ سِرًّا، وَبِدِرْهَمٍ عَلَانِيَةً. فَقَالَ ﷺ: «مَا حَمَلَكَ عَلَى هَذَا؟» فَقَالَ: أَنْ أُسْتَوْجَبَ مَا وَعَدَنِي رَبِّي. فَقَالَ: «لَكَ ذَلِكَ». فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى هَذِهِ الْآيَةَ { الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً }³¹¹.

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbās, bahawasanya ‘Alī r.a. hanya mempunyai wang empat Dirham, lalu ia mendedekahkan satu Dirham pada waktu malam, satu Dirham pada waktu siang, satu Dirham dengan cara sulit, dan satu Dirham lagi dengan cara terbuka. Maka Rasulullah s.a.w. bertanya: Apa yang membuatmu berbuat demikian? Ia menjawab: Saya hendak mendapatkan apa yang dijanjikan oleh Tuhanku. Sabdanya: Engkau akan mendapatkannya. Maka Allah s.w.t. menurunkan ayat ini: “orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka”.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Keratan pertama hadith di atas diriwayatkan oleh al-Waḥīdī daripada Abū Bakr al-Taymī daripada Abū Muhammad bin Ḥayyān daripada Muhammad al-Jurjānī

³⁰⁷ Al-Tabrani (1983), *op. cit.*, hadith 10442, j. 10, h. 241.

³⁰⁸ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 71; Ibn ‘Ādil al-Dimashqī (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 438.

³⁰⁹ Al-Bukhari (t.t.), *al-Tārīkh al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 4, h. 169.

³¹⁰ ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī, Ibn al-Jawzī (1986), *al-Du’afā’ wa al-Matrūkīn*, taḥqīq: ‘Abd Allāh al-Qādī, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 2, h. 31.

³¹¹ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 102, tafsir ayat ke-274.

daripada ‘Abd al-Razzāq daripada ‘Abd al-Wahhāb bin Mujāhid daripada ayahnya daripada Ibn ‘Abbās, dengan lafaz:

فِي قَوْلِهِ: { الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً } قَالَ: " نَزَلَتْ فِي عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ كَانَ عِنْدَهُ أَرْبَعَةٌ دَرَاهِمٌ، فَأَنْفَقَ بِاللَّيْلِ وَاحِدًا، وَبِالنَّهَارِ وَاحِدًا، وَفِي السِّرِّ وَاحِدًا، وَفِي الْعَلَانِيَةِ وَاحِدًا."³¹²

Manakala keratan kedua tidak dijumpai dalam mana-mana kitab mu’tabar, lafaz yang sama dengan riwayat di atas terdapat di dalam kitab *Tafsir al-Rāzī*.³¹³

b. Kualiti hadith: *Mawḍū’*.

Dalam sanad tersebut di atas terdapat ‘Abd al-Wahhāb bin Mujāhid bin Jabr al-Makkī, Ibn Ḥajar menilainya sebagai *matrūk*, al-Thawrī pula menilainya sebagai *kadhdhāb* (pendusta).³¹⁴ al-Albānī menyenaraikan hadith ini dalam *Silsilah al-Aḥādīth al-Da’īfah wa al-Mawḍū’ah* dan menilai hadith ini sebagai *mawḍū’*.³¹⁵

Hadith No. 54:

إِنَّ الْمَلَكَ يُنَادِي كُلَّ يَوْمٍ اللَّهُمَّ يَسِّرْ لِكُلِّ مُنْفِقٍ خَلْفًا وَلِمُمْسِكٍ تَلْفًا.³¹⁶

Maksudnya: Sesungguhnya malaikat memanggil (berdoa) setiap hari. “Ya Allah, mudahkanlah bagi setiap orang yang berinfak untuk mendapatkan gantinya, dan kebinasaan (harta) bagi orang yang menahan (hartanya tanpa disedekahkan).

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada Abū Hurayrah diriwayatkan oleh al-Bukhārī melalui Abū al-Ḥubāb³¹⁷, Muslim melalui jalur Sa’d bin Yasār³¹⁸, al-Nasāī dalam *al-Sunan al-Kubrā*

³¹² Al-Wāhidī (1991), *op. cit.*, h. 210.

³¹³ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 73.

³¹⁴ Ibn Ḥajar (t.t.), *Taqrīb*, *op. cit.*, h. 633.

³¹⁵ Al-Albānī (1992), *op. cit.*, j. 10, h. 600.

³¹⁶ Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 103, tafsir ayat ke-276.

³¹⁷ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Zakāh, Bab Qawl Allāh Ta’ālā fa man A’tā wa Ittaqā..., hadith 1442, h. 113.

juga melalui Abū al-Ḥubāb,³¹⁹ Ahmad bin Hanbal dan Ibn Hibban melalui ‘Abd al-Raḥmān bin Abī ‘Amrah,³²⁰ dan selainnya.

Sanad al-Bukhārī, Muslim dan al-Nasā’ī adalah sama, hanya sahaja berbeza pada gurunya, al-Bukhārī daripada Ismā’īl daripada saudaranya daripada Sulaymān, Muslim daripada al-Qāsim bin Zakariyyā daripada Khālid bin Mukhallad daripada Sulaymān, manakala al-Nasā’ī daripada Muhammad bin Naṣr daripada Ayyūb daripada Abū Bakr daripada Sulaymān. Sanad mereka bertemu pada Sulaymān bin Bilāl. Manakala sanad Ahmad bin Ḥanbal dan Ibn Ḥibbān juga sama kecuali pada gurunya masing-masing. Sanad mereka semuanya bertemu pada Hammād bin Salamah.

Lafaz al-Bukhārī, Muslim dan al-Nasā’ī ialah (اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ الْآخِرُ)

(اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَعَجَّلْ لِمُمْسِكٍ تَلْفًا), lafaz Ahmad pula ialah (اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَعَجَّلْ لِمُمْسِكٍ تَلْفًا).

Lafaz (اللَّهُمَّ يَسِّرْ) hanya dijumpai dalam kitab *Tafsīr al-Rāzī*.³²¹

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

Hadith No. 55:

مَنْ أَسْلَفَ فَلْيُسَلِّفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ.³²²

Maksudnya: Barang siapa yang menjual dengan barangan tangguh, maka hendaklah ia menjualnya dengan sukatan tertentu, timbangan tertentu dan tempoh masa tertentu.

³¹⁸ Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Zakāh, Bab fī al-Munfiq wa al-Mumsik, hadith 2337, h. 837

³¹⁹ Al-Nasā’ī (2001), *op. cit.*, Kitab ‘Ishrah al-Nisā’, Bab Ithm man Ḍayya’ ‘Iyālah, hadith 9134, j. 8, h.269.

³²⁰ Ahmad bin Hanbal (1999), *op. cit.*, Musnad Abū Hurayrah, hadith 8054, j. 13, h. 419, hadith 8571, j. 14, h. 239; Ibn Ḥibbān (1993), *op. cit.*, Kitab Ṣadaqah al-Taṭawwu’, Bab Dhikr Du’ā’ al-Malak li al-Munfiq bi al-Khalaf wa l- al-Mumsik bi al-Talaf, hadith 3333, j. 8, h. 124.

³²¹ Al-Rāzī (2000), *op. cit.*, j. 7, h. 84.

³²² Al-Bantānī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 104, tafsir ayat ke-282.

a. Takhrij dan Penjelasan.

Hadith ini daripada Ibn ‘Abbās diriwayatkan di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Lafaz di atas sesuai dengan lafaz al-Tirmidhī dan al-Nasā’ī, lafaz al-Bukhārī ialah (مَنْ أَسْلَفَ فِي) (شَيْءٍ فَفِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ), Muslim pula dengan lafaz (مَنْ أَسْلَفَ فَلَا يُسْلِفُ) (إِلَّا فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ). Manakala Abū Dāwūd dan Ibn Mājah dengan lafaz (مَنْ أَسْلَفَ) (فِي تَمْرٍ ...).

Sanad *al-Kutub al-Sittah* semuanya sama kecuali pada gurunya masing-masing. Al-Bukhārī dengan tiga jalur daripada Ṣadaqah, ‘Alī dan Qutaybah, semuanya daripada Sufyān bin ‘Uyaynah.³²³ Muslim daripada Yaḥyā bin Yaḥyā, Abū Bakr bin Abī Shaybah, ‘Amr bin al-Nāqid, Ismā’īl bin Sālim, Muhammad bin Bashshār, dan ‘Abd al-Raḥmān bin Maḥdī, semuanya daripada Sufyān. Jalur lain daripada Shaybān bin Fārūkh daripada ‘Abd al-Wārith daripada Ibn Abī Najīḥ.³²⁴ Abū Dāwūd daripada ‘Abd Allāh al-Nufaylī,³²⁵ Al-Tirmidhī daripada Aḥmad bin Māni’,³²⁶ al-Nasā’ī daripada Qutaybah bin Sa’īd,³²⁷ Ibn Mājah daripada Hishām bin ‘Ammār.³²⁸ Sanad mereka semuanya bertemu pada Sufyān bin ‘Uyaynah.

b. Kualiti Hadith: *Ṣaḥīḥ*.

³²³ Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, Kitab al-Salam, Bab al-Salam fī Wazn Ma’lūm, hadith 2240, 2241, h. 174.

³²⁴ Muslim (2000), *op. cit.*, Kitab al-Musāqāh, Bab al-Salam, hadith 41118-4121, h. 957.

³²⁵ Abū Dāwūd (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Buyū’, Bab fī al-Salaf, hadith 3463, h. 623.

³²⁶ Al-Tirmidhī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Buyū’, Bab mā jā’ fī al-Salaf fī al-Ṭa’ām, hadith 1311, h.310.

³²⁷ Al-Nasā’ī (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Buyū’, Bab al-Salaf fī al-Thimār, hadith 4616, h. 703.

³²⁸ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, Kitab al-Tijārāt, Bab a-Salaf fī Kayl Ma’lūm..., hadith 2280, h. 391.

4.5 KLASIFIKASI HADITH HASIL PENELITIAN

Penelitian hadith, seperti terlihat di atas, telah selesai. Hasil tersebut memperlihatkan keragaman yang bermacam-macam, sama ada dari segi kualiti hadith, sumber riwayat, dan lain-lain. Dari segi kualiti hadith, terlihat beberapa variasi, bermula dari *ṣaḥīḥ* sampai yang *da'if*, bahkan yang paling buruk yakni *mawḍū'*. Dari segi mukharrij atau sumber hadith pula, juga sangat bervariasi. Lebih banyak hadith yang diriwayatkan oleh *al-Kutub al-Sittah*, tapi banyak juga yang diriwayatkan oleh *mukharrij* selain *al-Kutub al-Sittah*, sama ada dari kitab-kitab hadith mahupun kitab tafsir.

Fenomena lain dari hasil penelitian ini adalah adanya hubungan signifikan antara sumber riwayat dengan kualiti hadith. Didapati bahawa hadith-hadith dari sumber *al-Kutub al-Sittah*, darjat atau kualiti hadithnya tidak banyak yang bermasalah, manakala dari selain *al-Kutub al-Sittah* banyak yang bermasalah. Berikut ini, penulis akan mengemukakan kategori-kategori tersebut secara lengkap:

1. Klasifikasi Berdasarkan Sumber

Berdasarkan penelitian penulis, didapati bahawa Syekh Nawawi al-Bantānī merujuk kepada beberapa kitab tafsir dalam menyusun tafsir *Marāḥ Labīd*, sebagaimana yang beliau jelaskan dalam muqaddimah tafsirnya, iaitu kitab *Mafātīḥ al-Ghayb* atau *Tafsir al-Rāzī*, *al-Futūḥāt al-Ilāhiah*, *al-Sirāj al-Munīr*, *Tafsir Abī al-Sa'ūd*, dan *Tanwīr al-Miqbās*. Dari kelima sumber rujukan tersebut, tiada satu pun yang termasuk dalam kategori sumber primer. Bahkan hadith-hadith yang beliau muat dalam tafsirnya adalah merujuk langsung kepada kitab-kitab tersebut.

Walaupun penulis berusaha menyingkap kedudukan hadith-hadith tersebut dalam kitab-kitab sumber primer dan mengkajinya untuk mengetahui statusnya

atau kualitasnya sama ada ia adalah hadith yang diterima atau tidak. Setelah penelitian dilakukan, terdapat 43 buah karya terlibat atau menjadi sumber dalam menyebutkan hadith-hadith dalam kitab tersebut yang terdiri dari berbagai kitab khususnya tertumpu kepada bidang hadith antaranya *al-Kutub al-Tis'ah*, *al-Masānīd*, kitab tafsir dan sebagainya.

Perlu dinyatakan bahawa, bagi sesebuah hadith yang disebutkan, bukan sahaja satu sumber untuk sebuah hadith, tapi ditetapkan sekurang-kurangnya satu sumber sehingga lima atau lebih. Untuk hadith-hadith yang tidak dijumpai periwayatannya daripada sebarang sumber, maka akan dilabelkan dalam sumber yang “Tidak diketahui”.

Lebih jelasnya dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1 : Sumber Hadith-hadith dalam tafsir *Marāḥ Labīd*, Surah al-Baqarah.

Bil.	Sumber Hadith	Jumlah hadith
1	al-Bukhārī (<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>)	12
2	Muslim (<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>)	13
3	Abū Dāwūd (<i>Sunan Abī Dāwūd</i>)	19
4	al-Tirmidhī (<i>Sunan al-Tirmidhī</i>)	17
5	al-Nasā'ī (<i>Sunan al-Nasā'ī</i>)	16
6	Ibn Mājah (<i>Sunan Ibn Mājah</i>)	13
7	Imam Mālik (<i>al-Muwatta`</i>)	2
8	Ahmad bin Hanbal (<i>Musnad Ahmad</i>)	11
9	al-Dārimī (<i>Sunan al-Dārimī</i>)	4
10	al-Nasā'ī (<i>al-Sunan al-Kubrā</i>)	4
11	al-Nasā'ī (<i>Amal al-Yawm wa al-Laylah</i>)	1
12	Ibn Ḥibban (<i>Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>)	4
13	Ibn Ḥibban (<i>al-Thiqāt</i>)	1
14	al-Ḥākim (<i>al-Mustadrak</i>)	4
15	al-Dāraquṭnī (<i>Sunan al-Dāraquṭnī</i>)	1
16	al-Ṭabarānī (<i>al-Mu'jam al-Kabīr</i>)	4
17	al-Ṭabarānī (<i>al-Mu'jam al-Awsaṭ</i>)	1
18	al-Ṭabarānī (<i>Musnad al-Shāmiyyīn</i>)	3
19	al-Ṭabarānī (<i>al-Du'ā</i>)	1
20	Ibn Khuzaymah (<i>Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah</i>)	2
22	al-Bayhaqī (<i>al-Sunan al-Kubrā</i>)	4
23	al-Bayhaqī (<i>al-Sunan al-Ṣuḡhrā</i>)	1
24	al-Bayhaqī (<i>al-Jāmi' li Shu'ab al-Īmān</i>)	2
25	al-Bayhaqī (<i>Dalā'il al-Nubuwwah</i>)	1
26	Ibn Abī Shaybah (<i>Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah</i>)	2

27	‘Abd al-Razzāq (<i>al-Muṣannaḡ</i>)	1
29	al-Shāfi’ī (<i>Musnad al-Shāfi’ī</i>)	1
30	al-Bazzār (<i>Musnad al-Bazzār</i>)	1
31	al-Khaṭīb (<i>Tārīkh Madīnah al-Salām</i>)	1
32	al-Uqaylī (<i>al-Ḍu’afā’</i>)	1
33	Ibn al-Jawzī (<i>al-Mawḍū’āt min Aḥādīth al-Marfū’ah</i>)	1
34	al-Suyūṭī (<i>al-La’ālī al-Maṣnū’ah</i>)	1
35	Ibn al-Sunni’ (<i>‘Amal al-Yawm wa al-Laylah</i>)	1
36	Abū Nu’aym (<i>Ḥilyah al-Awliyā’</i>)	1
37	Abu Nua’aym (Akhhbār al-Aṣbahān)	1
38	al-Ṭabarī (<i>Jāmi’ al-Bayān</i>)	8
39	al-Wāḥidī (<i>Asbāb Nuzūl al-Qur’ān</i>)	3
40	Ibn Abī Ḥātim (<i>Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm</i>)	5
41	Ibn Mubarak (<i>al-Zuhd wa al-Raqāiq</i>)	1
42	Ibn ‘Asākir (<i>Tārīkh Dimashq</i>)	2
43	Ibn ‘Adī (<i>al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl</i>)	1
44	Tidak diketahui	11

Merujuk kepada jadual tersebut di atas menunjukkan bahawa periwayatan daripada *al-Ṣaḥīḥayn* atau dua buah kitab yang paling sahih iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah sebanyak 25 hadith dengan pecahan daripada riwayat al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ*-nya sebanyak 12 hadith dan daripada Muslim sebanyak 13 hadith. Manakala jika dikumpulkan pula jumlah hadith mengikut kekerapan daripada sumber *al-Kutub al-Sittah*, kita akan dapati bahawa jumlahnya mencapai 90 buah hadith. Jumlah hadith yang diriwayatkan oleh sunan empat (*al-Sunan al-Arba’ah*) sahaja mencecah 65 buah hadith iaitu daripada Abū Dāwūd dalam Sunannya sebanyak 19 hadith, daripada al-Tirmidhī dalam Sunannya sebanyak 17 hadith, daripada Sunan al-Nasā’ī sebanyak 16 hadith dan Sunan Ibn Mājah sebanyak 13 hadith.

Sumber lain yang termasuk dalam kategori *al-Kutub al-Tis’ah* ialah *Musnad Ahmad* yang meriwayatkan 11 hadith, *Muwatta’* Imam Malik yang meriwayatkan 2 hadith dan Sunan al-Dārimī meriwayatkan 4 hadith. Selain itu terdapat juga beberapa sumber daripada kitab Sahih dan Sunan selainnya daripada *al-Kutub al-Tis’ah*, iaitu *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān* yang meriwayatkan 4 hadith, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah* yang meriwayatkan 2 hadith, *al-Sunan al-Kubrā* karya al-Nasā’ī meriwayatkan 4 hadith,

Sunan al-Dāraqutnī meriwayatkan 1 hadith, *al-Sunan al-Kubrā* karya al-Bayhaqī meriwayatkan 4 hadith dan *al-Sunan al-Sughra* karya al-Bayhaqī juga meriwayatkan 1 hadith. Selain itu, terdapat juga sumber dalam kategori *Musnad* iaitu *Musnad al-Shāmiyyīn* karya al-Ṭabarānī yang meriwayatkan 3 hadith, *Musnad al-Shāfi'ī* meriwayatkan 1 hadith dan beberapa sumber hadith lainnya yang dapat dilihat pada jadual 1 di atas.

Selain daripada kitab-kitab hadith, terdapat juga sumber daripada kitab Tafsir dan *Asbāb al-Nuzūl* iaitu *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur`ān* karya al-Ṭabarī yang meriwayatkan 8 buah hadith, *Tafsīr al-Qur`ān al-'Azīm* karya Ibn Abī Ḥātim meriwayatkan 5 hadith, dan *Asbāb al-Nuzūl* karya al-Wāḥidī meriwayatkan 3 hadith.

Berdasarkan penjelasan di atas, didapati bahawa terdapat banyak sumber yang meriwayatkan hadith-hadith yang dikutip oleh Syeikh Nawawi dalam tafsirnya. Klasifikasi di atas menunjukkan bahawa *al-Kutub al-Sittah* adalah sumber yang paling banyak meriwayatkan hadith-hadithnya iaitu sebanyak 60 hadith dan sumber yang terbanyak meriwayatkan hadith ialah *Sunan Abī Dāwūd* iaitu sebanyak 19 buah hadith. Dengan demikian, dapat dinyatakan bahawa hadith-hadith yang disebutkan oleh Syeikh Nawawi di dalam karyanya *Marāḥ Labīd* mempunyai sumber periwayatannya. Walaupun diketahui bahawa beliau banyak merujuk kepada kitab-kitab tafsir terdahulu dalam mentafsirkan al-Qur`an termasuk juga dalam menukilkan hadith-hadith Nabi s.a.w. Oleh hal yang demikian, bagi mereka yang merujuk dan mengambil panduan dari kitab ini memerlukan sikap berhati-hati dan meneliti lebih mendalam terutamanya terhadap hadith-hadith yang disebutkan, memandangkan tidak semua mempunyai sumber periwayatan, bahkan ada yang tidak diketahui sumbernya.

2. Klasifikasi Hadith yang Tidak Diketahui Sumbernya

Sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya bahawa terdapat 11 buah hadith yang tidak ditemukan sumbernya daripada kitab-kitab induk atau primer. Setelah diteliti, didapati bahawa hadith-hadith tersebut dimuat oleh beberapa kitab tafsir sama ada kitab tafsir rujukan Syeikh Nawawi mahupun bukan. Gambaran rincian kitab tafsir tersebut dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 2: Hadith-hadith yang Tidak Diketahui Sumbernya

Bil.	Sumber hadith	Jumlah hadith
1	<i>Mafātīḥ al-Ghayb</i> karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī	9
2	<i>al-Sirāj al-Munīr</i> karya al-Sharbinī	2
3	<i>Ma'ālim al-Tanzīl</i> karya al-Baghawī	3
4	<i>Gharāib al-Qur`ān</i> karya al-Qummī	2
5	<i>al-Lubāb fī 'Ulūm al-Kitāb</i> Ibn 'Adī al-Dimashqī	1
6	<i>al-Kashshāf</i> karya al-Zamakhsharī	2

Jadual tersebut di atas menunjukkan bahawa hadith-hadith yang tidak ditemukan sumbernya daripada kitab-kitab primer, ternyata terdapat di dalam beberapa kitab tafsir yang dijadikan bahan rujukan oleh Syeikh Nawawi dalam menyusun tafsirnya, dua di antaranya adalah kitab-kitab yang beliau senaraikan sebagai bahan rujukannya, iaitu *Mafātīḥ al-Ghayb* atau disebut juga tafsir al-Rāzī yang memuat 9 buah hadith atau riwayat dan *al-Sirāj al-Munīr* yang memuat 2 buah hadith. Selain itu terdapat juga dalam tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* karya al-Baghawī dengan memuat 3 hadith, *Gharāib al-Qur`ān* karya al-Qummī dengan memuat 2 hadith, *al-Lubāb fī 'Ulūm al-Kitāb* karya Ibn 'Adī al-Dimashqī memuat 1 hadith sahaja dan *al-Kashshāf* karya al-Zamakhsharī memuat 2 hadith. Dengan demikian, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan hadith-hadith atau riwayat dalam *Marāḥ Labīd* yang tidak dijumpai sumbernya daripada kitab-kitab primer adalah dimuat oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī di dalam tafsirnya atau di dalam kitab-kitab tafsir lainnya yang menjadi sumber rujukan Syeikh Nawawi al-Bantānī.

3. Klasifikasi Berdasarkan Perawi Terdekat.

Sebagaimana telah dijelaskan pada perbahasan sebelumnya mengenai bentuk pengutipan hadith bahawa Syeikh Nawawi dalam mengutip hadith kebanyakannya tidak menyertakan perawi mahupun sumber periwayatannya. Bahkan tidak pernah sama sekali menyebutkan rangkaian sanad suatu hadith secara lengkap. Daripada 55 buah hadith yang disenaraikan, hanya 10 buah hadith sahaja yang disebutkan perawi terdekat (*al-Rāwī al-A'lā*). Namun, setelah ditakhrij dan diteliti, penulis menjumpai para perawi tertinggi yang meriwayatkan hadith-hadith tersebut, bahkan sesebuah hadith kadangkala diriwayatkan lebih daripada seorang perawi. Nama-nama perawi tersebut dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 3: Klasifikasi Berdasarkan Perawi Terdekat.

Bil.	Nama Perawi Terdekat	Jumlah Hadith
1	Abū Hurayrah	9
2	Ibn 'Abbās	6
3	'Āisyah	5
4	Anas bin Mālik	3
5	al-Ḥasan (<i>mursal</i>)	3
6	Ibn 'Umar	3
7	Jābir bin 'Abd Allāh	3
8	'Abd Allāh bin 'Amr bin al-'Aṣ	2
9	Abū Umāmah al-Bāhili	2
10	al-Barrā' bin 'Āzib	2
11	Buraydah	2
12	Mu'adh bin Jabal	2
13	'Ali bin Abi Talib	1
14	'Amr bin Hammad	1
15	'Amr bin Hazm	1
16	'Amr bin Kharijah	1
17	'Aṭiyyah al-'Awfi (<i>mursal</i>)	1
18	Faṭimah binti Abī Ḥubaysh	1
19	Ibn Abī Layla	1
20	Ibn Mas'ūd	1
21	al-'Irbād bin Sariyyah al-Sulamī	1
22	Jābir bin Samurah	1
23	Khālid bin Abī 'Imrān	1
24	Khālid bin Ma'dan al-Kalā'i	1
25	Ma'qil bin Yasār	1
26	Mu'awiyah bin Hidah	1

27	Muhammad bin ‘Alī (<i>mursal</i>)	1
28	Muhammad bin al-Munkadir (<i>mursal</i>)	1
29	al-Mughīrah bin Shu’bah	1
30	al-Nu’mān bin Bashīr	1
31	Sa’īd bin Jubayr	1
32	Sa’īd bin Zayd	1
33	Sahl bin Abī Hathmah	1
34	Sahl bin Sa’d al-Sā’idī	1
35	Shaddād bin Aws	1
36	al-Suddī al-Kabīr (<i>mursal</i>)	1
37	Thābit bin Aslam	1
38	‘Umar bin al-Khattāb	1
39	‘Urwah bin al-Zubayr	1
40	Wa’il bin Hajr	1
41	Tidak diketahui	11

Berdasarkan jadual di atas, telah disenaraikan seramai 40 orang perawi terdekat, sama ada daripada sahabat Nabi s.a.w. ataupun para tabi’in yang telah meriwayatkan hadith-hadith dalam tafsir *Marāḥ Labīd*, surah al-Baqarah. Daripada 40 orang perawi, terdapat hanya dua orang perawi wanita iaitu *Umm al-Mukminīn* ‘Āishah dan Fāṭimah binti Abī Ḥubaysh. Manakala perawi daripada kalangan lelaki sebanyak 38 orang. Daripada 40 orang perawi, Abū Hurayrah adalah perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith iaitu sebanyak 9 buah hadith, kemudian disusul oleh Ibn ‘Abbās dengan 6 buah hadith, ‘Āisyah dengan 5 buah hadith, Anas bin Mālik dengan 3 buah hadith, al-Ḥasan (*mursal*) dengan 3 buah hadith, Ibn ‘Umar dan Jabir dan Jābir bin ‘Abd Allāh meriwayatkan 3 buah hadith. Adapun perawi yang masing-masing meriwayatkan 2 buah hadith seramai lima orang, mereka adalah ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Aṣ, Abū Umāmah al-Bāhilī, al-Barrā`bin ‘Āzib, Buraydah, Mu’ādh bin Jabal. Manakala, baki daripada keseluruhan perawi iaitu seramai 28 orang perawi, masing-masing meriwayatkan sebuah hadith sahaja, sebagaimana nama-nama mereka dapat dilihat pada jadual di atas. Manakala 11 hadith pula yang diletakkan di bawah kategori “Tidak diketahui” iaitu daripada hadith atau riwayat yang tidak dijumpai sebarang sumber periwayatannya dan tidak pula dapat ditentukan siapakah perawinya.


4. Klasifikasi Berdasarkan Kualiti Hadith

Berdasarkan penelaahan penulis, hadith *marfū'* yakni yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. yang terdapat di dalam tafsir surah al-Baqarah dari kitab *Marāḥ Labīd* ialah berjumlah 55 hadith. Daripada 55 hadith hanya 44 hadith sahaja yang dapat dianalisis sanadnya dan 11 hadith lagi tidak dapat ditemukan sumbernya dan sanadnya. Seperti klasifikasi sebelumnya, 11 hadith tersebut akan dikategorikan sebagai "Tidak diketahui". Klasifikasi kualiti hadith-hadith tersebut dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 4 : Jumlah Hadith dan Peratusnya Berdasarkan Kualiti Hadith

Bil.	Kualiti Hadith	Jumlah Hadith	Peratusan Keseluruhan
1	<i>Sahīḥ</i>	27	50
2	<i>Ḥasan</i>	5	9
3	<i>Da'if</i>	9	16
4	<i>Mawḍū'</i>	3	5
5	Tidak Diketahui	11	20
	Jumlah	55	100

Rajah: Peratusan Berdasarkan Kualiti Hadith



Merujuk kepada Jadual 4 dan gambar rajah di atas, daripada keseluruhan 55 hadith yang disebutkan oleh Syeikh Nawawi, hadith *ṣaḥīḥ* menempati jumlah yang terbanyak, iaitu sebanyak 27 hadith atau mewakili 50% keseluruhan, hadith *ḥasan* sebanyak 5 hadith atau 9%, hadith *ḍa'īf* sebanyak 9 hadith atau 16%, yang berkualiti *mawḍū'* sebanyak 3 hadith atau 5%, manakala hadith yang tidak diketahui statusnya sebanyak 11 hadith atau 20%. Dengan demikian, hadith yang berstatus *ṣaḥīḥ* berada pada *ranking* tertinggi berbanding dengan hadith-hadith berstatus lainnya.

Hadith *ṣaḥīḥ* yang terdapat kategori di atas, merangkumi hadith *ṣaḥīḥ li dhātih* dan *ṣaḥīḥ li ghayrih*, begitu juga hadith yang berstatus *ḥasan*, termasuklah *ḥasan li dhātih* dan *ḥasan li ghayrih*. Manakala hadith *ḍa'īf*, termasuklah yang jelas *ḍa'īf*-nya berdasarkan pendapat ulama-ulama dan yang dinilai *ḍa'īf* oleh penulis berdasarkan kaedah kritik sanad. Hadith *mawḍū'* pula, ditetapkan berdasarkan penilaian ulama terhadapnya bahawa riwayat tersebut adalah *mawḍū'*.

4.6 KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan atau perbincangan terhadap keempat-empat aspek yang telah disebutkan, jika dilihat dari segi sumber utama (*primer*) hadith-hadith tersebut, jumlahnya adalah mencecah 43 buah kitab daripada pelbagai jenis seperti kitab-kitab hadith *Ṣaḥīḥ (al-Jawāmi')*, kitab-kitab Sunan (*al-Sunan*), *al-Ma'ājim*, *al-Masānīd*, *al-Muṣannafāt*, kitab-kitab Tafsir dan sebagainya. Terdapat juga sumber kedua (*sekunder*) yang dirujuk untuk mendapatkan maklumat takhrij tersebut. Hadith-hadith yang tidak diketahui sumbernya pula dapat ditemukan di dalam beberapa kitab tafsir yang sebahagiannya telah disenaraikan oleh Syeikh Nawawi dalam mukaddimah tafsirnya sebagai rujukan utama.

Dari segi perawi terdekat dari kalangan sahabat atau tabi'in pula menunjukkan jumlah perawi yang ramai iaitu sebanyak 40 orang perawi yang merangkumi perawi lelaki dan wanita. Namun, didominasi oleh perawi lelaki. Perawi yang meriwayatkan hadith terbanyak adalah Abū Hurayrah r.a. yang merupakan dari kalangan sahabat yang banyak meriwayatkan hadith. Selepas itu, diikuti oleh Ibn 'Abbās r.a. kemudian Sayyidatuna 'Āishah r.a..

Manakala dari sudut status atau kualiti hadith, kebanyakan hadith yang dinyatakan di dalam tafsir surah al-Baqarah daripada kitab *Marāḥ Labīd*, berada pada status hadith *ṣaḥīḥ* iaitu mewakili 50 peratus atau 27 hadith daripada keseluruhan 55 hadith. Namun, secara keseluruhannya, hadith-hadith yang sesuai dijadikan hujah adalah sebanyak 59 peratus daripada peratusan keseluruhan iaitu gabungan jumlah antara hadith berstatus *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* sebanyak 32 buah hadith.

Walaupun kitab ini mengandungi banyak hadith *ṣaḥīḥ*, namun dalam masa yang sama mengandungi dan bercampur dengan hadith-hadith lemah seperti *ḍa'if* iaitu sebanyak 9 buah hadith dan *mawḍū'* sebanyak 3 hadith. Bahkan pada masa yang sama sebahagian hadith tidak pula diketahui statusnya sama ada diterima atau berada dalam kategori ditolak. Dengan demikian, sesuatu yang perlu diambil perhatian sewajarnya adalah berkaitan dengan hadith-hadith yang ditolak dan hadith-hadith yang tidak diketahui sumber periwayatannya. Meskipun dalam kategori *ḍa'if* sesetengah ulama membenarkan penggunaannya tetapi dengan beberapa syarat yang sangat ketat antaranya, hadith tersebut tidak terlalu lemah (*ḍa'if jiddan*), hadith tersebut berkaitan dengan *faḍāil al-a'māl* atau mengenai *al-targhīb wa al-taḥhīb* dan lain sebagainya. Olehnya itu, sewajarnya berhati-hati dalam berpegang dan beramal dengan dengan hadith yang *ḍa'if*.

Adapun hadith-hadith yang termasuk dalam kategori *mawḍū'*, penggunaannya dalam apa jua keadaan adalah dilarang khususnya dalam penghujahan mahupun beramal dengannya. Ini kerana hadith *mawḍū'* bukanlah hadith tetapi suatu lafaz yang dicipta lalu disandarkan kepada Nabi s.a.w. sedangkan Nabi s.a.w. sama sekali tidak berkata demikian. Begitu juga halnya dengan hadith yang tidak diketahui sumber periwayatannya, perlulah berhati-hati dengannya demi mengelakkan penggunaan hadith yang tidak berautoriti.